



## DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

### DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

#### PENGGAL KETIGA

#### MESYUARAT KETIGA

---

**SHAH ALAM, 04 NOVEMBER 2015 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

#### **YANG HADIR**

**Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
(Tuan Speaker)**

**Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
(Dato' Menteri Besar Selangor)**

**Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)**

**Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)**

**Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)**

**Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)**

**Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)**

**Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)**

**Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)**

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlal (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
**Encik Abdul Khalil bin Sabiis**  
Encik Hairudin bin Omar

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahir rahmanir rahim.* Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ke-13 pada 4 November 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Selamat pagi semua. Soalan seterusnya, Kuang. Tidak hadir, Pandamaran, tidak hadir, Lembah Jaya, tidak hadir, Kajang, tidak hadir, Sungai Burong, tidak hadir, Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC) NEGERI SELANGOR**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah keberkesanan penyediaan OSCC yang disediakan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Berapakah jumlah kes yang diterima sejak tahun 2012 hingga bulan September 2015?
- c) Sila pecahkan mengikut kategori keganasan keluarga, penderaan, rogol serta jantina dan umur mangsa?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : KEGANASAN RUMAH TANGGA MELIBATKAN WANITA**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri untuk membantu golongan wanita yang terlibat dalam kes-kes keganasan keluarga dan juga sebagai mangsa rogol?
- b) Berapakah jumlah kes yang diterima oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2014 hingga bulan Oktober 2015?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Teluk Datuk, Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan 41 bersama soalan 124 daripada Teluk Datuk juga berkenaan OSCC (*One Stop Crisis Centre*). Tuan Speaker, di negeri Selangor perkhidmatan OSCC ini disediakan di semua hospital kerajaan yang berjumlah 10 buah hospital di negeri Selangor. Perkhidmatan ini ditempatkan di Unit Kecemasan dan Trauma di sesebuah hospital tersebut di mana setiap kes mula diberikan rawatan. Setiap kes penderaan, rogol, keganasan akan diberikan rawatan sepenuhnya di unit ini sebelum dirujuk ke wad untuk rawatan selanjutnya sekiranya perlu atau di *discharged*. Dengan adanya perkhidmatan OSCC ini ia memberi kemudahan kepada para pesakit dan yang paling penting adalah dapat menjaga kehormatan mereka. Kerajaan Negeri Selangor memandang serius dengan kes-kes keganasan rumah tangga atau *domestic violence* ini dan juga mangsa rogol yang melibatkan wanita sebagai mangsa. Justeru itu, Kerajaan Negeri seiring sebagai negeri berkebajikan akan meneruskan pelbagai program *One Stop Crisis Centre* ini dan kempen-kempen anti keganasan terhadap wanita dan keluarga. Selain itu, program-program terhadap kesedaran, keganasan juga akan dipergiatkan lagi.

Melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga juga, Kerajaan Negeri akan merangka pelbagai program-program pembangunan keluarga dan pemerkasaan keluarga selaras dengan nilai-nilai murni dan mengikut acuan agama masing-masing. Jumlah kes yang diterima sejak tahun 2012 sehingga September 2015, data bagi tahun 2015 sedang dikemaskinikan, jadi jumlah kes daripada 2012 sehingga 2014 bagi keseluruhan kes dewasa adalah sejumlah 4,049 manakala jumlah keseluruhan kes untuk kanak-kanak daripada 2012 sehingga 2014 adalah sejumlah 2,093 manakala taburan kes OSCC dewasa mengikut jantina daripada 2012 sehingga 2014, wanita adalah sejumlah 3,664 iaitu 90.5% manakala lelaki adalah sejumlah 385 iaitu 9.5%. Taburan kes deraan fizikal kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2014 mengikut umur, kanak-kanak 0-9 tahun, keseluruhan kes daripada 2012 sehingga 2014 adalah 474, kanak-kanak 10-17 tahun adalah jumlah 316 dan kanak-kanak 18-19 tahun adalah 80 kes. Manakala taburan kes deraan seksual untuk kanak-kanak daripada tahun 2012 sehingga 2014 mengikut umur, kanak-kanak 0-9 tahun 391, kanak-kanak 10-17 tahun 116 kes dan kanak-kanak 18-19 tahun, 942 kes. Taburan kes deraan psikologi kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2014 mengikut umur, kanak-kanak 0-9 tahun 34 kes, dan kanak-kanak 10-

17 tahun adalah 11 kes. Manakala kes-kes jenis penderaan untuk wanita, penderaan fizikal 3,288 penderaan seksual 376. Lelaki, penderaan fizikal 372 dan penderaan seksual adalah 12 kes. Jumlah keseluruhan kes adalah 4,049.

**TUAN SPEAKER :** Sabak tidak hadir. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker, Soalan 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI**  
**(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : TERDAPAT BANYAK ANJING LIAR BERKELIARAN DI KAWASAN PERBANDARAN**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kes penyakit anjing gila di negeri Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan untuk mengawal anjing liar ini?
- c) Berapa banyak anjing liar yang telah ditangkap oleh PBT. Senaraikan mengikut PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR**  
**(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : WABAK ANJING GILA RABIES**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan persediaan dan langkah pencegahan bagi menghadapi wabak anjing gila yang kini sedang merebak?
- b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membunuh anjing liar di Selangor bagi mengelakkan wabak ini menular?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih pada Kota Anggerik, Tuan Speaker. Sehingga kini tiada sebarang kes penyakit gila ataupun *rabies* telah dilaporkan di negeri Selangor dan kita masih kekal bebas daripada wabak *rabies*. Kerajaan Negeri melalui PBT menjalankan aktiviti kawalan anjing liar dengan beberapa kaedah seperti berikut :

- 1) Melakukan tangkapan dan pelupusan anjing liar dengan menggunakan kaedah tangkapan efektif
- 2) Menjalankan program kendiri bagi mengawal populasi anjing liar
- 3) Mengadakan kempen untuk melesenkan anjing

Jumlah tangkapan anjing liar dari Januari hingga September tahun ini adalah, jumlahnya 15,176 ekor dan statistik itu saya akan hantar kepada Yang Berhormat Kota Anggerik nanti dan saya juga ingin menjawab soalan bersekali dengan soalan 77 yang dikemukakan oleh Hulu Bernam. Tindakan pencegahan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah menjalankan *surveillance active* dan *surveillance passive*. *Surveillance active* bermaksud mengambil dan menguji sampel-sampel bagi mengesan kehadiran penyakit *rabies*. Program *surveillance active* ini telah dijadualkan lebih awal pada setiap tahun, *surveillance passive* pula adalah di VS Selangor iaitu Veterinar Selangor bersama-sama dengan PBT dan Jabatan Kesihatan Negeri menyiasat setiap kes gigitan anjing yang dilaporkan oleh orang awam bagi memastikan kes berkenaan tidak berkaitan dengan kes *rabies*. Kerajaan Negeri masih meneruskan penangkapan anjing liar yang dilaksanakan oleh semua PBT dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar pula mengesahkan bahawa langkah ini disokong oleh Pertubuhan Antarabangsa bagi penyakit haiwan di bawah *OIE Terrestrial Animal Health Standard Commission Manual Chapter 7.7 Stray Dog Population Control*. Dua sesi mesyuarat khas telah diadakan bersama Jabatan Veterinar Selangor dan wakil Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membincangkan isu pencegahan dan dipengerusikan oleh saya sendiri. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meningkatkan bilangan sampel yang dihantar untuk ujian daripada yang dahulu, setiap daerah, satu sampel setiap tahun. Dan, tukar kepada setiap PBT satu sampel setiap bulan sehingga bulan Disember tahun ini. Dan jumlah kos melibatkan RM32,000.00. Dan selain itu, arahan telah diberikan kepada 2 PBT khususnya di kawasan sempadan wabak iaitu Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) untuk meningkatkan usaha penangkapan anjing dan kucing liar

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Sejauh manakah keberkesanan usaha kerajaan dalam menangkap anjing liar ini berbanding populasi yang ada?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Untuk makluman Yang Berhormat, kita tak ada satu sesi yang khas untuk kita mengira berapa jumlah anjing liar di dalam kawasan negeri Selangor. Kita akan teruskan usaha di setiap PBT kerana kita nak, selain daripada mencegah wabak *rabies*, tapi kita juga nak mengurangkan kacau gangguan daripada anjing liar kepada penduduk tempatan.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, soalan tambahan saya berkenaan anjing-anjing liar yang ditangkap oleh pihak Majlis. Bagaimana nak menguruskan anjing-anjing liar ini selepas ditangkap. Apakah mekanisme yang digunakan kerana banyak NGO yang prihatin terhadap anjing, mereka ada kritikan dan sebagainya. Apakah pendirian kerajaan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Kita, cara kita adalah, SOP kita ada mengikut satu garis panduan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di peringkat Kementerian. Kita mengikut SOP itu, kita menggunakan cara yang lebih berperikemanusiaan bukan macam kita guna pistol dan sebagainya. Kita gunakan cara yang lebih berperikemanusiaan dan lepas itu kita akan hantar anjing tersebut kepada satu tempat untuk kumpul, satu tempoh kalau tak ada pemilik untuk datang tuntut kita akan lupuskan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA :** Apakah kaedah telah dijumpai kaedah baru untuk menangkap anjing-anjing liar ini? Apa yang saya ketahui Majlis selalu menghadapi masalah untuk menangkap anjing-anjing ini, kerana setiap kali lori-lori Majlis yang bertanggungjawab untuk menangkap anjing liar ini datang, ia dapat dikesan oleh anjing-anjing ini dan mereka lari tak dapat dikesan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Mungkin anjing tu dia tau lah. Senses. Tapi kita akan cubalah. Cuba sedaya upaya supaya, kerana kita hanya ada cara itu. Kita biasanya kita akan, mereka akan bawa kakitangan yang berkaitan dengan kereta yang khas untuk pergi ke kawasan tersebut yang kita terima aduan untuk kita tangkap. Mungkin fenomena itu mungkin wujud tapi kita tak boleh katakan bahawa bila kita tiba, anjing itu akan hilang dan sebagainya. Tapi kita akan cubalah sedaya upaya untuk tangkap anjing tersebut.

**TUAN SPEAKER :** Semenyih. Ya, Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Speaker Peraturan 24(2), saya ingin mengambil soalan No. 44.

**TUAN SPEAKER :** Saya benarkan, silakan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Pada bulan Mac 2015 berdasarkan siasatan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, mendapati sebuah kilang di lembangan Sg.

Langat yang terletak di kawasan perindustrian Sungai Purun, Semenyih telah mencemarkan kualiti air Sungai Semenyih dan menyebabkan henti tugas operasi loji rawatan air Sungai Semenyih serta gangguan bekalan air kepada pengguna. Tindakan penguatkuasaan telah diambil dengan menahan kelengkapan kilang tersebut daripada beroperasi selama 2 minggu bagi tempoh 1 April sehingga 14 April 2015. Kilang tersebut seterusnya berhenti operasi apabila pihak Majlis Perbandaran Kajang telah membatalkan lesen perniagaannya pada 14 April 2015. Pencemaran kualiti air Sg. Langat berpunca daripada pelbagai aktiviti lain seperti pembuangan sampah sarap, aktiviti kerja tanah, pelepasan kumbahan, aktiviti perniagaan dan komersial, bengkel, restoran, pasar basah, aktiviti perlombongan pasir dan penternakan.

Agensi yang bertanggungjawab melakukan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pencemaran di sungai-sungai adalah Lembaga Urus Air Selangor dan terdapat pasukan-pasukan yang akan turun untuk memantau kualiti air dan sebagainya. Ianya menggunakan konsep pengurusan bersepadu lembangan sungai ataupun *integrated river basin management* di lembangan Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang dengan pelbagai agensi lain seperti pihak berkuasa tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Veterinar dan Jabatan Alam Sekitar. Fokusnya diberi kepada pelindungan sumber bekalan air dan loji rawatan air yang sering menerima kesan akibat pencemaran dari pelbagai sumber seperti industri, tapak pelupusan sampah, aktiviti kerja tanah, pelepasan kumbahan dan sebagainya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ok. Memandangkan jawapan daripada EXCO tadi ada banyak sebab-sebab yang menyebabkan pencemaran sungai ya, jadi yang boleh memberi kesan kepada air ataupun kualiti *raw water* lah dengan izin di sungai-sungai, jadi sejauh mana akta yang kita ada boleh dikuatkuaskan untuk mengatasi semua perkara-perkara yang ada ini terutama yang melibatkan pencemaran oleh individu-individu, apakah PBT-PBT memainkan peranan? Adakah ada akta-akta yang tertentu yang membolehkan mereka juga menguatkuaskan, memastikan sungai kita pada tahap yang baik?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Sepatutnya satu pasukan yang terdiri daripada pelbagai agensi kalau ada masalah akan turun. Jadi ada pelbagai undang-undang yang boleh digunakan. Ini bergantung kepada jenis pencemaran yang berlaku. Kalau pencemarannya berpunca daripada industri maka Jabatan Alam Sekitar akan bertanggungjawab. Kalau pencemarannya ada unsur-unsur seperti *biological* ataupun pencemaran oleh yang disebabkan oleh ternakan maka ada undang-undang di mana Lembaga Urus Air Selangor boleh digunakan dan juga

Pihak Berkuasa Tempatan boleh memain satu peranan yang amat penting dan juga besar di mana kalau terdapat fakta dan juga maklumat di mana sesebuah perniagaan ataupun kilang membuat pencemaran maka PBT tersebut juga boleh membatal lesen operasinya.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Adakah apa inisiatif dari Kerajaan Negeri supaya mengkaji semula undang-undang yang ada supaya penguatkuasaan itu lebih ketat dan lebih *co-ordinated* dengan izin.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Ini koordinasi ataupun penyelarasan antara pelbagai agensi sudah ditetapkan dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang disenaraikan dalam undang-undang seperti akta ataupun enakmen yang sedia ada. Untuk mengkaji semula memang semua undang-undang khasnya dalam Negeri Selangor akan dikaji pada masa ke semasa untuk dengan izin, *to update the law* kalau keadaan mengizinkan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PENDAPATAN PEKERJA LADANG**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- Apakah rancangan Kerajaan Selangor dalam usaha membantu pekerja-pekerja ladang berpendapatan rendah demi meningkatkan pendapatan mereka?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Tuan Speaker, saya pohon izin untuk menjawab soalan 45 bersamaan dengan soalan 89.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : DASAR PERSARAAN PEKERJA LADANG**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri Selangor terhadap persaraan bagi pekerja ladang?
- b) Bagaimana Kerajaan Negeri dapat memastikan kehidupan pekerja ladang memenuhi keperluan asas kehidupan seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik dan kediaman yang selamat?

Tuan Speaker, sering kali kita mendengar isu dan masalah yang dikaitkan dengan pekerja-pekerja ladang khususnya yang telah bersara. Masalah-masalah akan timbul setelah pekerja ladang berkenaan terpaksa keluar daripada rumah kuarters ladang yang didiami sekian lama mengakibatkan mereka kehilangan tempat berteduh, hilang punca pendapatan dan secara tidak langsung peningkatan kos sara hidup disebabkan oleh bayaran sewa rumah yang tinggi serta ketidakstabilan ekonomi keluarga. Kebanyakan daripada pekerja ladang tidak mempunyai kediaman atau tanah sendiri dan hal ini mengakibatkan golongan seperti ini sering kali mendapatkan perhatian daripada ADUN-ADUN kawasan mereka. Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang sebenarnya tiada dasar khusus untuk membantu pekerja ladang yang telah bersara. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang adalah berperanan untuk membantu seluruh pekerja ladang di Negeri Selangor menghadapi kehidupan persaraan dengan penganjuran program-program yang dapat memberi manfaat kepada golongan sasaran ini. Bagi pekerja ladang yang telah bersara, Kerajaan Negeri telah menganjurkan beberapa program berbentuk latihan kemahiran dengan diterapkan asas-asas untuk memulakan sesbuah perniagaan. Program-program dan kursus kemahiran yang telah dijalankan adalah seperti kemahiran membuat kek, kemahiran menjahit, kemahiran bersolek, seminar motivasi, ceramah bagi meningkatkan semangat dan keyakinan diri dan sebagainya. Antara yang utama adalah program bantuan mesin peralatan *blueprint* yang mana pemohon boleh membuat permohonan bagi memiliki mesin atau peralatan secara percuma bagi memulakan sesuatu perniagaan demi meningkatkan taraf ekonomi mereka. Walau bagaimanapun, dalam tinjauan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bekas pekerja ladang yang lebih cenderung di dalam bidang pertanian dan justeru itu, memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan tapak tanah untuk dijadikan sebagai kebun kecil-kecilan yang dapat menampung keperluan mereka. Kerajaan Negeri sentiasa peka akan keperluan dan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja dan bekas pekerja ladang di seluruh Negeri Selangor. Kediaman yang selesa dan selamat, kemudahan bekalan air bersih dan bekalan elektrik sentiasa menjadi keperluan asas oleh setiap rakyat di Negeri Selangor. Secara amnya, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai kuasa dalam bidang pentadbiran sesbuah ladang milik swasta. Namun begitu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah menjalankan beberapa siri lawatan ke ladang-ladang yang masih beroperasi dan aktif di Negeri Selangor dalam

mendapatkan maklum balas masalah dan isu yang ingin diketengahkan oleh pekerja dan bekas pekerja ladang ini. Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang memainkan peranan dalam perbincangan bersama majikan atau pemilik ladang berkenaan bagi membawa isu-isu yang diketengahkan oleh pekerja ladang khususnya kemudahan asas, air, elektrik dan kediaman yang selesa. Dalam perbincangan yang telah diadakan, kemudahan-kemudahan ini perlu disediakan oleh majikan dan pemilik ladang berkenaan dalam menjaga kebijakan para pekerja ladang. Keberkesanan lawatan ini dapat dilihat dalam penyelesaian isu air dan elektrik di Ladang Semenyih sebelum ini. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih Speaker. Saya dengar jawapan EXCO tadi, di kawasan saya ada lebih kurang 16 buah ladang. Jadi, saya tak pernah lihatlah ada apa-apa insentif yang dimaksudkan oleh Y.B. tu sampai ke kawasan ini sebab saya sentiasa, bukanlah sentiasa saya boleh kata *every week* saya berada di kawasan. Yang kedua, apakah disebabkan maklumat....

**TUAN SPEAKER :** Soalannya Permatang?

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Soalannya apakah maklumat itu tidak sampai kepada mereka maknanya peluang-peluang ataupun insentif itu tidak sampai kepada mereka ataupun peruntukan itu dah begitu terhad untuk mereka nikmati. Dan yang, kalau boleh Speaker saya nak tambah satu lagi. Apakah Kerajaan Negeri boleh mengubahkan skop bantuan seperti infrastruktur kepada kawasan-kawasan estet sebab estet ini milik persendirian yang mana dari segi peraturan kewangannya kita sedia maklum peraturan kewangan kerajaan tidak disalurkan kepada kawasan-kawasan persendirian ataupun estet? Apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mengubah akta supaya mereka juga boleh menikmati air bersih, bekalan elektrik yang panjang dan juga kemudahan-kemudahan asas yang sepatutnya dinikmati seperti mana kampung-kampung yang lain? Terima kasih. Tiga perkara tu.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih kepada Y.B. Permatang. Berkenaan dengan isu peruntukan perlu difahamkan kita hanya ada RM500,000.00 untuk membuat program-program kemasyarakatan bersama dengan masyarakat ladang ini. Memang diakui ada lapan (8) buah estet di kawasan apa tu..di Permatang dan ada sembilan (9) sekolah Tamil (SJK) itu menunjukkan begitu ramainya apa tu..banyaknya estet, ladang di kawasan anda, di kawasan Permatang. Namun, apa yang kita nampak mereka terpencil jauh sangat. Saya telah menurun banyak kali sebenarnya kepada ladang-ladang tersebut. Program berupa yang memang kita peruntukan yang sedia ada adalah terhad untuk membantu dan

merancang program-program yang khususnya dan dalam pada ini baru-baru ini di Permatang kawasan seperti Sungai Tinggi Estet disebabkan pertukaran majikan mereka telah meminta mereka dikeluarkan beberapa keluarga dan saya telah mengadakan siri bersiri apa tu, siri perbincangan bersama dengan pemilik baru dan juga pemilik yang lama setelah mendapat sementara waktu setelah mendapat mereka masih lagi duduk di situ. Bagaimanapun, saya percaya Kerajaan Negeri bukan sahaja setakat peruntukan di bawah peladang ya, mereka telah Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.B. Menteri Besar telah pun sebenarnya membawa dasar-dasar yang baru seperti 'Hijrah' yang terbaru dengan membawa kepada aliran ke membawa telah membuka peluang kepada peladang supaya mereka juga mengambil peluang dalam program-program di bawah Kerajaan Negeri dan juga bukan sahaja setakat itu program-program di bawah MES pun telah mereka mendapat manfaat yang secukupnya. Dalam pada itu, tentang skop berkenaan tentang infra perlu diingatkan ini adalah tanah milik, hak milik individu. Setiap ladang tersebut adalah hak milik individu. Sekiranya nak buat sebarang pertukaran apa tu undang-undang berkenaan tersebut perlu diingatkan ini semua akta ini kuasa-kuasa terletak di bawah Menteri Sumber Manusia. Ya, segala syarat nyata untuk menjaga hak pekerja tersebut adalah di bawah Sumber Manusia. Kalau kita boleh ingatkan mereka mungkin adalah lebih baik. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya lanjutan daripada masalah pekerja ladang ini berkaitan dengan Ladang Tumbuk. Di sana terdapat 12 bekas pekerja ladang yang dahulunya mereka duduk di kawasan perumahan pekerja ladang ini dan akhirnya setelah mereka tidak berupaya untuk kerja mereka ini tinggal masih lagi di rumah pekerja ladang tapi dalam keadaan uzur. Dan hasil daripada usaha EXCO yang pada ketika itu Seri Andalas EXCO, dia mengusahakan supaya tapak rumah kediaman disediakan. Jadi, saya nak bertanya kepada Y.B. EXCO apakah status sehingga kini sedangkan lot tu telah pun seolah diukur dan ditentukan mereka yang dapat tetapi apakah status tanah tersebut? Adakah ianya milik pekerja ladang atau masih lagi kekal atau masih lagi milik ladang?

**TUAN SPEAKER** : Kota Alam Shah mungkin boleh bekalkan jawapan nanti kerana ini adalah soalan tambahan spesifik. Tak adil untuk pihak kerajaan ya. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Adakah kerajaan bersedia ataupun merancang untuk membuat *retraining* program khas untuk anak-anak pekerja ladang? Mereka tidak mempunyai pendidikan yang tinggi dan tidak mempunyai skil yang baik.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Ya Kota Anggerik. Sebenarnya salah satu program di bawah INPENS sebenarnya kita tujuhan kepada anak-anak pekerja ladang dan kita memberi di bawah Kerajaan Negeri melalui Kolej INPENS ini, kita memberi kemahiran yang kepada anak-anak pekerja ladang yang sentiasa selalunya kebanyakannya mereka tercicir daripada melanjutkan pelajaran ke *university level*. Bagaimanapun, program-program yang sedia ada perlu ditambah baik. Saya percaya memang UPEN sekarang sedang kaji dan mereka sedang merangka agar satu program yang lebih holistik boleh merangkumi dalam membantu golongan yang *second generation* yang dipanggil apa tu, *generation* yang lain, kedua tu supaya mereka dapat mengubahsuai ataupun dapat dengan izin, *what do we say the..I mean they to be ready for the new kind of working environment*. Itu mereka sedang sediakan rangka-rangka begitu dan kajian sedang dibuat juga. Dalam pada sekarang pun, *INSPENS College* pun sudah kira bagus sudah ada program yang baik untuk mereka.

**TUAN SPEAKER :** Sebelum saya panggil soalan seterusnya saya ingatkan semua supaya matikan telefon bimbit ataupun letak dalam *silent mode* ya. Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 46.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : HAL EHWAL ISLAM**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah buah sekolah SRA dan MITS yang telah dibangunkan oleh kerajaan untuk tempoh 2013 – 2015?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut?
- c) Berapa ramaikah rakyat Selangor menerima bantuan zakat sehingga 2015 dan nyatakan mengikut kategori dan daerah masing-masing?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Tanjung Sepat. Tanjung Sepat bertanyakan berkaitan dengan sekolah rendah agama dan juga MITS yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 2013 hingga 2015. Jumlahnya adalah 33 buah.

Berdasarkan kod P.14 (PK 1) jumlah yang diperuntukkan bagi pembinaan dan penyelenggaraan SRA adalah seperti berikut :-

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
2013	38,698,287.60
2014	27,341,819.56
2015	9,423,957.08
<b>Jumlah</b>	<b>75,464.064.24</b>

Berkaitan dengan penerima bantuan zakat sehingga 2015, berikut merupakan bilangan asnaf keluarga yang menerima bantuan zakat dari tahun 2014 hingga 2015 ;

**Bilangan Asnaf Fakir dan Miskin (Keluarga) Yang Menerima Bantuan Zakat Bagi Tahun 2014**

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Keluarga</b>	
		<b>Fakir</b>	<b>Miskin</b>
1	Gombak	961	1,499
2	Petaling	1,972	4,913
3	Hulu Langat	4,523	6,434
4	Kuala Langat	1,131	2,126
5	Sabak Bernam	203	3,922
6	Hulu Selangor	1,529	1,922
7	Kuala Selangor	948	3,587
8	Klang	1,910	4,560
9	Sepang	436	1,085
<b>Jumlah</b>		<b>13,613</b>	<b>30,048</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>43,661</b>	

Manakala asnaf yang menerima bantuan zakat bagi tempoh Januari hingga Ogos 2015;

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Keluarga</b>	
		<b>Fakir</b>	<b>Miskin</b>
1	Gombak	1,147	1,753
2	Petaling	1,925	5,192
3	Hulu Langat	2,595	3,789
4	Kuala Langat	1,350	2,226
5	Sabak Bernam	138	3,930
6	Hulu Selangor	1,779	2,276
7	Kuala Selangor	958	3,971
8	Klang	2,073	4,875
9	Sepang	514	1,173
<b>Jumlah</b>		<b>12,479</b>	<b>29,185</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>41,664</b>	

Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Mengapa wakil rakyat setempat tidak dijemput semasa pengagihan zakat dibuat?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya kira ini terpulang kepada cawangan Lembaga Zakat dari peringkat cawangan-cawangan ataupun yang ada di daerah sama ada untuk melibatkan Ahli Dewan Negeri ataupun tidak.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Bukankah lebih baik, saya ingin.. saya tak puas hati dengan penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Tunggu dulu ya, Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Bukankah setiap rakyat yang mempunyai masalah sentiasa berjumpa dengan wakil rakyat. Kenapa mereka memilih untuk tidak memaklumkan kepada wakil rakyat setempat sedangkan segala pertolongan yang diperlukan oleh rakyat sentiasa berjumpa dengan wakil rakyat. Saya mohon Kerajaan Negeri membuat dasar memastikan pengagihan zakat di kawasan setempat dimaklumkan kepada wakil rakyat dan menjemput mereka untuk hadir sama.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih atas makluman daripada Taman Medan. *Insya-Allah* saya akan mengambil perhatian kita akan ambil tindakan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Terima kasih Puan Speaker, saya ingin bertanya, berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Hal Ehwal Agama Islam di Selangor bagi 2015? Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya ingat soalan ini tidak ada kaitan, walau bagaimanapun saya tidak ada jawapan.

**TUAN SPEAKER** : Tidak payah jawab Sijangkang. Soalan terlalu *specific* perlukan masa untuk cari jawapan. Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**  
**(N22 IJOK)**

**TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Di Taman Alam Perdana Mukim Ijok, pembeli masih belum dapat menduduki rumah walaupun mereka diwajibkan membayar RM500 sebulan sejak 2002. Bolehkah Kerajaan Negeri memberi penjelasan tentang status projek dan jalan penyelesaian ?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ijok. Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan sekalian bahawa kerja-kerja untuk Taman Alam Perdana Mukim Ijok telah pun disiapkan sepenuhnya iaitu seperti berikut :-

- |                  |   |   |
|------------------|---|---|
| a. Jenis rumah   | - | 2,500 unit Pangsapuri Kos Rendah                                |
| Agensi Pelaksana | - | Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)                         |
| Tarikh CF        | - | 27 Disember 2012  |
| b. Jenis rumah   | - | 1,116 unit Rumah Teres Kos Sederhana<br>1 Tingkat dan 2 Tingkat |
| Agensi Pelaksana | - | Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)                        |
| Tarikh CF        | - | 1 Oktober 2013  |

Pada masa ini kunci rumah telah diserahkan kepada peneroka dan pembeli yang layak. Pembeli telah diminta untuk menandatangani Perjanjian Jual beli yang baru dengan pemilik tanah iaitu Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI). Kerajaan Negeri tidak pernah mengenakan apa-apa bayaran kepada pemilik rumah di Taman Alam Perdana dan bayaran tambahan adalah bayaran SNP yang baru yang perlu ditandatangani oleh kerana pemaju asalnya ialah LBCN sekarang ini adalah pemaju yang baru. Secara keseluruhannya kerja membaik pulih dan menyiapkan projek terbengkalai tersebut bagi projek 500,000 unit Pangsapuri Kos Rendah yang disiapkan oleh SPNB yang ini kita tidak ada maklumat tetapi untuk 1,116 unit Rumah Teres Kos Rendah keseluruhan kos untuk membaik pulih projek tersebut adalah sebanyak RM37.6 juta dan yuran guaman bagi perjanjian bulan beli yang baru adalah diminta untuk ditanggung oleh pihak pembeli, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih. Ada pembeli yang telah membayar kepada bank tetapi masih tidak boleh masuk rumah, ada saya dapat aduan di pejabat saya. Bagaimanakah status pembeli-pembeli yang masih bayar kepada bank tetapi belum lagi mendapat CF ada *part of the project* dia ada masalah.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Adalah mereka yang sebab ini dikira sebagai projek baru perlu ada sebab kita terlibat dengan pemaju penyelamat iaitu sama ada SPNB ataupun pihak PNSB jadi bermakna bahawa perlu ada suatu perjanjian jual beli yang baru. Jadi bermakna mereka ini yang tidak dapat masuk ini adalah oleh kerana mereka tidak membayar perjanjian kos untuk membuat perjanjian jual beli yang baru. Dari segi dengan pihak bank mereka mungkin telah membayar servis mereka punya *loan* dengan izin tetapi perlu ada perjanjian yang baru sebab ini adalah pemaju yang baru, kira sebagai pemaju yang baru yang telah menyelamatkan projek ini daripada pemaju yang lama iaitu LBCN jadi bermakna apa yang boleh kita lakukan sebab ada di antara mereka yang tidak mahu membayar jadi mungkin perlu satu sesi penerangan kepada mereka bahawa kenapa mereka perlu bayar dah ada sebenarnya saya yakin tetapi mungkin kalau boleh kita adakan bersama untuk memahamkan atau memberi kefahaman kepada mereka bahawa kenapa mereka perlu bayar kos-kos yang baru dan juga kenapa mereka perlu menandatangani perjanjian jual beli ataupun S & P dengan izin yang baru. Jadi bermakna saya mohon supaya kita bersama-sama dengan Yang Berhormat kita turun bersama dengan berjumpa dengan pembeli-pembeli. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Jeram, tidak hadir. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, soalan nombor 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : HUTANG KERAJAAN NEGERI**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan secara terperinci berapakah tunggakan hutang terkini Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan?
- b) Sila senaraikan semua Hutang Kerajaan Negeri secara perbandingan di seluruh Malaysia?

- c) Sila nyatakan bagaimanakah prestasi Negeri Selangor dalam konteks membayar balik hutang tersebut kepada Kerajaan Persekutuan?

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, Yang Berhormat Sekinchan ingin mengetahui berapakah jumlah tunggakan hutang terkini Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan juga senarai hutang Kerajaan Negeri secara perbandingan di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan sehingga 30 September 2015 jumlah keseluruhan tunggakan hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM 6.73 juta iaitu yang dicatatkan sehingga 30 September 2015 dan Kerajaan Negeri bercadang untuk menyelesaikan hutang tertunggak ini sebanyak RM6.73 juta pada tahun 2016. Memandangkan kebanyakan Kerajaan Negeri masih belum membentangkan Penyata Kewangan Tahun 2014 di Dewan Undangan Negeri masing-masing maka data tunggakan adalah berdasarkan kepada Penyata Kewangan Tahun 2013 dan jumlah tunggakan hutang secara perbandingan di kalangan negeri-negeri kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2013 yang telah diaudit adalah seperti berikut :

Negeri	Jumlah (RM)
Sabah	Tiada
Pulau Pinang	Tiada
Perak	Tiada
Sarawak	2.28 juta
Selangor	49.27 juta
Perak	88.86 juta
Negeri Sembilan	111.38 juta
Perlis	189.45 juta
Melaka	225.55 juta
Kelantan	247.16 juta
Terengganu	435.27 juta
Pahang	654.02 juta
Kedah	1 bilion

Jumlah hutang yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor semenjak 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah (RM)
2011	30.23 juta
2012	127.33 juta
2013	31.09 juta
2014	31.91 juta
2015	22.64 juta

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, soalan tambahan mengenai dengan hutang Kerajaan yang saya nampak RM6.73 juta setakat ini, bagaimana dengan Laporan Audit sebelum ini berkenaan dengan hutang dalam Industri Air di mana lebih kurang 800 juta, apakah statusnya sekarang?

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berhubung bekalan air berjumlah RM902.54 juta namun di dalam konsesi penswastaan di antara Kerajaan Persekutuan, SYABAS dan Kerajaan Negeri jumlah ini telah pun diinovasikan maknanya dipindah hak kepada SYABAS di dalam konsesi penswastaan di mana salah satu syarat yang ditetapkan ialah SYABAS perlu membayar pinjaman tersebut kepada Kerajaan Persekutuan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan itu adalah sebahagian daripada terma dalam konsesi penswastaan maka ketika berlakunya penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor hutang Kerajaan Negeri ini juga turut diambil kira dan ianya kini menjadi tanggungjawab Air Selangor untuk membayar terus pinjaman tersebut baki pinjaman tersebut kepada Kerajaan Persekutuan melalui pajakan sewa, kemudahan-kemudahan air ini daripada ...

**TUAN SPEAKER :** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Puan Speaker, soalan saya 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : DASAR MBSA DAN KAWALAN BERKENAAN KAWASAN PERINDUSTRIAN RINGAN BANDAR BARU SUNGAI BULOH**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah dasar pembangunan dan kawalan terhadap tragedi Kilang Cat dan bahan kimia yang terbakar pada 25 September 2015?
- b) Apakah ada sebaran cadangan untuk mewujudkan kawasan perindustrian yang khusus untuk bahan mudah terbakar?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan Speaker, terima kasih kepada Paya Jaras. Majlis Bandaraya Shah Alam tiada dasar pembangunan dan kawalan khas bagi kilang berunsurkan cat dan bahan kimia. Walau bagaimanapun dari segi penetapan *zoning* guna tanah dalam rancangan tempatan MBSA. Penggubahan 2020 yang telah diwartakan pada 31 Julai 2014, kawasan tersebut telah dizonkan sebagai perindustrian. Tapak kilang cat yang terbakar tersebut merupakan kilang berkembar di bawah pemaju MK Associate Sdn. Bhd. yang telah diluluskan pelan susun atur keseluruhan Bandar Baru Sungai Buloh oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor. Melalui surat bertarikh 8 September 1998, pengawalan aktiviti kilang adalah di bawah kawalan Jabatan Alam Sekitar bagi kategori industri yang dibenarkan.

Majlis Bandaraya Shah Alam telah menetapkan kawasan perindustrian sebagaimana Rancangan Tempatan yang diwartakan. Walau bagaimanapun, Majlis tidak menetapkan kawasan industri yang khusus untuk bahan yang mudah terbakar. Sesuatu pembangunan yang ingin dijalankan perlulah mengemukakan Kebenaran Merancang kepada pihak Majlis untuk mendapatkan kelulusan. Dalam mendapatkan kelulusan, pihak Majlis akan merujuk kepada Jabatan Alam Sekitar bagi mendapatkan ulasan atau pun sokongan bagi aktiviti kilang yang ingin dicadangkan. Sekiranya pihak Jabatan Alam Sekitar tiada halangan berkenaan aktiviti yang dicadangkan, pihak Majlis akan memberikan Kebenaran Merancang.

**TUAN SPEAKAR:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, soalan nombor 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : SUKAN WANITA**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan 50% dari penduduk Selangor adalah wanita, apakah ada perancangan Kerajaan Negeri Selangor memberikan fokus untuk sukan untuk kaum wanita?
- b) Apakah jenis sukan yang diberikan tumpuan?
- c) Apakah Kerajaan Negeri Selangor merancang membina infrastruktur gelanggang untuk tujuan ini seperti bola jaring dan lain-lain?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, Batu Tiga atas soalan yang telah dikemukakan. Kalau kita mengasingkan aktiviti dan juga kegiatan sukan

kepada dua (2) aktiviti iaitu aktiviti sukan berprestasi tinggi dan sukan lasak. Untuk sukan aktiviti prestasi tinggi saya kira tiada isu tentang gender ataupun penglibatan kaum hawa ataupun kaum wanita sebabnya bagi setiap acara sukan dan kategori yang dipertandingkan itu mempunyai program-program yang melibatkan kaum hawa atau pun kaum wanita. Mainan futsal, lawan pedang semua ada kategori wanita. Bola sepak juga ada bola sepak wanita. Cuma bola jaring sahaja tidak ada bola jaring laki-laki. Jadi untuk sukan lasak pula kita tidak ada fokus tertentu. Namun begitu pada tahun 2015, Jawatankuasa Pembangunan Sukan Negeri Selangor telah melaksanakan satu program yang dinamakan Liga Sukan Selangor Plus bagi menarik minat ramai golongan masyarakat terutamanya dan golongan anak muda terlibat bersama-sama dengan kegiatan sukan. Justeru, kita telah dapat berjaya menganjurkan pertandingan ini dengan tiga (3) kategori sukan iaitu sukan futsal, bola keranjang dan juga bola jaring khusus untuk wanita. Daripada rekod yang kita perolehi, lebih daripada 300 orang peserta daripada seluruh Negeri Selangor telah menyertai program ini dan Yang Berhormat Batu Tiga juga turut hadir dalam kejohanan *Grand Final* ataupun kemuncak pusingan akhir yang kita langsungkan baru-baru ini dengan keterlibatan daripada setiap DUN-DUN yang terlibat. *Insya Allah*, tahun hadapan saya dapat penyertaan yang lebih ramai daripada Pusat-Pusat Khidmat Masyarakat kerana tahun ini hanya sekitar 24 daripada 56 DUN yang terlibat untuk kejohanan tersebut.

Untuk soalan c. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM12 juta untuk menaik taraf kemudahan sukan di Negeri Selangor. Kemudahan-kemudahan seperti Stadium Hoki Pandamaran, Stadium Hoki Petaling Jaya, perahu layar, gimnastik, artistik, gimrama, Dewan Tempur yang melibatkan acara-acara seperti silat, tekwando, judo, lawan pedang, memanah, tinju, angkat berat dan padang bola sepak. Di samping itu, peruntukan sejumlah RM20,000.00 turut diberikan kepada Pusat-pusat Khidmat untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan yang berada dalam keadaan yang kritikal dan sangat perlu. Selain itu, Kerajaan Negeri telah membina Dataran Anak Muda atau Dataran Serba guna yang digunakan untuk kegunaan seperti futsal atau pun bola jaring. Dalam gelanggang, dalam Dataran Anak Muda, pada zaman Sijangkang menjadi EXCO, beliau telah menyediakan tapak di mana gelanggangnya bukan sahaja gelanggang futsal tetapi juga merupakan gelanggang bola jaring yang boleh digunakan untuk mereka-mereka yang ingin bermain bola jaring khususnya untuk kaum wanita. Kemudian ini bagi menggalakkan penglibatan golongan generasi muda dan wanita dalam aktiviti sukan yang mampu melahirkan golongan belia yang sihat, cergas dan aktif. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKAR :** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih, Tuan Speaker. Memandangkan permainan bola jaring merupakan sukan yang agak diterima oleh

kebanyakan wanita di Negeri Selangor ini. Saya lihat memandangkan hanya sembilan (9) sahaja gelanggang yang ada, yang dibuat oleh pihak Kerajaan daripada jawapan yang diberikan iaitu di setiap Daerah. Apakah Kerajaan Negeri boleh atau pun ingin membuat satu dasar baru iaitu kalau kita boleh buatkan gelanggang futsal setiap DUN, adakah boleh ada gelanggang bola jaring di setiap DUN? Itu soalan saya.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih. Saya boleh mengambil kira cadangan daripada Batu Tiga ini. Saya kira ia tidak perlu penambahan yang terlalu besar, ia hanya melibatkan garisan atau pun kawasan permainan yang perlu disepakatkan atau pun digabungkan. Jadi, *Insya-Allah*, dalam tahun hadapan ini setiap kita akan tambah, dinaik taraf-naik taraf semua kemudahan futsal yang kita telah tetapkan turut disamakan dengan kemudahan untuk bola jaring. Jadi, *Insya-Allah*, kita akan terapkan apa cadangan daripada Batu Tiga ini.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Pejabat saya dah dua (2) kali berturut-turut mencadangkan peruntukan yang RM20,000.00 untuk menaik taraf kemudahan gelanggang. Dua (2) tahun berturut-turut saya hantar gelanggang yang sama tapi sampai sekarang tiada tindakan yang dibuat.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Ini macam dah lari sahaja ini, daripada wanita ini. Tak apa, saya boleh jawab. Terima kasih, Kota Anggerik. Saya telah uruskan persoalan yang spesifik itu baru-baru ini. Ini dalam mesyuarat yang lepas Kota Anggerik. Kita telah luluskan sebab ada sedikit isu melibatkan dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Kita berhubung terus dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Setakat ini, kita tidak ada lagi maklum balas yang dikemukakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam. *Report* yang kita dapat itu. Namun begitu, kita ada dapat laporan terus atau pun permintaan terus daripada pihak Kota Anggerik dan kita telah proses dan *Insya-Allah* kita akan selesaikan sebelum akhir bulan ini proses pemilihan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKAR :** Bukit Melawati tidak hadir. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 53. Ada sedikit kesilapan *typo* iaitu bukan masih-masih tapi masing-masing. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : JAWATANKUASA TANAH**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakan Kerajaan sehingga sekarang masih belum memulihkan penubuhan Jawatankuasa Tanah di setiap daerah di mana jawatankuasa ini penting untuk wakil rakyat memantau urusan-urusan tanah di kawasan masing-masing?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Tuan Speaker, mulai tahun 2008 Kerajaan Negeri telah pun mengambil keputusan untuk menggantikan Jawatankuasa Tanah kepada Jawatankuasa Teknikal di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah (PTD). Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKAR:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Tuan Speaker dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Soalan tambahan saya ialah Jawatankuasa Tanah ini pernah dibangkitkan sebelum ini memandangkan keberkesanannya dalam memantau proses kelulusan tanah. Jadi adakah Kerajaan mempunyai perancangan supaya Jawatankuasa ini dipulihkan pada tahun 2016 atau pun 2017 supaya Wakil Rakyat boleh memainkan peranan yang sewajarnya dalam pentadbiran di peringkat kawasan daerah?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tuan Speaker. Kalau itulah alasan yang diberikan oleh Kampung Tunku, saya ingin memberikan penjelasan. Apabila Kerajaan Negeri mengambil ketetapan untuk menggantikan Jawatankuasa Tanah Daerah kepada Jawatankuasa Teknikal di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), ianya berdasarkan kepada beberapa justifikasi. Yang pertama, Kerajaan Negeri mahu Jawatankuasa Teknikal di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah ini yang turut dianggotai oleh semua wakil-wakil daripada jabatan teknikal untuk menyediakan ulasan, maklum balas dan perakuan kepada Kerajaan Negeri dalam bidang-bidang teknikal sebelum Kerajaan Negeri membuat keputusan. Jawatankuasa Teknikal di peringkat Daerah tidak membuat keputusan berhubung pelupusan tanah. Jawatankuasa Teknikal ini hanya mengemukakan ulasan dan maklum balas dan perakuan kepada Kerajaan Negeri sebelum sesuatu keputusan diambil dan mereka memang mempunyai bidang dan kompetensi masing-masing untuk memberikan ulasan tersebut. Sekiranya cadangan, peranan Wakil Rakyat itu

di optimakan, Kerajaan Negeri mencadangkan supaya Wakil-wakil Rakyat melibatkan diri secara aktif dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk melihat dan memantau tentang urusan pelupusan tanah. Kerajaan Negeri merasakan Wakil Rakyat masih ada peranan, kalau itulah alasan yang diberikan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak mohon penjelasan daripada Menteri Besar mengenai kedudukan Lesen Pendudukan Sementara atau pun TOL. Adakah itu juga akan dirujuk kepada Kerajaan Negeri atau pun boleh diselesaikan di peringkat pentadbiran Tanah dan Daerah?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Negeri baru-baru ini telah pun membuat keputusan tentang lima (5) perkara yang boleh dipertimbangkan di peringkat Daerah tentang permohonan TOL dan PTG di peringkat negeri telah pun sebenarnya mengeluarkan pekeliling dan surat arahan kepada Pejabat Tanah dan Daerah di seluruh Negeri Selangor termasuk juga SOP tentang carta aliran kerja bagi maksud yang saya nyatakan tadi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Sebenarnya, bukankah benar sebenarnya Jawatankuasa Tindakan Daerah yang diadakan sekarang ini dihadiri oleh terlalu banyak agensi-agensi Kerajaan sehingga dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah bukan sahaja masalah tanah dibincangkan tetapi masalah kesihatan, masalah bomba, masalah keselamatan, masalah PBT sekalipun dibincangkan dalam mesyuarat ini menjadikan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah terlalu luas skopnya. Bukankah benar bahawa Mesyuarat Teknikal di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah ini kadangkala menjadi terlalu birokrasi seolah-olah surat-menyurat antara jabatan teknikal itu menjadi terlalu birokrasi seolah-olah mereka tidak hadir dalam mesyuarat jawatankuasa teknikal. Saya ada satu kes di mana Pejabat Tanah perlu menunggu maklum balas daripada PBT, padahal ianya boleh diuruskan dengan begitu berkesan sekali dalam mesyuarat itu.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Jadi saya tanya bukankah benar ini fakta yang berlaku di peringkat akar umbi?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Negeri boleh mencadangkan kepada semua Pegawai-pegawai Daerah supaya menjadikan agenda tetap di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah tentang laporan kemajuan permohonan-permohonan pelupusan tanah yang dibuat di jawatankuasa teknikal dan dibentangkan sebagai agenda tetap dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Di situ Wakil-wakil Rakyat boleh memberikan pandangan dan maklum balas sekiranya ada kelewatan atau pun birokrasi yang melampau dalam menentukan dan mengemukakan ulasan dan perakuan kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak minta penjelasan sedikit lagi, Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER:** Ya Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mengenai jawapan yang Menteri Besar maklum tadi itu. Bolehkah kami juga di peringkat ADUN-ADUN BN mendapat salinan keputusan-keputusan itu kerana kami juga menghadapi, ditemui oleh penduduk-penduduk atas isu-isu yang berkaitan dengan TOL dan juga perkara-perkara yang melibatkan tanah di sepanjang sidang ini berlangsung. Kalau bolehlah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tuan Speaker, ketika saya duduk di sebelah sana dahulu, saya tak dapat. Tapi sekarang kita mengambil sikap yang terbuka. Kerajaan Negeri Selangor bersedia mengemukakan semua maklumat bagi kepentingan rakyat termasuk kepada Wakil-wakil Rakyat daripada pembangkang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Tuan Speaker, soalan nombor 54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PELEBARAN SUNGAI GOMBAK**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah lot-lot terbabit dalam pelebaran sungai di Gombak?

- b) Adakah pampasan sewajarnya telah diberikan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Gombak Setia yang bertanya berkenaan dengan lot-lot yang terbabit berkaitan dengan pelebaran sungai di Gombak serta pampasan yang diberikan. Hasil daripada pencarian maklumat melalui JPS Negeri Selangor dan agensi-agensi lain yang mungkin terlibat mendapati tiada maklumat berkenaan dengan kerja-kerja pelebaran sungai Gombak begitu juga dengan lot-lot yang terlibat serta pampasan-pampasan yang sepatutnya diberikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, soalan nombor 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN GAN PEI NEI**  
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : BLUEPRINT KEMISKINAN**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran dan strategi yang digariskan di bawah Blueprint Kemiskinan bagi mengatasi kemiskinan di Selangor?
- b) Senaraikan program-program yang terkandung dalam Blueprint Kemiskinan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa peka dan memandang serius akan masalah kemiskinan di Negeri Selangor. Dalam usaha menangani masalah kemiskinan ini secara berkesan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah memperkenalkan Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan. Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaan atau peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat tau individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan ataupun mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan antara 5 skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraf tangan. Jumlah penerima manfaat bagi program bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan bermula

pada tahun 2008 hingga September 2015 adalah seramai 2,386 orang. Pada masa kini, strategi dan fokus Kerajaan Negeri adalah untuk membasmi kemiskinan secara total dan efektif dengan adanya pelbagai program pembasmian kemiskinan seperti program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan ini diharap berupaya mengurangkan kadar kemiskinan melalui penjanaan dan peningkatan pendapatan bagi melepas pendapatan garis kemiskinan (PGK) serta seterusnya berjaya keluar daripada belenggu kemiskinan. Walau bagaimanapun, sasaran dan jangkaan peratusan penerima bantuan yang berjaya melepas (PGK) melalui program *Blueprint* Kemiskinan ini adalah tertakluk kepada impak atau tahap keberkesanan pelaksanaan program terhadap penerima manfaat. Bagi mencapai hasrat ini, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan kini sedang menjalankan kaji selidik dan atau kaji impak, kajian impak bagi program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang melibatkan penerima bantuan bagi tahun 2008 hingga 2014. Kaji selidik ini dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dengan kaedah turun padang ke setiap rumah atau premis penerima untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan. Kajian selidik atau kajian impak ini dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berhubung tahap penggunaan peralatan dan atau mesin bantuan serta purata pendapatan seisi rumah penerima bantuan sebelum dan selepas menerima bantuan peralatan. Hasil keseluruhan kajian selidik atau kajian impak yang diperolehi ini akan digunakan untuk membuat perangkaan umum bagi mengenal pasti jumlah penerima bantuan yang berupaya menjana dan atau meningkatkan pendapatan serta berjaya melepas pendapatan garis kemiskinan melalui bantuan peralatan, program bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Ini seterusnya, akan membolehkan dan membantu Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti serta merangka dasar baru program dan peruntukan yang lebih komprehensif untuk membantu membasmi kemiskinan secara total dan efektif.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Saya dapati tidak ada peningkatan program dalam *Blueprint*. Apakah Kerajaan bercadang pada hari ini, *online marketing* umpamanya jadi, boleh tak bantuan diberi dengan memberi komputer, *ipad*, *laptop* kepada mereka-mereka yang nak apa ini memulakan perniagaan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih, Kota Anggerik. Memang akui kita perlu ada skop kita seperti yang saya mention tadi saya beritahu 5 skop, walau bagaimanapun, dalam Jawatankuasa Mesyuarat tersebut pernah saya luluskan satu komputer riba (*laptop*) kepada dalam kes seperti *online business* untuk seorang ibu tunggal. Sebarang cadangan yang baik kalau dibekalkan kepada Pejabat saya akan kita timbangkan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Saya ingin bertanya bilakah kajian itu akan disiapkan supaya pihak Kerajaan Negeri boleh ada satu pelan tindakan yang lebih holistik dengan izin supaya kita boleh *Integrate* kan sebab bagi pendapat saya bahawa bukan sahaja bantuan yang perlu diberikan sebenarnya untuk kita bantu golongan yang kita katakan miskin ini tetapi dia ada banyak aspek lagi yang dia perlu ditangani sama ada daripada aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Jadi bila kajian itu akan disiapkan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Rawang. Tuan Speaker, sebenarnya Kajian tersebut telah, kajian sebegini rupa telah diminta dalam Mesyuarat yang baru-baru ini ya. *I mean* dalam bulan Jun yang lalu sebenarnya dan kita telah minta sebab saya perlukan lepas sidang yang lalu saya telah meminta dalam mesyuarat jawatankuasa supaya mengadakan kajian ini secara *in write up, in black and white* ya dengan izin daripada Pejabat Tanah dan Pejabat Tanah kini sediakan setiap permohonan yang telah diluluskan dari semenjak 2008 lagi. So, maka saya percaya akan mengambil masa daripada 2008 so semua yang telah mendapat manfaat daripada tahun 2008 saya percaya UPEN akan mengambil masa. Walau bagaimanapun, kita akan segera paksa, bukan paksa kita akan supaya akan minta UPEN segerakan kajian tersebut.

**Y.B. TUAN SALLEHIN BIN MUKHYI :** Soalan Tambahan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHIN BIN MUKHYI :** Terima kasih Tuan Speaker, tujuan *Blueprint* itu adalah untuk membasmi kemiskinan, setakat ini peserta-peserta yang telah menerima bantuan *blueprint* itu apakah ukuran untuk kita menilai pada mereka bahawa mereka telah menggunakan peralatan itu secara maksimum dan berapa pula yang antara mereka yang benar telah keluar daripada kemiskinan, apakah ukuran yang telah dibuat ataupun mungkin ada *data base* yang telah disediakan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Sabak. Tuan Speaker seperti apa yang telah saya nyatakan dalam jawapan tadi saya kajian sedang dibuat untuk mengenal pasti tahap keberkesanan program yang dijalankan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih, memandangkan kajian yang hendak dijalankan itu perlukan masa dan kos yang mungkin besar. Jadi bersedia tak STANDCO atau Kerajaan Negeri bersama berkongsi dengan pihak Kerajaan Persekutuan menggunakan data daftar e-kasih yang telah dibuat oleh ICU ya untuk sudah lama dah ada dalam daftar e-kasih dan juga contohnya untuk masyarakat Islam menggunakan data Zakat. Maknanya data dah sedia ada maklumat dah sedia ada itu akan lebih meringankan beban kewangan dan apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk berkongsi maklumat dengan senarai-senarai yang ada. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Permatang. Tuan Speaker perlu diingatkan kajian yang hendak dilakukan adalah hanya kepada penerima bantuan *Blueprint* Kemiskinan iaitu seperti peralatan dan sebagainya, so maka kajian ini akan dilakukan bersama dengan Pejabat Tanah dan juga kita akan gunakan perkhidmatan daripada Ketua-ketua Kampung dan juga Penghulu dan sebagainya Ketua-ketua Komuniti dan sebagainya. Kita memang ada buat satu lagi kajian berkenaan dengan tentang purata pendapatan untuk menentukan paras garis kemiskinan. Untuk keseluruhan kita telah luluskan dan sedang dilaksanakan.

**TUAN SPEAKER :** Morib.

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya permohonan *Blueprint* ini mengambil masa yang agak lama ya, mungkin sekitar 6 bulan sekurang-kurangnya ataupun kalau terlepas daripada tarikh membuat siasatan mungkin akan mengambil masa setahun. Jadi bolehkah pihak STANDCO, pihak EXCO mempercepatkan program apa itu permohonan tersebut.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Morib. Memang kita tidak dinafikan memang berlaku kelewatan yang agak besar sebenarnya sebelum ini memang berlaku sehingga setahun lebih, namun begitu ini dengan asakan daripada mesyuarat-mesyuarat berturutan kami dapat kurangkan sehingga 6 bulan. Ini disebabkan borang yang diserahkan kepada Pejabat Tanah. Pejabat Tanah yang perlu turun padang menyiasat dan menyediakan kertas mesyuarat kepada Jawatankuasa di UPEN. Selalunya kelewatan adalah di peringkat penyiasatan dan penerimaan borang dan dibawa kepada UPEN dan seterusnya kita mengadakan dalam keadaan yang segera mesyuarat di UPEN dan turutan masuk kewangan, geran yang diberikan kepada Pejabat Tanah untuk membeli barang. Kita disebabkan kita bukan kita lantikan terus kita sedang buat tender terbuka *Open Tender System*. Maka kita mengambil masa untuk menyediakan barang yang diperlukan. Walau bagaimanapun, saya ambil maklum dan kita akan kurangkan masa dalam apa itu dapatkan bantuan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tuan Speaker, Soalan Nombor 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PRESTASI ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan jumlah keuntungan atau kerugian semua anak syarikat Kerajaan Negeri pada tahun 2014?
  
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengatasi kerugian oleh anak syarikat Kerajaan Negeri?

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Batang Kali, ingin mendapatkan penjelasan tentang jumlah keuntungan atau kerugian semua anak-anak syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi kerugian oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Untuk maklumat Y.B. Batang Kali anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ini didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri dengan pegangan saham sebanyak 50 % atau lebih di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi. Terdapat 2 kategori anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu yang pertama yang berorientasikan keuntungan di mana terdapat 12 anak syarikat di bawah kategori ini dan yang kedua ialah anak-anak syarikat yang tidak bermotifkan keuntungan dan di bawah kategori ini terdapat 7 anak syarikat iaitu Tourism Selangor Sdn Bhd, Kedua Communication Corporation Sdn Bhd, Ketiga Rantaian Mesra Sdn Bhd, Keempat Invest Selangor Berhad, Kelima Yayasan Warisan Anak Selangor, Keenam Yayasan Darul Arkhad Al-Hassan Selangor dan yang Ketujuh Pendidikan Industri Yayasan Selangor Sdn Bhd.

Manakala di bawah kategori yang berorientasikan keuntungan terdapat 12 anak syarikat dan oleh kerana perinciannya agak panjang saya pohon izin Y.B. Puan Speaker untuk menyampaikan secara bertulis kepada Y.B. Batang Kali. Untuk persoalan yang kedua, di mana apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memantau kerugian yang dihadapi oleh syarikat-syarikat berkenaan. Sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan membuat pemantauan ke atas anak-anak syarikat yang mengalami kerugian bagi membantu membolehkan kedudukan kewangan mereka. Sebagai langkah yang lebih proaktif dan komprehensif seperti yang telah saya nyatakan dalam ucapan

belanjawan, MBI sedang berusaha untuk melihat struktur-struktur *governance* yang berpegang kepada prinsip kebertanggungjawaban dalam penubuhan DEIG bagi menstrukturkan semula fungsi dan peranan anak-anak syarikat ini bagi mengukuhkan lagi strategi korporat serta tadbir urus syarikat yang seterusnya dapat memberikan pulangan kepada pelaburan Kerajaan Negeri. Terima kasih. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Ya, Puan Speaker Soalan 57.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : RUMAH THE GAP BUKIT FRASER**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Status baik pulih Rumah The Gap Bukit Fraser selepas lawatan YAB Menteri Besar dan YB Menteri Pelancongan pada bulan Ogos 2015.
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan mewartakan Rumah *The Gap* sebagai bangunan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker, Pihak Tourism Selangor bersama Majlis Daerah Hulu Selangor dalam proses melengkapkan dokumen permohonan peruntukan dan akan mengemukakan kepada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dalam waktu yang terdekat untuk memohon peruntukan khas membaik pulih Rumah *The Gap* Bukit Fraser selepas lawatan Y.A.B. Menteri Besar dan Y.B. Menteri Pelancongan pada Bulan Ogos 2015.

Sehubungan dengan itu, Tourism Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor, dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Selangor telah mengadakan pertemuan rasmi bersama dengan pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia pada 2 Oktober 2015 dan membuat pembentangan terhadap permohonan peruntukan pembangunan produk pelancongan yang terdapat di daerah Hulu Selangor. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Prasarana, Kementerian Pelancongan Malaysia. Permohonan peruntukan pembangunan produk pelancongan di daerah Hulu Selangor bagi menaik taraf Rumah *The Gap* adalah berjumlah, permohonan tersebut adalah berjumlah RM7,007,000.00. Selepas pembentangan tersebut kita akan adakan satu pembentangan yang kedua yang akan dibuat semula bersama Ketua

Setiausaha (KSU) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dalam waktu yang terdekat.

Majlis Daerah Hulu Selangor selaku Pihak Berkuasa Tempatan kawasan ini akan mengemukakan permohonan permohonan pewartaan Rumah Rehat The Gap sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan kepada Jabatan Warisan Negara, namun setelah selesai kerja-kerja konservasi dan pemuliharaan setelah dijalankan seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Warisan Negara. Dengan izin Tuan Speaker, saya juga ingin jawab Soalan ini bersekali dengan Soalan 266 daripada Y.B. Morib. Jalan susur pesisir pantai Kelanang ke Kampung Tongkah agensi yang bertanggungjawab adalah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri rancangan untuk menaik taraf dan menarik lebih pengunjung khasnya ke kawasan pantai Kelanang telah membelanjakan sebanyak RM76,484.00 untuk membina satu pentas terbuka, membina laluan pejalan kaki sepanjang 200 meter dan 10 unit konkrit *bench* dengan izin di sekitar kawasan pantai Kelanang dan projek ini sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada 30 November 2015.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bukit Lanjan, soalan apa tadi dengan Morib, untuk Morib?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** 266. Tentang pelancongan juga.

**TUAN SPEAKER:** Tak berkaitan dengan rumah *The Gaps* Bukit Fraser ya. 266.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Produk-produk pelancongan.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya No. 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK: PANEL MENTOR USAHAWAN**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua model mentor usahawan contoh yang boleh di rujukan di kawasan DUN untuk mengatasi isu-isu yang timbul dalam pembikinan seorang usahawan hingga berjaya.
- b) Kursus bimbingan terfokus di DUN masing-masing bila boleh mulakan?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker dan Selat Klang. Pertamanya kita telah melaksanakan satu program iaitu mengumpulkan semua pegawai-pegawai kerajaan sama ada melalui Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pusat-pusat Khidmat DUN pada Ogos tahun ini untuk mengumpul mereka dalam satu kursus dalam masa yang sama juga kita melaksanakan program untuk mengesan usahawan-usahawan di peringkat akar umbi dengan memastikan mereka dapat menyalurkan maklumat-maklumat kepada permohonan untuk program dana usahawan Mikro Negeri Selangor. Justeru, penjawat-penjawat ini telah didedahkan tentang beberapa program keusahawanan dan kita yakin antara sebahagian mereka ini, sebahagiannya adalah penghulu-penghulu di Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah. Wakil-wakil hijrah di peringkat-peringkat daerah dan juga pegawai-pegawai di Pusat Khidmat Masyarakat bolehlah dianggap menjadi antara mentor-mentor usahawan yang boleh untuk dirujuk oleh pihak pejabat-pejabat Dewan Undangan Negeri bagi merujuk kepada program-program keusahawanan yang kita laksanakan dan juga mendapat khidmat nasihat dalam program-program keusahawanan yang kita laksanakan.

Keduanya, kita juga pada tahun ini sudah pun melaksanakan di mana peserta-peserta dana usahawan Mikro di mana mereka sebelum ini dinamakan dana industri kampung kita menjenamakan semula kepada dana usahawan Mikro dan mereka-mereka ini bukan hanya mendapat bantuan tetapi mereka juga harus menyertai kursus-kursus dan juga latihan-latihan yang kita laksanakan daripada program-program seperti bagaimana pendaftaran syarikat, bagaimana pengurusan syarikat, bagaimana pengurusan perniagaan, sampailah kepada pengetahuan terhadap intelektual *properties* ataupun pendaftaran jenama-jenama dan juga paten. Pempatenan kepada produk masing-masing. Justeru nama-nama ini juga boleh dianggap sebagai mentor-mentor yang boleh dirujuk di pihak pejabat-pejabat DUN dan juga kepada usahawan-usahawan di peringkat akar umbi.

Bagi soalan b, saya menyambut baik cadangan yang telah disampaikan iaitu supaya kita tidak lagi mengadakan kursus-kursus berpusat di Shah Alam ataupun Shah Alam Centred. Kita telah mulakan tahun ini dengan penganjuran *Le Tour* ataupun jelajah. Saya selaku EXCO dengan membawa semua agensi-agensi yang berkenaan di peringkat PBT dulu. Jadi *insya-Allah* tahun hadapan kita akan menjelajah kesemua DUN-DUN dengan membawa semua agensi yang berkenaan di samping untuk membawa bersama-sama program-program latihan pembangunan usahawan supaya boleh disertai dan kita dapat maklum balas yang sangat baik. Selalunya bila kita laksanakan di peringkat Shah Alam kita hanya dapat penyertaan sekitar 50 ke 60 peserta namun bila kita turun ke daerah-daerah penyertaannya telah melebihi angka 200 peserta contohnya di Klang baru-baru ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Speaker. Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Boleh tak saya minta kepada EXCO memberikan kita jadual. Saya menerima baik apa yang disebutkan oleh EXCO untuk menjelajah seluruh DUN. Saya agak terkilan kerana ramai juga yang mahu mengikuti latihan keusahawanan ini tetapi terlambat tahu. Jadi saya minta Kerajaan menyediakan satu jadual lawatan jelajah itu.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Jelajah DUN ini tahun depan. Tahun ini baru jelajah PBT *Insya-Allah* kita akan sampaikan. *Insya-Allah* yang paling dekat adalah di Kuala Selangor pada awal hari bulan, hujung minggu.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK:** ***TRANS PACIFIC PARTNERSHIP AGREEMENT (TPPA)***

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri tentang TPPA?
- b) Apakah usaha dan tindakan Kerajaan terhadap pendirian tersebut?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan 179 daripada Rawang dan soalan no 265 daripada Kinrara dan oleh sebab isu perkongsian *Trans Pacific* atau TPPA ini amat penting saya mohon masa yang lanjut. Tuan Speaker, perkongsian *Trans Pacific* atau TPPA merupakan satu perjanjian multiletro yang melibatkan negara Asia *Pacific* seperti Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Canada, Mexico, Chilli, Brunei, Malaysia dan Vietnam. Perjanjian ini dilihat merupakan satu bentuk liberalisasi di pasaran di mana negara yang memeterai perjanjian bebas melaksanakan aktiviti perdagangan antara negara tanpa sempadan.

Keterujaan Kerajaan Persekutuan untuk menyertai perjanjian ini didorong untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi tanpa mengambil kira bebanan dan kesengsaraan yang akan dipikul rakyat sekiranya perjanjian ini dimeterai. Dalam usaha untuk membuka pasaran negara ke tahap global Kerajaan Persekutuan tidak

sedar bahawa perjanjian ini sebenarnya mendedahkan negara kepada risiko pasaran ekonomi bebas. Teks perjanjian disifatkan sebagai tidak telus kerana rundingan yang dilaksanakan tanpa pernah dimaklumkan atau dibincangkan bersama pelbagai agensi berkaitan apatah lagi rakyat sendiri.

Kenyataan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) hanya menyebut bahawa tempoh rundingan telah hampir tamat dan membuat kesimpulan bahawa TPPA memberi manfaat besar dan kesan positif kepada ekonomi negara tanpa asas yang kukuh. Kegagalan Kerajaan Persekutuan melaksanakan sesi perbincangan dan pertemuan bersama Kerajaan Negeri dan semua Ahli Parlimen bagi memberi pencerahan berkaitan kesan positif dan negatif TPPA, aspek perundungan serta tindakan yang perlu dilaksanakan negeri-negeri semasa sesi TPPA ini sedang berjalan telah menimbulkan pelbagai tanda tanya. Kerajaan Negeri Selangor kekal berpendirian bahawa pelaksanaan perjanjian TPPA perlu diteliti semula dan tidak wajar dilaksanakan dalam situasi ekonomi yang tidak menentu ketika ini. Kebimbangan Kerajaan Negeri adalah berasas bagi membolehkan kualiti dan kepentingan rakyat terpelihara berdasarkan hujah seperti berikut:-

1. Konsep globalisasi yang menjadi asas kepada perjanjian ini akan menyukarkan usahawan kecil untuk tumbuh dan kukuh di negara sendiri. Usahawan kecil terpaksa bersaing dengan syarikat gergasi dari luar negara yang sememangnya telah kukuh dan lama bertapak di pasaran antarabangsa. Kepentingan syarikat luar negara dan tempatan adalah sama rata seolah-olah kepentingan dan hak dinafikan di tanah air sendiri. Pembangunan usahawan kecil mungkin akan terganggu dengan wujudnya persaingan daripada syarikat luar. Keadaan ini sebenarnya memusnahkan kekuatan ekonomi masyarakat dan negara ini serta meningkatkan dominasi dan kebergantungan kepada pelabur luar.
2. Sektor perubatan turut akan terkesan dengan apabila selepas perjanjian ini dimeterai hampir 80% harga ubat akan menjadi mahal sehingga mencecah 1,000% ini kerana ubat *generate* yang lebih murah tidak boleh lagi dijual di Malaysia kerana Malaysia akan terikat menggunakan ubat *patented* atau yang asli yang dihasilkan syarikat *pharmaceutical* luar negara. Perkara ini akan lebih membebankan rakyat dan meningkatkan lagi kos sara hidup rakyat Malaysia. Kerajaan Persekutuan telah memberi jaminan bahawa harga ubat tidak akan menjadi mahal tanpa fakta dan asas yang kukuh.
3. Perjanjian ini akan membolehkan produk dan barang daripada luar negara masuk ke negara secara bebas. Lambakan produk luar negara akan bersaing secara terbuka dengan pasaran tempatan. Ini memberi kesan kehilangan identiti dan produk tradisional sekiranya produk tempatan gagal bersaing dengan produk luar negara. Selain itu, usahawan produk tempatan perlu lebih

kompetitif dalam pengeluaran produk dan pemasaran produk tempatan ke luar negara bagi menggalakkan aktiviti dieksport. Sekiranya ini tidak berlaku industri produk tempatan akan hilang kerana lambakan produk luar negara sekali gus jelas bercanggah dengan usaha-usaha kerajaan untuk mengukuhkan produk tempatan.

4. TPPA turut menjelaskan sektor perkhidmatan apabila profesional tempatan terpaksa bersaing di pasaran terbuka. Adakah gaji dan upah profesional luar sama dengan gaji profesional tempatan turut menjadi persoalan. Adakah profesional Malaysia sudah bersedia berhadapan dengan senario ini dan apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk menjaga kepentingan profesional Malaysia. Dan
5. TPPA merupakan satu bentuk penjajahan secara halus negara kuasa besar Amerika Syarikat untuk mengawal tindak tanduk negara dan memanipulasi negara-negara Asia *Pacific* bagi mengatasi kuasa besar China. Berdasarkan justifikasi-justifikasi berikut jelas menunjukkan bahawa TPPA akan lebih memberi impak negatif terutama kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Teks perjanjian TPPA yang tidak didedahkan kepada Kerajaan Negeri maupun umum menyebabkan rakyat sangat tertanya-tanya apakah perjanjian ini mampu membela dan menjaga kepentingan rakyat Malaysia atau sebaliknya. Kerajaan Persekutuan hanya memberikan janji dan pelbagai jaminan bahawa perjanjian ini tidak akan menjasai kepentingan rakyat tanpa memberi fakta yang jelas kepada pernyataan tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menyarankan supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan tindakan berikut:-

1. Menangguhkan perundingan TPPA sehingga teks perjanjian didedahkan kepada rakyat.
2. Mengadakan rundingan dan memberi pencerahan kepada semua Ahli Parlimen di Malaysia supaya lebih jelas dan telus.
3. Kerajaan Persekutuan perlu menyatakan dengan jelas tindakan-tindakan yang dilaksanakan untuk menjaga kepentingan rakyat supaya dasar ekonomi pasaran terbuka ini tidak menggugat hak dan kepentingan rakyat. Dan;
4. Menerangkan dan menyatakan dengan jelas secara perundangan bagaimana perjanjian ini tidak menjelaskan isu-isu sensitif seperti berikut:
  - a. Manipulasi nilai mata wang negara;

- b. Menjaga dan memelihara hak dan kepentingan tenaga buruh Malaysia;
- c. Melindungi harta intelek negara; dan
- d. Memelihara perniagaan tempatan.

Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin yang peka terhadap isu kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat Kerajaan Negeri menyedari bahawa impak perjanjian ini terhadap kos sara hidup rakyat adalah tinggi. Sehubungan itu, kerajaan akan terus memelihara hak dan kepentingan rakyat dengan merangka langkah-langkah seperti berikut:-

1. Melaksanakan inisiatif melalui pelbagai program bantuan perniagaan bagi membantu usahawan baru dan melonjakkan usahawan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi supaya mampu terus bersaing di pasaran yang kompetitif.
2. Meningkatkan dan mempersiapkan keupayaan rakyat Selangor kepada pekerja berkemahiran tinggi atau *skill worker* dengan izin. Melalui pembangunan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).
3. Meningkatkan sumbangan bantuan pendidikan dalam usaha kerajaan untuk membina modal insan berkualiti dan mewujudkan *talent pool* di Selangor.
4. Meningkatkan keupayaan rakyat luar bandar melalui program pembangunan keusahawanan. Dan;
5. Memperkasa sektor pertanian bagi meningkatkan jaminan pengeluaran bekalan makanan di negeri ini.

Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sebab kalau ikut kenyataan menteri bahawa perjanjian ini mungkin akan dibentangkan dalam sidang Parlimen yang sedang berlangsung sekarang. Jadi ada tak pihak Kerajaan Negeri sekiranya sebab kita sebagai negeri maju akan terkesan dengan TPPA ini akan bentangkan juga ini untuk makluman Dewan Negeri supaya kita boleh dibincangkan secara meluas tentang kesan-kesan sebab saya rasa *State On Enterprise* undang-undang yang terlibat dan sebagainya juga akan memberi kesan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Jadi ada tak Kerajaan Negeri akan buat satu *white paper* dengan izin atau pun bentangkan Kerajaan Negeri untuk dapatkan pendapat Ahli Dewan sekalian.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, memang ada kenyataan yang dibuat oleh Menteri MITI bahawa draf TPPA ini akan dikemukakan di parlimen, tapi sehingga setakat ini kita tidak pasti kerana kenyataannya menyatakan tahun hadapan mungkin (tidak mungkin pada penggal ini). Tapi sebelum ini ada pernah dikeluar kenyataan bahawa dia akan dibentangkan segera dan sebagainya. Jadi, kenyataan itu tidak mendatangkan kepastian sama ada bilakah TPPA ini akan dikemukakan ke parlimen dan apabila dikemukakan atau dibenarkan dimansuhkan dah tentu (selepas dibenarkan itu) maka salinan dapat kita perolehi daripada kerajaan persekutuan dan kita akan melihat bagaimana kita bentangkan untuk dibincangkan di peringkat negeri Selangor ini. Tetapi setakat ini belum ada kepastian sama ada dia akan dibentangkan pada Sidang ini atau Sidang akan datang ataupun tidak akan dibentangkan selepas ini.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali, tak benarkan (saya tak benarkan) kerana masa telah melampaui 11.30pagi. Dengan ini, saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah. Saya menjemput Batu Caves untuk mulakan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Speaker, Ahli-ahli Dewan dan seluruh dan terutamanya Ahli-ahli Dewan yang telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan pembangunan generasi muda, sukan, pembangunan usahawan dan juga kebudayaan sepanjang sesi perbahasan sempena dengan Belanjawan Negeri Selangor Tahun 2016 ini.

Tuan Speaker,

Alhamdulillah. Belanjawan 2016 telah memperuntukkan sejumlah kewangan yang signifikan untuk pembangunan generasi muda, sukan, kebudayaan dan usahawan. Melihat kepada gagasan yang telah dibentangkan, ia menunjukkan ikhtiar Kerajaan Negeri Selangor untuk menyesuaikan dengan visi dan dasarnya bersesuaian dengan perkembangan semasa dalam pelbagai bidang antaranya ekonomi, teknologi dan sosial.

Generasi muda pada hari ini dikenali sebagai 'Gen Y' ataupun Generasi Y. Dan Gen Y ini diukur biasanya kepada mereka-mereka yang berumur lahir selepas tahun 1980

iaitu saya dan beberapa Ahli-ahli Dewan di sini dan mempunyai beberapa pendekatan dan cita-cita dan perwatakan yang berbeza daripada generasi sebelum ini ataupun ‘Gen X’ dan generasi sebelumnya. Dan sudah pasti Gen Y ini merujuk kepada satu konseptual yang saya kira perlu difahami oleh semua Ahli Dewan dan kita tak bolehlah terlalu *rigid* di sini untuk dengar perkembangan zaman. Kalau kita sebut *Smart Selangor*, jangan menilai daripada perkataan demi perkataan, sebaliknya harus dilihat kepada konsep. Kita sebut ‘Fit Malaysia’, Barisan Nasional tak bising pula (Khairy buat ‘Fit Malaysia) walaupun ‘Fit Malaysia’ dalam Bahasa Inggeris. Kita juga buat (lihat) selepas tahun 2013 bila Barisan Nasional memperkenalkan melupakan 1 Malaysia dengan meletakkan satu konsep baru iaitu ‘*Endless Possibilities*’. Ketika itu Barisan Nasional tak melihat pula ia sebagai penggadaian Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Melayu. Juga pelaksanaan Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik pada suatu ketika dahulu.

Jadi, kalau kita melihat pada konsep Gen Y ini satu konsep baru dan juga satu pendekatan baru yang harus dirujuk dan dalam belanjawan kali ini YAB Menteri Besar atau Kerajaan Negeri telah menyebut dengan secara spesifik ataupun secara jelas bahawa Gen Y merupakan satu perkara ataupun satu kelompok yang harus ditangani dan telah diperuntukkan dengan sejumlah peruntukan yang baik.

Justeru, konsep pembangunan generasi muda juga harus berkembang daripada konsep lama (dengan izin) kalau dahulu konsepnya adalah persatuan-persatuan dan kelab-kelab belia ataupun namanya Belia (kita ada Majlis-majlis Belia, kita ada Kelab Belia Desa, kita ada Kelab Belia di Taman dan sebagainya) di mana ada konsep dan struktur yang tertentu. Namun dengan perkembangan-perkembangan terkini, ada kelompok-kelompok yang kita panggil ‘*hipster*’ ataupun satu kelompok-kelompok baru antaranya mereka juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ataupun aktiviti-aktiviti generasi muda dengan kelompok mereka sendiri, cita rasa mereka sendiri. Kelompok-kelompok seperti Frinjal, kelompok-kelompok seperti Maisinar Kasih ataupun Universiti Terbuka Anak Muda Malaysia ataupun kelompok Buku Jalanan yang berkembang di beberapa buah negeri termasuk di Shah Alam. Kelompok-kelompok ini tidak ada struktur formal sebagaimana Majlis Belia Selangor, sebagaimana Kelab Belia Islam Malaysia, sebagaimana Angkatan Belia Islam Malaysia ataupun jemaah-jemaah dan kelompok-kelompok yang lain. Tetapi mereka ini bertindak/bergerak dengan program-program yang terkini dan program-program yang berbentuk yang baru.

Justeru, PEBT ataupun Penggerak Belia Tempatan harus bergerak ke arah yang lebih moden dan terkini ini untuk menangani dan berdepan dengan kelompok-kelompok ini selain meneruskan hubungan tradisi dengan jabatan-jabatan ataupun kelab-kelab formal ataupun badan-badan formal ini. Jadi saya ucap terima kasih dan *Insya-Allah* pendekatan ini akan diberikan penekanan selain daripada konsep yang kita telah laksanakan. Ia tidak hanya terlibat dalam pada hubungan dan program-

program sosial sahaja, tetapi ia juga turut menjurus program-program pembangunan ekonomi (sebagai contoh).

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya begitu yakin Generasi Y ataupun Gen Y ini akan terlibat dalam bidang perniagaan *online* yang sekarang ini berkembang dengan cukup besar. Dan kalau kita lihat ahli ekonomi Austria yang terkenal bernama (yang terkenal/terkemuka) Joseph Scum Peter meletakkan usahawan sebagai teras kepada model kapitalismenya. Menurut Scum Peter, keusahawanan membawa kepada *perennial gear of crest creative destruction* atau dalam bahasa yang lebih kontemporari usahawan ini digelar sebagai *distributer* yang mana mereka membawa gangguan kepada status ke pasaran. Sebagai contoh ‘Uber’ sebuah syarikat pengangkutan yang tidak mempunyai satu pun milik kenderaan mereka. Sebagai contoh ‘Agoda’, mereka tidak punya satu pun hotel. Tetapi mampu menguruskan perniagaan perhotelan dan penempatan juga Uber mengenai pengangkutan dan juga jabatan-jabatan lain. Jadi konsep-konsep ini diterapkan sedikit sebanyak dalam belanjawan kali ini dan justeru itu Kerajaan Negeri telah melaksanakan apa yang dipanggil sebagai *Selangor Information Technology and e-Commerce Centre* melalui YB Sungai Pinang dan juga *Selangor Digital*

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Bukit Gasing minta. Mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Saya tertarik dengan contoh yang baru diberi oleh YB EXCO. Adakah ini kemungkinan bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan membenarkan sistem seperti penyewaan bilik rumah seperti yang baru saja diberi dalam cadangan Yang Berhormat sebagai industri baru dan perkembangan teknologi baru (*destructive technology*) di negeri Selangor?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih YB Bukit Gasing. Saya sebutkan tadi bahawa kita kena *explore* ataupun kita kena meneroka persoalan ini sebagai satu *space* baru ataupun satu ruangan baru dan kalau ia bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa dan juga bersesuaian dengan apa kemudahan yang kita ada, kita boleh laksanakan. Dan saya rasa bila bidang ini akan diteroka dalam *Selangor Information Technology and e-Commerce Centre* ataupun CTEC dan juga *Selangor Digital Creative Centre* dan saya rasa ini menjawab sedikit sebanyak kegusaran Bukit Tunku yang menyebutkan bahawa belanjawan kali ini (Kampung Tunku). Minta maaf. Kampung Tunku yang menyatakan keimbangan bahawa belanjawan kali ini tidak menyentuh tentang golongan menengah. Dan saya rasa golongan menengah bentuk bantuannya tidak menjurus kepada pemberian

ataupun *cash* ataupun *hands out* ataupun apa-apa seperti pengurangan cukai dan sebagainya. Sebaliknya insentif-insentif yang dilaksanakan dan ini merupakan satu pandangan dan paradigma baru yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengayakan dan memberikan peluang kepada golongan menengah khususnya yang terlibat juga sebahagiannya di kalangan generasi muda dan golongan muda.

Bagi tahun ini, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan juga telah menjayakan beberapa kursus yang berpeluang kepada usahawan-usahawan negeri Selangor terhadap potensi perniagaan atas talian ataupun *online business* dan kita juga dalam proses menyediakan platform keusahawanan Selangor yang membolehkan para usahawan negeri Selangor mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasih sekalian,

Antara bidang-bidang yang kita telah mula lebarkan konsepnya. Kalau dahulu sebagai contoh dana industri kampung kita hanya memfokuskan kepada produk ataupun memfokuskan kepada penghasilan produk. Namun begitu, untuk tahun ini kita telah mulakan dan mengembangkannya kepada beberapa perkara selain meningkatkan bantuan daripada RM10,000 kepada RM30,000, kita tingkatkan juga bidangnya iaitu antaranya *intellectual properties* (yang saya sebut dalam jawapan tadi) iaitu kekompetenan. Yang kedua, mempromosi ataupun *packaging* yang kita ada programnya ‘4P’ dan juga naik taraf kemudahan sesuai dengan kemudahan-kemudahan terkini dan juga alatan-alatan terkini untuk pemasaran bagi menyediakan usahawan-usahawan yang berdaya saing dan sesuai dengan konsep Gen Y ataupun kontemporari yang saya telah sebutkan tadi.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasih sekalian,

Ada dibangkitkan juga (saya rasa setelah menjawab generasi muda sedikit sebanyak) dan ada yang membangkitkan tentang sukan. Terutamanya daripada Seri Andalas yang membangkitkan tentang keperluan untuk Kerajaan Negeri memberikan perhatian yang lebih terhadap pembangunan sukan-sukan selain daripada bola sepak yang diperuntukkan RM23 juta. Untuk maklumat Seri Andalas, pada tahun 2016 pihak Majlis Sukan Negeri Selangor sebagai badan pelaksana untuk program-program pembangunan sukan negeri mendapat peruntukan sebanyak RM11 juta untuk program pembangunan sukan dan juga ada peningkatan daripada RM5.9 juta kepada RM6.4 juta pada tahun 2016 untuk belanja pengurusan Majlis Sukan Negeri Selangor dan sejurus itu jumlah peruntukan yang kita terima meningkat daripada RM11.2 juta kepada RM17.4 juta.

Mengapakah pertumbuhan dan pergerakan ini berlaku? Pertamanya kerana di pihak Majlis Sukan Negeri Selangor, kita sedang berdepan dengan satu kejohanan yang

besar pada tahun hadapan iaitu Kejohanan Sukan Malaysia ataupun SUKMA yang akan berlangsung di negeri Sarawak yang akan mempertandingkan 25 jenis sukan dalam kejohanan tersebut. Dan sudah pasti 25 jenis ini bukanlah terlalu banyak. Saya kira jumlahnya hampir sama dengan jumlah yang dilaksanakan oleh kejohanan-kejohanan sebelum ini. Namun disebabkan logistik ataupun pengangkutan serta tempat yang agak jauh, jadi kos untuk melaksanakan SUKMA tahun hadapan ada sedikit peningkatan.

Tapi bukan itu saja, sebab dalam masa yang sama sebenarnya di pihak Majlis Sukan Negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan Sukan Negeri, kita sedang memperkemaskan dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (di bawah Kementerian Belia dan Sukan) untuk melaksanakan program-program pembangunan yang menyeluruh di setiap daerah-daerah untuk memastikan program-program pembangunan sukan kita dan kelahiran atlet-atlet kita ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa termasuk menyediakan *database* atlet-atlet kita bagi penyediaan atlet-atlet kita di masa depan. Dan kita telah memberikan tanggungjawab-tanggungjawab kepada majlis-majlis tempatan.

Kalau sebelum ini, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan hanya bertanggungjawab ketika Kejohanan SUKMA, tapi pada kali ini program pembangunan juga akan diteruskan di peringkat akar umbi. Tak cukup dengan spesifikasi ini, kita tambah juga 2 orang lagi pegawai-pegawai di Pihak Berkuasa Tempatan yang digaji dan dipantau secara terus oleh pihak Majlis Sukan Negeri dan kita dapat memastikan semua program-program yang dirancang berselari dan selari dan seimbang sebagaimana yang dilaksanakan oleh Unit Sukan Prestasi Tinggi di bawah Majlis Sukan Negara dapat dilaksanakan dengan baik dan tersusun. Daerah Petaling (sebagai contoh), semua daerah akan melaksanakan program-program pembangunan olahraga sebab kita telah bertahun-tahun berdepan dengan masalah olahraga, namun daerah Petaling juga akan menyediakan dan menumpu untuk sukan boling, sepak takraw dan juga daerah Klang akan memberikan penumpuan untuk skuasy dan juga pelayaran (sebagai contoh). Hulu Langat akan memberi fokus kepada memanah. Gombak juga akan memberi tumpuan kepada memanah dan juga olahraga. Sepang akan memberikan tumpuan kepada pelayaran dan sepak takraw, Kuala Langat akan memberikan penumpuan kepada tekwando. Kuala Selangor akan memberikan tumpuan kepada berbasikal dan juga Sabak Bernam akan memberikan tumpuan kepada memanah.

Ini antara sukan-sukan yang telah dipilih oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan ataupun oleh pihak daerah masing-masing, pusat latihan-pusat latihan daerah. Dan dengan adanya pusat-pusat latihan daerah ini, kita dalam masa yang sama dapat memastikan program secara berterusan bukan hanya bermula pada tahun ataupun 7 bulan/8 bulan sebelum SUKMA berlangsung. Ini kaedah lama di mana kita serahkan kepada persatuan, persatuan bertindak. Dan pada selepas satu tahun sebelum Kejohanan SUKMA, biasanya kita akan memanggil persatuan menyenaraikan nama.

Namun kali ini kita selaraskan semua dari pihak Majlis Sukan-sukan Sekolah di peringkat Jabatan Pendidikan, dirujuk kemudian di peringkat persatuan-persatuan dan dirujuk kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan melalui Pusat Latihan Daerah yang kita laksanakan dan ini akan memberikan sokongan tambahan kepada kita untuk program-program pembangunan sukan dan juga atlet di negeri Selangor dengan jumlah yang saya sebutkan tadi.

Namun begitu pembangunan-pembangunan ini juga bergantung kemudahan-kemudahan saya melihat ada dua tiga ahli Dewan yang menyebutkan tentang kemudahan-kemudahan sukan sebelum saya pergi ke sana, saya ingin menyebutkan juga *Insya-Allah* tahun ini akan Alhamdulillahlah tahun ini kita telah mulakan Liga Sukan Selangor Plus. Liga Sukan Selangor Plus, yang mana kita jemput semua Ahli-ahli Dewan Negeri untuk melaksanakan program Pusat-pusat Khidmat dengan peruntukan yang telah ada pada mereka bukan diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri, saya kira untuk belanjakan pada sekitar 30 ribu ringgit daripada sejumlah 700 ribu ringgit yang diperuntukkan bagi setiap pusat Khidmat, saya kira terlalu besar. Untuk tahun ini kita memilih sukan futsal, sukan bola jaring dan sukan keranjang sebab saya mengambil kira semua faktor termasuk penyertaan pelbagai kaum dan penyertaan berbagai-bagai genre dan *Insya-Allah* tahun hadapan kita cadangkan tambah dua lagi game iaitu sukan sepak takraw dan untuk penyertaan masa yang lebih ramai kita cadangkan sukan tarik tali. Dan *Insya-Allah* tahun hadapan kita peruntukan, peruntukan yang sedikit kepada setiap pusat khidmat daripada pihak jawatankuasa tetap *Insya-Allah* kita akan peruntukan 5 ribu ringgit bagi setiap dewan undangan negeri dengan mereka-mereka yang akan buat dan laksanakan tahun ini sekitar 24 DUN daripada 56 DUN yang terlibat. Saya mengharapkan sokongan dari semua DUN tahun hadapan supaya terlibat bersama-sama dengan *sitting fun* 5 ribu ringgit kita akan berikan kepada Dewan-dewan Undangan Negeri yang ingin melaksanakan liga sukan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekali lagi Bukit Gasing minta, sila

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Kena dijelaskan bahawa 5 ribu ringgit ini jauh tidak cukup untuk program yang dibutirkan oleh yang YB EXCO lebih kurang 20 ribu paling minimum yang diperlukan, kalau kita nak ikut butiran-butiran justifikasi yang diminta termasuk piala-piala, hadiah dia dan sebagainya. Jadi mohon 5 ribu ini dikaji semula bagilah peruntukan yang sewajarnya, kerana saya rasa pihak EXCO ini menghormati penganjuran sukan jadi kenalah hormati dengan membagi peruntukan sewajarnya. Yang pertama dan yang kedua, kita juga perlu bantuan teknikal sebab bukan setiap DUN mempunyai kepakaran teknikal untuk menganjurkan setiap bidang sukan yang dicadangkan, pengurusan *tournament director* dengan izin, pengadil dan sebagainya jadi, perkara ini juga perlu dibantu oleh pihak Kerajaan Negeri sebab selalu dikata kami bukan eksekutif, kami *legislator*, jadi bahagian eksekutiflah kena bantu kami untuk melaksanakan program ini.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Bukit Gasing, yang pertama untuk bantuan teknikal *Insya-Allah* tahun ini kita akan lebih kemaskan sebab tahun lepas atau tahun ini tahun depan 2016 kita akan perkemaskan sebab tahun ini asasnya sebab kita memulakan agak lewat jadi tahun ini kita sudah mulakan *Insya-Allah* sekitar bulan satu kita perkemaskan segala isu-isu teknikal itu kita akan tangani dan atasi di peringkat awal dan juga isu peruntukan ini saya sebutkan lagi saya ulang baik 30 ribu daripada 700 ribu itu tidaklah terlalu besar dan membebankan dan saya kira setiap pusat-pusat khidmat juga akan melaksanakan program sukan, ada yang buat futsal, ada yang buat bola jaring, ada yang buat pertandingan 9 sebelah dan sebagainya, jadi apa salahnya diselaraskan dengan kejohanan ini di mana ada insentif tambahan di mana mereka bukan hanya terlibat dekat peringkat *local* dan tempatan tetapi mereka juga mampu untuk bersaing di peringkat negeri yang ada ditanggung sepenuh oleh pihak Kerajaan Negeri. Jadi saya kira 5 ribu boleh beli hadiah yang lain-ain tu ditanggunglah oleh Pusat Khidmat masing-masing.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Mohon mencelah

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Batu Tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin memberi pandangan sikit kepada isu yang dibangkitkan. Kalau jumlah itu terlalu sedikit, memang wajar ditambah. Saya mencadangkan supaya pihak EXCO menambah peruntukan dalam konteks, membuatkan klinik-klinik, ya klinik-klinik untuk memastikan, peserta-peserta atau pemain-pemain ini dapat satu skil yang baik. Ini mesti diusahakan daripada pihak Kerajaan, bukannya ADUN-ADUN sendiri sebab untuk mendapat, mendapat apa ni, *coaching* ataupun bimbingan di klinik-klinik kadang-kadang memerlukan individu ataupun pemain-pemain di peringkat yang lebih mahir untuk pemain-pemain kita dapat pengalaman daripada mereka. Jadi apakah pihak EXCO bercadang untuk tambahan daripada 5 ribu itu, ada program lain iaitu klinik untuk bantuan kepada semua pemain atau bakal pemain nanti dapat menggarap isu sukan ini dengan lebih baik.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, *Insya-Allah*, kalau di kejohanan itu dilaksanakan kita boleh selaraskan dengan pusat-pusat latihan daerah yang kita ada. Di pusat latihan daerah yang sedia ada itu kita ada jurulatih yang telah dilatih dilantik di peringkat negeri dan kalau ia melibatkan klinik, klinik yang memberikan ilmu dan pendidikan kepada, kepada ahli-ahli dewan kepada peserta-peserta di peringkat bawah jadi *Insya-Allah*, kita akan cuba selarikan selaraskan dengan apa yang kita ingin laksanakan ataupun kita akan laksanakan. Ahli Dewan yang dikasih sekalian,

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Timbalan Speaker, boleh saya mencela?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selat Klang**

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Oleh kerana EXCO Sukan sangat prihatin dan mahu melihatkan kesukaran ini diambil serius oleh seluruh ADUN, di seluruh Selangor ini, jadi saya mencadangkan untuk penglibatan yang maksima dan optima, keperluan asas sukan itu mestilah diberi tumpuan oleh Kerajaan Negeri. Kalau tak ada padang bola yang sesuai, tinggi rendah macam orang tsunami macam orang pening-pening dijadikan macam apa kerbau apa, apa tu kubang, boleh datang hujan dia berlapar di situ, maka saya ladang kerbau, kubang, ya jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri Selangor membuat inventori kemudahan sukan sekurang-kurangnya di setiap DUN ini dan berikan peruntukan bukan sekadar cukup-cukup makan, tetapi melihatkan keperluan kalau dia perlukan jumlah yang apa yang secukupnya bukan kata 20 ribu habis boleh, boleh dah selesai masalah tidak, so selesaikan analisa yang profesional daripada pihak Kerajaan, *Insya-Allah* saya yakin semua ADUN Selangor ini akan menyokong.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Saya pun nak masuk topik itu, terima kasih Selat Klang. Saya nak sebutkan tahun ini kita telah memperuntukkan sekitar 1.12 juta untuk naik taraf kemudahan dengan kita memberikan pukul rata sekitar 20 ribu bagi setiap Dewan Undangan Negeri untuk naik taraf kemudahan-kemudahan sukan, saya dan dapat rungutan dan juga teguran daripada Ahi-ahli Dewan berulang-ulang kali daripada sesi Mac, sesi Ogos atau pertengahan yang lepas sampailah sekarang, justeru pihak Kerajaan Negeri telah mengambil kira sebagai mana saya sebut. Kita tidak melaksanakan program berdasarkan wang, sebaliknya kita melaksanakan program berdasarkan keperluan. Justeru dalam tempoh setahun yang lepas ini, saya sedang mengumpulkan inventori- inventori itu dan itulah saya keluarkan dalam sesi yang lepas ada pada angkanya ada 355 dan saya percaya ia akan bertambah gelanggang-gelanggang, itu baru gelanggang futsal, sepak takraw dan bola jaring, badminton court yang ada yang dalam sebagainya berada dalam keadaan kurang baik. Jadi tahun ini kita naikkan dari 1.1 kepada 2 juta dan tidak ada limitasi dalam 20 ribu sebaliknya *Insya-Allah* bukan bahagikan ikut kepada keperluan-keperluan. Jadi target kita pada tahun ini, kita akan dapat menaik taraf.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Teratai mintak, Teratai**

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Kejap-kejap, tak habis ayat lagi, di antara 80 hingga 100 court dan gelanggang yang kita akan ambil kita daripada kemudahan-kemudahan yang sedia ada di negeri Selangor ini. Dan dengan itu juga dalam tempoh 3 tahun saya jangkakan kita akan mampu melengkapkan naik taraf di kesemua kemudahan-kemudahan yang kita ada.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sebelum tu Teratai sebelum tu, saya ingatkan Yang Berhormat sekalian, ini adalah sesi penggulungan dan bukan saya berharap

tidak ada soalan yang perkara yang baru dikemukakan oleh Yang Berhormat. Silakan Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, bukan soalan tambahan tetapi ialah ucapan daripada Yang Berhormat Batu Caves. Berkennaan dengan peruntukan-peruntukan akan disalurkan mengikut keperluan. Teratai di sini meminta supaya Kerajaan Negeri memang memandang serius atas padang-padang yang telah rosak yang mana telah tidak, menjadi satu halangan kepada anak-anak muda untuk menjalankan latihan seperti mana program-program yang telah dilancarkan program itu baik futsal dan selainnya, tetapi apa bila ada masalah kerosakan padang dan selainnya, anak-anak tidak dapat berlatih dengan baik dengan padang yang rosak demikian, jadi kawasan DUN Teratai lebih daripada 2 padang dah rosak, jadi saya mohon padang yang rosak , Yang Berhormat Batu Caves dapat memandang serius atas perkara ini terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Saya tak boleh nak tetapkan nanti semua nak mintak dua tiga empat, jadi saya rasa baik dihantar bertulis ke pihak UPEN Unit Perancang Ekonomi, malahan tahun ini sebagai contoh Rawang dan beberapa temat lain juga dah hantar, jadi kita dan senaraikan, *Insya-Allah* kita akan ambil prioriti dan keutamaan berdasarkan daripada jumlah yang kita ada dan juga yang kita mampu. Teratai terima kasih. Terus hantarkan kepada Unit Perancang Ekonomi atau kepada saya atau kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Kita akan rujuk kepada 3 agensi ini, dan *Insya-Allah* tahun ini atau tahun hadapan kita akan memperkemaskan daripada segi pelaksanaan, terus terang sampai ke sekarang ini pelaksanaan nya telah berjalan tetapi agak perlahan, *Insya-Allah* saya *target* dalam sasarkan sekitar bulan 6 tahun depan kita telah mula memilih bagi fasa yang pertama bagi naiktarafkan kemudahan-kemudahan ini dan namun begitu dari segi proses sebagainya saya kira kita tidak boleh kompromi atau kita tidak boleh kita tak boleh nak mengambil sambil lewa. Ada namun begitu saya juga ingin jawab tentang beberapa cadangan khususnya dari Sabak yang membangkitkan tentang keadaan Stadium di Sabak ataupun Stadium di Sabak Bernam. Sabak Bernam di antara daerah...zoo ke stadium, saya pun tak tahu Stadium, Sabak Bernam ini mempunyai antara daerah yang agak istimewa walaupun dia berada di hujung tapi di Sabak Bernam ini ada dua stadium. Satu Stadium Sungai Besar, satu lagi di Stadium Sabak Bernam. Dan keadaan Stadium Sabak tu memang agak ke dalam dan dia berdekatan dengan ladang kelapa sawit sebelum itu dan sekarang ini ada sebahagiannya hutan. *Insya-Allah* ini bukan sebab Sabak minta, memang ada dalam perancangan tahun ini ya. Tahun depan ini kita akan memperuntukkan lebih kurang RM1.2 juta untuk stadium-stadium di Sabak, di Sabak. Ini bukan sebab Sabak minta, tapi memang ada dalam pelan kenapa wang ini, kenapa wang peruntukan sejumlah RM6 juta lagi yang ingin dilaksanakan. Namun begitu kita akan lihat kepada keutamaan sama ada Stadium Sungai Besar atau Stadium Sabak namun begitu kita akan lihat kesesuaian tempat tersebut. Ada peruntukan yang lain daripada peruntukan RM6 juta itu tadi RM2 juta telah dilaksanakan untuk menaik taraf kemudahan awam dan masa RM1.9

kita memilih salah satu pusat *Long Ball*. Kita ada 3 tempat di Sepang, di Kuala Selangor dan di Shah Alam. Kita akan cari satu tempat yang sesuai dan keadaan dan keadaan tanah yang sesuai yang telah ada untuk di naiktaraf dan selebihnya ada sekitar 1.6 lagi kita akan memilih beberapa tempat-tempat yang lain termasuk kemudahan-kemudahan sukan yang memerlukan naik taraf.

Kota Anggerik ada membangkitkan tentang litar lumba, kita telah membina satu litar lumba rakyat. Saya ucap terima kasih, Sijangkang yang usahakan dahulu saya sambung sahaja. Tahun ini sahaja kita telah peruntukan 200 ribu untuk naik taraf di litar lumba rakyat ini. Walaupun litar lumba rakyat ini tidaklah mencapai *standard* litar yang sebenar namun begitu saya kira kita telah diberi maklum ia merupakan sebahagian daripada tempat-tempat yang baik untuk permulaan ataupun *beginner* kepada atlit-atlit kita khususnya untuk berlumba kawasan ini di tempat letak kereta Stadium Kuala Selangor, tempat letak kereta Stadium Kuala Selangor yang menjadi pusat untuk kegiatan pelumba-pelumba dan sekali gus saya mendapat laporan kita juga mengurangkan kes-kes lumba haram terutama di daerah Kuala Selangor tapi bila sampai ke Shah Alam jalan tu boleh tahan lagi. Ahli Yang Berhormat dikasih sekalian tahun ini sebenarnya saya nak laporkan sedikit di kesempatan ini bahawa kita telah memilih sebanyak 30 projek daripada keseluruhan 12 juta yang telah diperuntukkan untuk naik taraf dan di antaranya ialah Stadium Hoki Pandamaran dan Stadium Hoki MBPJ, yang saya kira saya ikuti secara dekat *progress* dan perkembangannya. Kita juga sedang membina ataupun menaik taraf lawan pedang, tempat lawan pedang dan memanah, angkat berat naik taraf lampu limpah di Stadium Kuala Selangor, Stadium Tertutup Kuala Selangor.

Naik taraf bumbung arena MBPJ. Lampu limpah di Stadium Jugra. Mini Stadium Sepang. Menaik taraf padang bola sepak di Majlis Daerah Kuala Selangor. Menaik taraf trek BMX dan kita adalah antara negeri pertama yang mempunyai trek BMX dan kemungkinan kalau trek BMX ini baik dia akan menjadi antara lokasi sasaran untuk dilaksanakan kejohanan *Sea Games* atau Sukan Sea yang akan berlangsung tahun hadapan ataupun 2017 dan juga beberapa kemudahan-kemudahan lain seperti *skate board* di Kajang dan juga di Ampang dan juga kemudahan-kemudahan seperti litar lumba rakyat dan patong yang saya sebutkan tadi. Ini yang telah kita laksanakan daripada 12 juta ataupun daripada permintaan yang telah kita laksanakan tahun ini.

Ahli Yang Berhormat yang saya kasih sekalian yang ketiga, yang seterusnya ialah berkenaan dengan permintaan Sungai Pelek supaya kita membina satu kompleks sukan di bahagian Selatan Sungai Pelek. Jadi saya kira, kita belum mampu untuk laksanakan sekarang sebab kalau ikutkan dekat Batu Caves tak ada satu pun kompleks sukan lagi. Itu satu contoh lah tapi kita akan ambil kira daripada kompleks-kompleks sukan yang sedia ada untuk naik taraf dan kalau ada keutamaan saya kira, tempat-tempat lain juga ada permohonan untuk menaik, untuk membina dan sebagainya. Setakat ini, bagi lah saya untuk selesaikan naik taraf ataupun kemudahan ini sebelum kita menyediakan projek-projek baru untuk membina sebab

bagi saya, saya kira daripada *database* yang kita ada kemudahan sukan Negeri Selangor ini lebih daripada sepatutnya tetapi isunya ialah bagaimana kita *maintain* dengan izin ataupun bagaimana kita naik taraf ataupun kita jaga kemudahan-kemudahan yang sedia ada.

Satu sahaja cadangan yang lahir berkenaan dengan kebudayaan, saya sangat setuju dengan apa yang dicadangkan oleh Kampung Tunku di mana, Kampung Tunku mencadangkan agar kebudayaan ini juga ada aspek kemanusiaan dan sememangnya ini lah di antara perkara-perkara yang kita akan perterapkan dan ada cadangan yang spesifik iaitu menjadikan Muzium Majlis Bandar Raya Petaling Jaya ataupun Muzium Petaling sebagai Muzium yang diambil alih oleh PKNS untuk memaparkan perkembangan Petaling Jaya daripada sebuah kawasan kosong kepada satu kota metropolitan dan *Insya-Allah* kita akan perkembangkan hal ini dan ia akan memberikan nilai tambah sebagai kota seni ataupun kota seni Petaling Jaya yang ada sekarang ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya perbetulkan sedikit, saya tidak mencadangkan PKNS untuk mengambil alih. Saya mencadangkan usaha sama dengan PKNS iaitu PKNS sudah pasti mempunyai banyak artifak dari segi *lay out* pelan, dari segi perancangan, dari segi gambar foto. Setiap Muzium perlu ada satu bentuk keunikannya sendiri dan saya cadangkan supaya Muzium Petaling Jaya ini daripadanya mempamerkan bahan-bahan yang boleh ditunjuk oleh Muzium-muzium yang lain baik kita tunjukkan keunikannya sebagai sebuah Muzium pertumbuhan Petaling Jaya. Hah, itu cadangan saya.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, saya ambil maklum atas teguran tersebut di mana ialah mungkin bahasanya agak sensitif ambil alih, tapi saya merujuk kepada hal yang tersebut di mana adanya kerjasama PKNS sebagaimana *coffee table* yang telah dikeluarkan oleh mereka itu, dikembangkan kepada bentuk pameran yang boleh dirujuk khususnya kepada latar sejarah sebagai bandar satelit pertama di Malaysia ini kepada Kuala Lumpur yang sudah berkembang menjadi bandar raya sebagai satu bandar kosmopolitan yang harus dirujuk. Saya kira itu sahaja daripada saya dari pihak jawatankuasa pembangunan, kebudayaan, pembangunan jenis semula sukan negeri Selangor, jadi saya ucapkan terima kasih Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Caves. Saya nak mempersilakan Sementa. Silakan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahitaallah Wabarakatuh* serta salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan kali ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan sekalung penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas pembentangan belanjawan negeri Selangor 2016 yang bertemakan Membangun *Smart Selangor* yang Peduli.

Belanjawan 2016 ini merupakan bajet yang komprehensif, menyeluruh, bersepadu dan peduli serta menepati aspirasi dan kehendak rakyat Selangor. Saya juga mengucapkan terima kasih pada Dato' Menteri Besar yang memasukkan membangun kapasiti wanita, generasi Y dan ekonomi kreatif sebagai salah satu daripada 5 strategi dalam belanjawan kali ini.

Tuan Speaker, perbahasan bajet pada kali ini berlangsung dengan rancak dan ini merupakan satu petanda positif menunjukkan keprihatinan yang tinggi daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku Ahli Legislatif dalam memantau peranan kerajaan selaku pihak eksekutif. Peranan *check and balance* ini dengan izin, sangat penting dalam semangat demokrasi yang kita amalkan.

Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Sekinchan telah membangkitkan tentang isu berkaitan golongan orang kurang upaya. Untuk maklumat sidang Dewan, Kerajaan Negeri menggunakan pakai dasar pengambilan 1% pekerja dalam kalangan orang kurang upaya seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 2010. Oleh yang demikian, bagi pemohon OKU yang layak mengikut keperluan bidang tugas adalah tidak menjadi masalah bagi pihak jabatan atau agensi Kerajaan Negeri untuk mengambil mereka sebagai pekerja daripada kalangan OKU.

*Parking* percuma untuk golongan OKU juga disediakan oleh pihak berkuasa tempatan di negeri Selangor mulai tahun 2012 dan untuk pemandu OKU dan keluarga OKU. Stiker khas pula dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan kepada golongan kurang upaya yang memiliki kenderaan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kajang atas sokongan, untuk program didik *Smart Selangor* bagi ibu bapa yang berkeperluan yang menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas dan anak-anak ini adalah antaranya adalah anak-anak *autisme, syndrome down, dyslexia dan cerebral palsy* serta lain-lain kecacatan. Program ini kita harap akan menjadi satu program perintis daripada Kerajaan Negeri bersama-sama dengan NGO ataupun Pusat Pembelajaran OKU sedia ada yang dikenal pasti bagi menangani permintaan dalam kalangan ibu bapa di negeri Selangor yang mempunyai anak-anak istimewa ini. Yang Berhormat Kajang dan Taman Medan juga menyentuh berkenaan dengan *Selangor Home*

*M*aker program cadangan ini adalah bagi menyahut saranan dan keperluan wanita berkerjaya masa kini terutamanya dalam kalangan wanita muda dan ibu muda. Program ini dicadangkan akan dimulakan oleh Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) dan anak-anak syarikat negeri Selangor pada tahun hadapan.

Kerajaan Negeri meletakkan keyakinan dan kepercayaan terhadap golongan wanita berkerjaya ini yang memilih untuk berada bersama anak-anak dan keluarga di samping tetap meneruskan khidmat dan sumbangan terhadap negeri dan mereka mampu mengurus masa dan keluarga dengan baik dan lebih berkualiti dan ianya tidak menjadi satu bebanan kepada mereka dan ini lah tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam menyediakan alternatif kepada ibu muda yang bekerja di negeri Selangor.

Yang Berhormat Taman Medan dan Seri Serdang prihatin tentang Kerajaan Negeri agar mewujudkan lebih banyak *Affordable Child Care Centre*. Untuk makluman Ahli Dewan Sekalian negeri Selangor mempunyai sebanyak 185 buah taska yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor termasuk 24 buah taska di rumah yang berdaftar mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak Kementerian. Mana kala bagi agensi ataupun Jabatan Kerajaan Negeri sebanyak 14 buah taska atau pusat asuhan kanak-kanak telah diwujudkan di sembilan buah PBT dan 2 anak syarikat iaitu PKNS dan ok silakan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Mohon mencelah.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sila Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Taman Medan ingin tahu adakah dijalankan pemantauan pusat-pusat penjagaan anak-anak ini ataupun taska-taska di rumah setelah mereka mendapat apa tu kebenaran membuka taska di rumah sebab saya dapati ada tempat-tempat tidak mengikuti piawaian yang telah ditetapkan sebab mereka berfikiran tidak ada pemantauan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih, Taman Medan. Berkenaan dengan taska-taska yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat mereka sentiasa dipantau oleh pihak jabatan untuk memastikan mereka melaksanakan dan juga memberikan perkhidmatan yang berkualiti untuk anak-anak.

Saya teruskan tadi bahawa agensi-agensi ataupun jabatan Kerajaan Negeri, dua buah anak syarikat iaitu PKNS dan juga PKPS juga mempunyai taska ya untuk para pegawai, untuk *staff* mereka dan 3 PBT yang belum lagi melaksanakan pusat asuhan kanak-kanak ini adalah Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Sabak Bernam dan Majlis Daerah Kuala Selangor. Jadi kita akan memastikan ketiga-tiga PBT ini akan melaksanakan taska di premis masing-masing.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa, Kampung Tunku minta, sila.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin membawa perhatian Dewan kepada satu Pekeliling daripada Putrajaya yang menetapkan bahawa bantuan taska kepada kakitangan awam hanya dihadkan sebanyak RM200.00 seorang anak. Itu adalah untuk anak di bawah umur 4 tahun dan kami terkilan dengan satu peristiwa yang berlaku di Putrajaya di mana kanak-kanak yang lebih daripada 4 tahun terpaksa ditinggalkan di rumah bersendirian dan ibu bapa penjawat awam bekerja di office sehingga dan saya ingin bertanya sekiranya ini adalah satu had atau pun satu beban yang terpaksa ditanggung oleh penjawat awam di bawah tanggungan pusat boleh kah Kerajaan Selangor mempertimbangkan supaya bantuan RM200.00 ini dinaikkan ataupun had umur 4 tahun itu dinaikkan dan saya rasa kalau boleh ianya harus dipertimbangkan memandangkan terdapat juga ramai kakitangan awam yang di bawah Biro Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di negeri Selangor supaya mereka tidak terlalu terkongkong oleh Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan ini. Mohon penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Kampung Tunku. Cadangan dan saranan daripada Kampung Tunku saya akan kemukakan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor untuk mendapatkan maklum balas dan *insya-Allah* saya akan memberikan jawapan tersebut secara bertulis kepada pihak Kampung Tunku. Terima kasih.

Seterusnya Kerajaan Negeri juga menyambut baik keprihatinan Yang Berhormat Taman Medan dan Seri Serdang tentang usaha menambah baik bilangan taska dan pusat asuhan kanak-kanak di masa akan datang agar pusat-pusat ini menjadi pusat asuhan yang berkualiti dan memberikan khidmat yang terbaik untuk anak-anak yang mana anak-anak ini adalah bakal generasi akan datang.

Saya juga berterima kasih pada Balakong, yang mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kempen kesedaran keselamatan kanak-kanak. Saya menyambut baik saranan ini memandangkan kes-kes jenayah seperti culik, kes dera serta kecuaian ibu bapa yang melibatkan kanak-kanak semakin meningkat. *Insya-Allah* kempen-kempen seumpama ini kita akan laksanakan pada tahun hadapan. Saya juga...

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Saya mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Saya nampak meningkatnya kes-kes kecuaian di mana ibu ataupun bapa telah terlupa tinggalkan anak-anak mereka di dalam kereta disebabkan desakan kerja. Jadi saya lihat mungkin mereka tidak

dapat hantar ke pusat-pusat jagaan sebab seperti mana disebutkan tadi kosnya tinggi untuk beberapa orang anak. Jadi ini sebenarnya satu perkara yang berleluasa dan ini masalah yang sering dihadapi oleh ibu bapa yang kedua-duanya bekerja. Jadi adakah Kerajaan Negeri akan mencari cara bagaimana boleh menyediakan khidmat penjagaan anak-anak ini pada kos yang wajar tapi tidak berkompromi dari segi kualiti yang perkhidmatan yang diberikan. Sebab saya lihat penjaga ataupun pengasuh-pengasuh yang bekerja di pusat-pusat jagaan ataupun taska ini adalah orang-orang yang sudah puas mencari pekerjaan lain tetapi tidak berjaya jadi akhirnya mereka jadi pengasuh. Jadi sudah tentulah mereka tidak kasih, sayangi anak-anak yang mereka jaga tapi hanya untuk mendapat bayaran gaji setiap bulan jadi itu berlaku penderaan. Daripada pemerhatian saya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih pada Taman Medan atas pandangan dan juga cadangan dan kita akan mengambil kira dalam program-program invokasi untuk kempen-kempen keselamatan anak-anak kita di masa akan datang, di tahun akan datang.

Saya mengucapkan terima kasih juga kepada Batu Tiga yang membangkitkan beberapa saran dan kesemua saranan Yang Berhormat daripada Batu Tiga tentang isu-isu berkaitan wanita antaranya adalah jaminan keselamatan ekonomi wanita iaitu caruman wanita dan juga 30% wanita di peringkat membuat keputusan serta program gender responsif bajet yang dikemukakan oleh Batu Tiga semalam dan kesemua saranan-saranan ini saya juga ingin mendapatkan kerjasama daripada Batu Tiga untuk bersama-sama dalam kita meneruskan agenda untuk memberdayakan wanita Selangor. Berkenaan dengan isu jaminan keselamatan ekonomi...

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Tiga. Sila.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ok terima kasih EXCO yang menjawab isu wanita tapi ada satu perkara yang saya ingin minta supaya diberikan penekanan pertama tentang *upper motif action* dengan izin ataupun satu penegasan daripada pihak EXCO ataupun Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa 30% pembuat keputusan itu ada di peringkat wanita di semua peringkat itu dapat dilaksanakan. Ianya bukan satu program, ia satu dasar sebenarnya yang perlu diberi perhatian supaya Selangor dapat mengisi ataupun dapat mencapai tahap 30% itu. Jadi saya harap bila saya nyatakan atau beri pandangan itu, saya mohon ada satu cara ataupun penegasan yang akan diberi ataupun jawapan diberi oleh EXCO tentang apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan 30% itu dapat dicapai. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu 3. Saya ingin menjawab tentang jaminan keselamatan ekonomi wanita iaitu caruman wanita *insya-Allah* pada tahun hadapan kita akan melaksanakan caruman wanita yang mana *paper* kita akan kemukakan kepada MMKN dan kita harap kita dapat laksanakan sama ada tahun hadapan ataupun tahun 2017 sebelum Pilihan Raya yang ke 14 dilaksanakan. Berkenaan dengan memastikan 30% wanita diletakkan di tempat di peringkat membuat keputusan, *insya-Allah* sehingga sekarang kita telah pun ke arah itu, ya daripada apa yang telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan banyak tempat-tempat ini telah pun diisi oleh wanita dan kita juga sedang dalam rangka memastikan 30% ini diisi dan juga diletakkan wanita-wanita yang berkualiti untuk berada di tempat tersebut.

Saya juga mengambil maklum dan menegaskan bahawa Kerajaan Negeri sesungguhnya komited dalam usaha mengiktiraf peranan wanita. Kita menghargai sumbangaan wanita dan mengambil kira pelbagai aspek keperluan wanita dalam pembentukan dasar-dasar Kerajaan Negeri.

Sekinchan, Meru, Batu Tiga, Serdang dan Teratai menyentuh tentang Pusat Wanita Berdaya, saya mengambil maklum keprihatinan Yang Berhormat sekalian berkenaan peruntukan Pusat Wanita Berdaya dan dalam usaha membangunkan kapasiti wanita di negeri Selangor yang mana ianya sememangnya setakat RM3 juta itu adalah agak ngam-ngam sahaja lah ya. Jadi sebenarnya ia memerlukan lebih daripada itu tetapi kita terima apa yang telah diperuntukkan dan kita harap sekiranya pada tahun hadapan ianya ada keperluan untuk penambahan mungkin kita akan memohon kepada pihak Kerajaan Negeri untuk menambah peruntukan tersebut.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri giat melakukan usaha-usaha pemberdayaan dan pembangunan kapasiti wanita di setiap DUN dengan peruntukan yang diberikan dan Yang Berhormat Meru ada menyatakan bahawa penyelia PWB hanya bekerja selama 4 jam sebenarnya ia tidak tepat ya kerana semua penyelia-penyselia PWB hendaklah bekerja mengikut waktu pejabat atau waktu operasi pusat khidmat DUN masing-masing. Ini juga termasuk bertugas pada hujung minggu bagi pelaksanaan program-program dan juga kursus-kursus.

Saya juga bersetuju dengan kenyataan Batu Tiga, iaitu kejayaan PWB di sesuatu DUN itu bergantung kepada penyelia PWB tersebut dan mereka adalah nadi PWB di DUN masing-masing dan sebenarnya penyelia Pusat Wanita Berdaya ini adalah pemimpin di kawasan masing-masing. Mereka menjaga satu DUN dan mereka bukan kerani di DUN.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing minta. Sila. Ya Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Tertarik dengan ayat mereka bukan kerani di pejabat DUN tetapi apabila mereka diminta untuk bekerja *fulltime* so mereka

bekerja 8 jam sehari. Mereka bekerja pada waktu malam kadangkala. Mereka bekerja pada hujung minggu. Rata-ratanya bekerja lebih daripada 40 jam seminggu. Itu kerja *fulltime* dan mereka diminta menjadi seorang pegawai tetapi kenapa bayaran dia tahap kerani sahaja, RM1,500.00 itu memang tidak wajar.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Bukit Gasing kerana prihatin tentang perkara ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama minta. Sila.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya juga nak tambah kepada penyelia PWB, mereka terpaksa, dipaksa untuk buat dokumen, kertas kerja *every week* kena hantar, *its a lot of paper work tapi nothing productive comes from paper work* dengan izin sebab boleh tak YB EXCO menjelaskan kenapa kertas-kertas kerja ini perlu dibuat untuk melaporkan diri bila saya pergi pejabat, bila saya keluar dari pejabat apa yang saya buat hari-hari. Apakah justifikasi, apakah *reason* sebab yang mereka kena buat melapur seperti berikut dan kena lapor terlalu banyak *things than way cannot we manage by result?* Apa yang mereka buat sahaja bukan berapa lama dia di office berapa boleh YB EXCO jelaskan.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Minta maaf nak tambah sikit. Yang Berhormat EXCO saya minta lah kalau boleh waktu bekerja untuk penyelia PWB boleh diberikan kelonggaran sikit kerana tengok kalau kerja 8 jam sehari seperti apa yang dikatakan oleh Bukit Gasing dia dah melebihi masa bukannya *fulltime*, dia dah *overtime*. Ada tak kita bayar *overtime* kat dia? Tidak dan untuk program-program wanita kebanyakan yang mengambil bahagian dalam PWB adalah suri rumah. Waktu siang kebanyakan kena masak, kena jaga anak, kena hantar anak sekolah mana ada masa untuk nak berjumpa pada waktu siang, jadi penyelia kena turun padang pulak ataupun turun ke kawasan pada waktu malam berjumpa dengan Ahli-ahli PWB. Jadi saya mohon lah sekurang-kurangnya boleh memberi kelonggaran sikit kerana penyelia PWB saya, dia terpaksa membawa anak dia tidur di pejabat saya pada waktu petang, tak ada orang nak jaga. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Satu lagi hanya berkenaan dengan laporan ialah saya difahamkan oleh pegawai PWB. Laporan-laporan yang telah disediakan perlu tandatangan daripada 4 pihak. Salah satunya daripada Yang Berhormat EXCO, satunya ADUN setempat lepas tu mukim penghulu pun perlu tandatangan, lepas tu bagi penyelia PWB satu-satunya laporan ataupun kertas kerja kena dapat tandatangan daripada pelbagai pihak lepas tu program tu yang diadakan perlu ada penyelia daripada mukim penghulu pulak yang ini, yang timbul lah banyak kita kata suara yang kecewa di kalangan wanita, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ini bukan sesi perbahasan ya. Silakan Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih pada Damansara, pada Balakong dan juga Teratai. Damansara Utama mempertikaikan tentang laporan. Laporan yang harus dibuat adalah yang terdapat dalam manual operasi. Ianya adalah dalam sistem pemantauan dan pengurusan PWB kerana sama juga seperti PTRS semua penyelia ataupun pegawai PTRS perlu membuat laporan jadi ini juga untuk PWB juga kita perlu juga laporan yang daripada penyelia untuk melihat mereka melaksanakan tugas. Seterusnya daripada Balakong..

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta mencelah

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama bagi EXCO jawab habis dulu.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya tapi dengan laporan itu, yang YB EXCO jawab, boleh tak? Bayangkan sekarang YB EXCO diminta untuk membuat laporan tentang apa yang YB EXCO buat hari-hari so ini apa yang terjadi dengan penyelia PWB kita so kenapa kita kena buat macam tu so saya tidak faham, saya tidak faham apakah munasabah yang ini termaktub dalam manual ke apa ke apakah sebab untuk berbuat demikian.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Tentang laporan itu, nanti mungkin saya akan *sit down* semula dengan para penyelia ya dan mungkin kita boleh keluarkan satu prosedur yang lebih mudah. Sebenarnya kita memang ingin memudahkan kepada para penyelia agar tidak terbeban dengan *paper work*, kertas-kertas kerja yang banyak. Sebenarnya mereka telah mula biasa dengan perkara tersebut. Pada awalnya dulu memang mereka sangat terbeban, mereka tidak tahu macam mana hendak melaksanakan tetapi sekarang setelah kita berikan cara bagaimana untuk membuat laporan-laporan tersebut mereka telah boleh menerima sebenarnya.

Jadi saya kira, saya kami pihak pengurusan akan berbincang semula dengan para penyelia dan kita akan memudah cara kan sekiranya perkara-perkara tersebut mendatangkan kesusahan kepada mereka.

Tentang yang disebut oleh Balakong, ia tentang waktu kerja, sebab saya hendak menyebut pada Meru, Meru kata hanya 4 jam sehari jadi kita sebutkan mereka bekerja mengikut waktu kerja di pejabat pusat khidmat tetapi sebenarnya kita memberikan mereka ruang iaitu waktu anjal bekerja kerana mereka ada banyak urusan-urusan yang perlu dilaksanakan untuk bertemu dengan wanita untuk membuat program-program wanita, mereka juga perlu mungkin untuk bermesyuarat perlu datang ke SUK jadi begitu lah.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Sebenarnya *statement* saya tu *trap*. Perangkap. Sebenarnya betul, saya setuju dengan Balakong saya punya pekerja PWB pun yang boleh dikatakan antara yang hebat. Minta maaf nak kata, dia pun kata seolah nak meletakkan jawatan. Memandangkan cucu dia dua orang datang, anak dia pun datang tidur dalam bilik aku, dalam bilik saya sendiri siapa lagi yang belum dijawab mungkin sekejap lagi akan dijawab dan tentang 30k tadi tu. RM30,000 yang sepatutnya diberikan kepada setiap DUN tapi kenapa 15k sahaja yang dibagi dan 15k lagi pegawai PWB pun complain kat kita seolah-olah diambil balik oleh pihak EXCO. Wallahualam.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Meru, jadi berkenaan dengan waktu bekerja kepada para penyelia kita memberi peluang saya harap ADUN-ADUN memberikan ruang kepada mereka agar mereka boleh bekerja secara waktu anjal. Tentang peruntukan...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Waktu anjal

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ni fasal waktu ke pasal peruntukan?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Nak minta penjelasan berkenaan dengan waktu anjal. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya tak pasti ini benar atau tidak tapi ini aduan daripada PWB saya. Mereka perlu isi *time sheet* untuk mendapat eluan jadi *time sheet* tu kalau mereka isi bekerja pada waktu pada hari minggu hari Sabtu, hari Ahad untuk program wanita ADUN mereka isi mereka serah ditolak. Maklum balas ialah PWB ini dia kena ikut undang-undang kita. *Time sheet* kena ikut kena diisi hari bekerja, Isnin sampai waktu Jumaat, hari-hari biasa tak boleh jadi oleh sebab itu, dia tak dapat *claim*. Saya tidak pasti ini telah diatasi ataupun tidak. Sekiranya tidak saya memohon sangat Yang Berhormat EXCO untuk melihat kembali peraturan-peraturan kecil ini yang selalunya menggagalkan wawasan dan juga cita-cita kerajaan untuk mewujudkan satu waktu kerja yang bersifat fleksibel untuk kaum wanita. Saya memohon, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya bagi satu lagi Paya Jaras, sebelum EXCO jawab.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Ya saya nak celah sikit saja, saya, pertama saya ingat saya ucapkan tahniah juga kepada YB kerana dengan senario bertubi-tubi ni nampak *steady* lagilah. Program yang cukup bagus yang tidak ada di negeri-negeri lain. Ini ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor. Yang saya agak hairan tu kenapa seolah-olah nada daripada ADUN ni seolah-olah PW ni orang asing dalam pejabat. Kenapa jadi begitu. Seolah-olah ini produk kita, dipilih oleh kita, dalam pejabat kita, tapi seolah-olah tidak ada keselesaan di kalangan ADUN. Saya fikir YB EXCO boleh jadi kita *review* balik secara fleksibel, mungkin biar ADUN yang pilih, daripada ambil seorang nenek ambil lah seorang

yang, Meru carilah yang, janganlah cari yang nenek yang bekerja, tu lah yang agak yang bercucu. Tapi walau bagaimanapun saya kira produk bagus, produk ini bagus, SOP kita perbetulkan dan saya ingin *compliment* sekali lagi kepada YB EXCO kerana program ini diteruskan dengan sedia ada.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya mohon supaya janganlah *down grade* sangat nenek ya...saya minta...mohon saya Paya Jaras

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya tarik balik ....saya tarik balik

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tarik balik kalau tidak saya gunakan peraturan tetap

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya tarik balik, minta maaf Batu Tiga saya tidak ada niat. Cuma saya tengok Meru bercakap tu nampak gelisah sangat dia ada cucu, ni saya pun bimbang....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pertahankan nenek. Saya bagi Sementa jawab dulu

**YB. PUAN HALIMATON SAADIAH BOHAN:** Tuan Speaker, nak jelas sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta Bukit Gasing...isu apa ni

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tak apa yang dikatakan Paya Jaras ini PWB ini bukan orang asing di pejabat dan kami tak membantah kalau perhatikan semua *feedback* yang saya perhatikan tak ada sesiapapun yang membantah program PWB ataupun nak mansuhkan dia ataupun nak potong gaji dia ataupun nak disiplinkan dia cuma nak tambah baik kebajikan pegawai ni. Daripada waktu bekerja, daripada yang saya bangkitkan gaji kita semua nak tambah baik keadaan bekerja pegawai PWB supaya apa yang dia terima adalah adil. *So there is no issue of dia sebagai orang asing di dalam pejabat or this program is not good or anything like that.*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi Sementa jawab dulu.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, saya ucapkan terima kasih di atas segala maklum balas daripada Kg. Tunku, terima kasih kepada Paya Jaras memberi *compliment* dan juga Meru serta Bukit Gasing dan *Insya-Allah* kita akan .....

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BORHAN:** Speaker, nak celah sikit...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Belum jawab lagi....dia jawab dulu

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Kita akan perbaiki dan ambil maklum semua perkara-perkara ini sebab ianya semuanya masih baru jadi ada *kick up* sana sini yang perlu mungkin kita mendapatkan maklum balas untuk kita perbaiki, untuk kita teruskan perjalanan PWB ini ....ya jadi *Insya-Allah* dengan pandangan-pandangan pada ahli-ahli YB kita akan perbaiki dari semasa ke semasa.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi ni *last* lah untuk PWB ni, Kota Damansara

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** So itu saja tentang PWB

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa, *last* soalan daripada Kota Damansara

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ha ok.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BORHAN :** Bukanlah soalan tapi saya nak menyokong tadi apa yang Batu Tiga cakap. Janganlah sebut fasal nenek tu, macam tak sedar yang ni semua pun dah datuk-datuk tau.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, silakan sambung Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Timbalan Speaker, seterusnya saya ingin mengambil, saya berterima kasih kepada Hulu Kelang yang membangkitkan tentang Program Bantuan Makanan Asas Untuk Rakyat Miskin yang diperuntukkan sejumlah RM3 juta untuk 5 ribu keluarga yang dikenal pasti. Kerajaan Negeri amat memahami beban yang terpaksa ditanggung oleh rakyat di Negeri Selangor dalam situasi yang perit ekonomi ketika ini. Maka program ini akan segera dilaksanakan pada awal tahun hadapan. Sungai Panjang pula bimbang tentang data penerima yang mungkin akan bertindih di beberapa skim ataupun dalam program MAS berkaitan bantuan. Ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai sistem pangkalan data yang dinamakan Data *I-Work Fare* yang mendaftarkan semua penerima manfaat program-program MAS dan bantuan Kerajaan Negeri bagi tujuan rekod dan semakan agar tiada pertindihan penerimaan bantuan daripada Kerajaan Negeri. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Andalas yang menyentuh tentang HIJRAH yang mana kurangnya penyertaan daripada kaum India dan kaum Cina. Pihak HIJRAH akan melipatgandakan program-program penerangan HIJRAH melalui pegawai-pegawai HIJRAH kepada masyarakat India dan kaum Cina. Dan ini akan bertambah baik jika Pegawai HIJRAH tersebut boleh bertutur dalam Bahasa India, Bahasa Tamil ataupun Bahasa Cina. Maka pihak HIJRAH akan menambahkan bilangan Pegawai HIJRAH daripada kaum India dan kaum Cina untuk melantik lebih ramai peserta HIJRAH daripada kedua-dua bangsa ini. Jadi saya kira itu yang diperkatakan daripada ahli-ahli YB. Jadi saya ucapkan terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Sementa, saya persilakan Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada atas pandangan-pandangan diberikan YB-YB yang telah sedikit sebanyak telah menyentuh tentang STANDCO jawatankuasa di bawah kemiskinan dan juga perlادangan dan juga hal ehwal selain Islam. Jawatankuasa mengambil maklum saranan khususnya daripada YB Hulu Klang di mana beliau telah menyarankan agar kita memberi pertimbangan supaya paras garis kemiskinan ditetapkan untuk kawasan luar bandar sebagai RM1500 dan di mana untuk kawasan bandar sebanyak RM3000. Memang saranan ini adalah sangat tepat pada masanya namun begitu Kerajaan Negeri telah pun melantik untuk mendapat kajian yang keseluruhannya holistik untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat secara amnya daripada 2 universiti telah dipilih, UNISEL dan juga UNITAR. Kita masih lagi menunggu kajian mereka supaya kita dapat merangka satu dasar yang lebih meliputi semua aspek-aspek yang penting dalam merangka semua program-program MAS supaya satu dasar yang khusus apakah paras garis kemiskinan yang sepatutnya ditetapkan. Dalam pada itu juga saya sebagai EXCO yang bertanggungjawab dalam menjaga paras garis membasmi kemiskinan saya percaya Selangor tidak ada lagi bandar dan luar bandar. Semua tempat hampir pembangunannya hampir sama. Inflasi dan juga akibat GST ini, semua rakyat menderita, dari hulu hingga ke bandar. So kita menunggu laporan mereka dulu. Dan juga saya ucapkan terima kasih kepada syor yang diberi oleh Tanjung Sepat khususnya kepada berhubung cadangan untuk menaikkan nilai *voucer* RM100 kepada 150 bagi pemberian bantuan secara *voucer* kepada rakyat miskin bersempena perayaan. Sebagai makluman jumlah perbelanjaan sehingga 30 Oktober 2015 bagi program bantuan secara *voucer* untuk rakyat miskin bersempena perayaan tahun 2015, Tahun Baru Cina, Tahun Baru...Hari Raya Aidilfitri dan Deepavalli yang melibatkan nilai RM100 per *voucer* adalah tinggi iaitu sebanyak RM6,347,500 juta. Oleh yang demikian cadangan untuk menaikkan nilai setiap *voucer* daripada 100 kepada 150 ni dijangka akan melibatkan implikasi kos yang lebih tinggi dan perlu diteliti semula. Selain itu jawatankuasa tetap kemiskinan juga berpandangan bahawa peruntukan yang perlu dikawal dan dipantau agar ianya dapat digunakan sebaik mungkin dan tidak berlebihan bagi mengurangkan aras kebergantungan rakyat Selangor terhadap bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Saya juga berterima kasih kepada Kuala Kubu Baru yang telah membangkitkan masalah pekerja ladang yang telah bersara. Walaupun setakat ini Kerajaan Negeri sebenarnya tiada kuasa dalam menentukan nasib pekerja di mana hak dan juga segala kuasa untuk menentukan hak-hak mereka sebenarnya terletak di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kerajaan Negeri bagaimanapun ambil maklum dan telah membuat banyak bantuan melalui perbincangan yang berterusan dengan majikan dan juga pemilik ladang dan mendapatkan, dapat menyediakan perumahan

kepada bekas-bekas pekerja ladang seperti di ladang Bukit Rajah, Ladang Semenyih, Ladang Bangi, Ladang Tumbuk dan Ladang Elmina baru-baru ini dengan cara apabila ada pembangunan di tapak tanah ladang tersebut melalui *estate land board*, kita menggunakan *estate land board* memberi satu syarat supaya memberi bantuan perumahan kepada bekas-bekas pekerja ladang. Namun begitu Kerajaan Negeri sepatutnya saya percaya kita perlu merangka satu dasar yang khusus untuk membantu bekas-bekas pekerja ladang ini dalam keadaan sebenarnya seperti keadaan seperti yang berlaku tadi seperti yang YB daripada Kuala Selangor, kawasan Kuala Selangor dan juga Hulu Selangor di mana ladang-ladang ini tidak dibangunkan di mana masih lagi dikekalkan sebagai ladang, namun ramai yang melepassi umur pekerjaan seperti 60 tahun dan mereka dipaksa keluar daripada ladang. Dan kita sebenarnya tiada dasar yang khusus membantu mereka dari segi penempatan semula. So saya percaya kita akan mengambil maklum daripada saranan daripada YB Kuala Kubu Baharu supaya kita akan membuat satu dasar ataupun satu pra syarat bagaimana kita boleh membantu bekas-bekas pekerja ladang ini. Itu satu perkara.

Isu yang ketiga seperti yang telah diungkitkan oleh YB Bukit Gasing dan juga YB daripada Hulu Kelang berkenaan tentang bantuan yang sepatutnya diberikan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam. Saya percaya walaupun YAB Dato' Menteri Besar kita daripada tahun 2013 ke 2014 dan ke 2015 telah menaikkan RM3 juta bantuan ni kepada RM6 juta syabas kepada beliau. Namun bantuan-bantuan ni perlu ditingkatkan dengan saranan daripada Bukit Gasing, memang dia ambil maklum. Saya percaya YAB Dato' Menteri Besar akan ambil maklum juga. Dan juga saranan yang paling penting daripada Hulu Kelang ialah penubuhan Hindu *Endowment Board* ataupun seumpama seperti satu Institusi untuk membuat bantuan kepada kaum bukan Islam seperti sama seumpama seperti JAIS. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada YB Hulu Kelang yang sentiasa prihatin tentang masalah yang diungkitkan oleh khususnya kaum India ya. Ini ....penubuhan Hindu *Endowment Board* adalah memang sangat dialu-alukan oleh kaum masyarakat daripada kaum India. Namun begitu kekangan undang-undang yang sedia ada, perlembagaan Negara kita yang...kekangan yang kita hadapi daripada atas nasihat penasihat undang-undang negeri kita masih lagi menunggu beberapa cadangan yang baru. YAB Menteri Besar telah pun beri nasihat kepada saya supaya memanggil satu mesyuarat yang khas, menyediakan kertas khas dalam bentuk MMKN supaya satu badan dapat ditubuhkan untuk membantu kaum India khususnya. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Menteri Besar juga dengan saranan beliau.

Dalam pada itu yang isu yang terakhir adalah Hulu Langat. *Again* Hulu Kelang terima kasih yang telah membangkitkan isu berkenaan dengan bantuan makanan asas yang pertama kali telah dibawa dalam Dewan Yang Mulia ini oleh YAB Menteri Besar berkenaan tentang RM3 juta diperuntukkan kepada 5 ribu orang, sebenarnya pada tahun, seingat saya, pada tahun 2013 cadangan saya melalui Kerajaan Prihatin

telah pun membeli kertas kerja tersebut supaya bantuan makanan asas diberikan kepada melalui STANDCO Kerajaan Prihatin kepada orang-orang yang miskin di Negeri Selangor. Namun pada tahun 2013 ia tidak diendahkan, pada 2014 tidak dipanjangkan lagi tetapi kita nampak ada pembaharuan 2016 program yang baru ini kita kurang pasti bagaimana mungkin akan ada cadangan-cadangan yang akan diberi nanti. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Hulu Kelang kalau dibahagikan 3 juta kepada 5,000 keluarga ia hanya 600 setahun kepada sekeluarga. Mungkin kecil namun ini adalah satu permulaan yang sangat baik, ini pertama sebab kita tidak boleh nampak hanya bantuan-bantuan yang kecil begini sahaja secara khusus untuk pembasmian kemiskinan. Sebenarnya Kerajaan Negeri mempunyai terlalu banyak program yang merakyatkan ekonomi Negeri Selangor dalam membantu orang yang kurang berpendapatan ini. Dengan itu saya percaya itu sahaja isu-isu yang disentuh di bawah jawatankuasa saya terima kasih saya ucapan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Kota Alam Shah. Silakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negeri yang membahaskan usul belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan menyokong usul yang dibentangkan tersebut. Terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negeri yang menyentuh beberapa perkara yang terutamanya yang berkaitan di bawah portfolio Hal Ehwal Agama Islam, pembangunan desa dan kampung tradisi dan adat Melayu yang di bawah STANDCO yang saya diamanahkan. Beberapa perkara yang disentuh antaranya adalah berkaitan elauan kenaikan guru KAFA yang saya kira ini sudah selesai dan saya telah jawab dalam soalan yang diajukan di dalam soalan mulut dan beberapa perbahasan. Yang kedua yang dibangkitkan oleh Sekinchan berkaitan dengan curi tanah di tanah atau kepunyaan rizab, kubur Jabatan Agama Islam Negeri Selangor yang saya kira sebenarnya JAIS telah memberikan kebenaran untuk tujuan pengeluaran atau pun memberikan permit mengeluarkan batu batan dan tanah merah di atas tanah kerajaan rizab tanah perkuburan pada tahun 2012 dan apa yang dimaklumkan oleh Sekinchan berlaku pada Julai 2015 yang ini saya tiada maklumat ini dan daripada JAIS pun tiada maklumat. Mungkin daripada Pejabat Tanah dan juga Pihak Berkuasa Tempatan dan MBSA ada maklumat ini saya kira mungkin Dato' Menteri Besar ada maklumat baru untuk diterangkan kemudian.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta mencelah sedikit. Dalam pihak PBT sudah adakan satu jawatankuasa dan siasatan masuk kawasan tersebut memang kecurian berlaku 20,000 lori harganya lebih kurang 6 hingga 7 juta dan berlaku Hari Raya Puasa. Dan soal permit dalam siasatan itu tidak ada dan kompaun pun tidak dikenakan, Cuma saya pertikaikan kompaun 250,000 secara maksimum kepada syarikat *Fairy Park* boleh dikurangkan hingga 60,000 lebih. Ini jenayah sebab curi tanah jadi ini perkuburan Islam kita tidak boleh berganjak kecuali dia ada permit

tetapi saya nampak dalam laporan yang saya terima tidak ada terima jadi tindakan keras mesti dikenakan kepada *Fairy Park*, terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih atas penjelasan itu, *insya-Allah* Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk kita kenakan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Perkara yang kedua yang saya kira ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat juga dapat mengutarakan berkaitan elaun Ketua Kampung yang saya kira tadi kalau kita dengan PWB, PPRS dan sebagainya saya kira mereka ini cukup bertuah walaupun kita mempunyai masa yang sama 24 jam sehari, 7 hari dalam masa seminggu yang saya juga tidak nafikan bahawa Ketua-ketua kampung kita juga tidak bekerja dalam masa yang sebegini atau mungkin kadangkala sahaja ketua kampung kita bekerja lebih daripada masa itu. Namun begitu saya kira dengan peningkatan RM100 yang saya kira agak rendah pada tahun ini. 800 hingga 900 saya kira boleh juga, saya kira sudah masanya untuk kita melihat semula ketua-ketua kampung ini elaun yang setimpal dengan kerja-kerja mereka. Sebenarnya saya, kita sudah ada kertas cadangan untuk menaikkan elaun ini cuma saya kira pada tahun ini dengan kekangan peruntukan belanjawan yang agak tinggi dan tidak diperuntukkan pada tahun hadapan. Saya kira ia sahaja menjadi salah satu, begitu juga perkara yang boleh dibincangkan di peringkat negeri sekurang-kurangnya pada tahun 2017 nanti atau pun dalam bajet 2016 nanti untuk tahun 2017 ini akan difikirkan dengan sebaik mungkin kerana ini sebenarnya permintaan yang saya kira menjadi rintihan oleh ketua-ketua kampung. Mereka sebahagiannya hanya bergantung pada pendapatan elaun ini untuk sara hidup mereka sebahagian dan kadang-kadang mereka ini terdedah juga dengan pelbagai perkara-perkara yang lain termasuklah kesihatan yang sebahagian besarnya mereka adalah sudah berusia dan caruman insurans juga adalah sebahagian daripada permintaan di kalangan mereka. Cuma setakat ini beberapa usaha di peringkat Kerajaan Negeri daripada

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Seri Andalas minta.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ok. Sebentar ya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Pihak insurans tidak menerima atau tidak bersedia untuk memberikan caruman insurans kepada mereka-mereka yang melebihi di usia 60 tahun.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya minta EXCO teliti juga bukan elau ketua kampung sahaja bila kita buat kajian saya harap bahawa EXCO dan akan buat kajian serata dengan untuk ketua kampung, ketua kampung baru dan ketua komuniti pada masa yang sama. Bukan sahaja kepada ketua kampung mereka ini semua melakukan kerja so kalau ada cara baru atau pun satu sistem baru saya minta untuk tiga-tiga konsesi ini diselaraskan dengan bayaran elau mereka.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sri Andalas, saya kira ini sudah telah kita teliti dan juga sudah berbincang dengan STANDCO yang EXCO yang menjaga portfolio kampung baru dan saya kira bagi pelaksanaan yang akan kita peruntukan nanti ia akan mengambil kira semua perkara seperti ini dan saya kira bagi pihak Kerajaan Negeri terutamanya Menteri Besar yang sangat bermurah hati boleh memperuntukkan bajet yang akan datang. Perkara yang seterusnya yang dibangkitkan oleh Sabak Bernam adalah berkaitan dengan Maahad Tahfiz Surau Bagan Terap yang mana pada masa ini Maahad Tahfiz Integrasi di Sabak Bernam adalah di antara 3 Maahad Tahfiz Integrasi yang telah dibangunkan di Negeri Selangor. Dan kita sedia maklum bahawa dengan menggunakan Institut ILDAS di Sabak Bernam dia memberikan kekangan yang cukup besar pada pelajar-pelajar kita terutamanya apabila Bagan Terap Maahad Tahfiz pada masa ini kita ada kerja-kerja baik pulih kita lakukan sekiranya tidak dapat disiapkan pada tahun hadapan kemungkinan besar kita tidak dapat pengambilan baru pada tahun hadapan. Tetapi daripada status yang terkini laporan daripada JKR bahawa hanya kelewatan 49 hari dan kita mendapat jaminan bahawa pada tahun hadapan Maahad Tahfiz ini berpindah daripada ILDAS kepada Bagan Terap dan *insya-Allah* pengambilan baru akan dapat dilakukan. *Insya-Allah* selepas keluar keputusan peperiksaan pelajar-pelajar Tahun 6 akan mulalah untuk kita membuat pengambilan bagi pelajar-pelajar untuk tahun 2016. Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Sabak Bernam adalah berkaitan dengan kedai PLB yang tidak terurus dan sebahagiannya terlalu usang dan tidak boleh digunakan seperti mana yang kita sedia maklum semua gerai-gerai, bengkel PLB yang pada dahulunya ia diuruskan oleh Pejabat Tanah dan Daerah di bawah pembangunan luar bandar telah diserahkan kepada PBT dan kita tahu di sebahagian daripada PBT-PBT juga tidak mampu untuk mengambil tanggungjawab ini sama ada baik pulih ataupun menguruskannya kerana sebahagian besarnya bukan peruntukan yang sangat tinggi apatah lagi usang dan sebahagiannya tidak boleh untuk diperbaiki malah perlu dibina semula. Saya kira dengan peruntukan yang ada pada tahun ini kita ada 4 juta peruntukan untuk kemudahan awam dan pada tahun hadapan seperti mana yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar 5 juta untuk peruntukan kemudahan awam saya kira tidak menjadi masalah untuk pembangunan luar bandar. Kita adalah satu atau dua pilot projek untuk kedai PLB ini dan kita melihat kesesuaian-kesesuaian untuk kita bangunkan di daerah-daerah yang tertentu atau pun di kawasan ahli dewan undangan negeri yang tertentu. Jadi *insya-Allah* saya kira ini bukan satu masalah yang besar dan kita boleh lakukan kepada tahun hadapan. Seterusnya berkaitan

dengan balai raya-balai raya yang juga rosak dan juga permintaan baik pulih dewan orang ramai ataupun pembinaan dewan orang ramai yang diutarakan oleh Seri Andalas terutamanya. Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada tahun ini sahaja dengan peruntukan 4 juta ini dan diperuntukkan untuk kemudahan awam kita telah membina, kita telah membaik pulih 76 balai raya ataupun kemudahan awam dan kita sudah bina satu balai raya di Kuala Selangor dan untuk dewan orang ramai memang kita tidak ada peruntukan untuk membina dewan orang ramai tetapi saya kira dengan peruntukan ini sedikit sebanyak kita dapat memberikan satu keselesaan kepada pengguna, kepada balai raya-balai raya kita ada. Kita merancang beberapa balai raya yang saya kira juga sudah usang untuk dibina semula.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Seri Andalas.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya telah bawa isu ini sebab saya tahu dan bahawa kita tidak cukup kewangan untuk bina dewan-dewan baru di dalam kawasan-kawasan perbandaran. Sebab itu saya minta perkara ini dibincang untuk "*smart part of partnership*" di antara swasta dengan "*private public partnership*" di mana ahli-ahli PBT ini di tempat masing-masing, Memang ada tanah di dalam kawasan-kawasan tertentu atau pun ada balai dewan yang lama yang uzur sekarang nampaknya tidak boleh digunakan untuk satu program juga. So saya minta kerajaan teliti dan kalau boleh benarkan PBT-PBT untuk adakan "*private public partnership*" ini untuk bina atau pun baik pulih dengan kerjasama. Mereka boleh dengan syarat-syarat tertentu yang akan dibawa oleh PBT-PBT untuk atasi masalah di dalam kawasan di mana tidak cukup tanah untuk bina ataupun baik pulih dewan-dewan yang ada sekarang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sri Andalas saya kira untuk pembinaan dewan orang ramai terutama di kawasan bandaran yang itu pihak berkuasa tempatan boleh mengambil inisiatif tersebut dan saya sangat setuju dan *insya-Allah* saya kira EXCO yang menjaga PBT akan memberikan respons kemudian nanti. Perkara yang seterusnya adalah berkaitan dengan Maahad Tahfiz.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker tentang balai raya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Ya, balai raya di kampung saya mencadang, saya nak bertanya kepada EXCO adakah Kerajaan Negeri mempunyai

inventori balai raya yang sudah ada dan juga keperluan di kampung. Balai raya yang sepatutnya ada tetapi belum wujud lagi dan keadaan balai raya yang sudah ada sekarang ini. Dan perancangan yang rapi bagi jangka panjang bagaimana menyelenggarakan balai raya ini. Dibajetkan tidak, ada balai raya tetapi ada atau tidak bajet untuk memastikan ia berfungsi dengan baik, terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Selat Klang, seperti mana yang saya maklumkan tadi bahawa sebahagian daripada balai raya-balai raya yang berada di peringkat daerah ini kita mempunyai data. Dan sebahagian besar balai-balai ini datanya ada di peringkat daerah yang mana kita memberikan kuasa kepada peringkat daerah untuk membuat assessment kemudian diutarakan kepada Kerajaan Negeri kepada bahagian agihan mengikut keutamaan-keutamaan nak baik pulih dengan peruntukan yang kita ada. Dan setakat ini seperti mana saya katakan tadi kita telah berjaya membaik pulih 76 kemudahan awam termasuk balai raya dengan peruntukan yang sedia ada.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sijangkang saya minta duduk sebentar. Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan jam 1.00 petang saya menangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER :** Assalamualaikum warahmatullah dan Selamat Petang. Dewan disambung semula. Saya mempersilakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya menyambung dengan isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Morib. Berkaitan dengan pembangunan Maahad Tahfiz Integrasi Istana Bandar yang mana sebenarnya projek pembangunan Maahad Tahfiz Integrasi Istana Bandar akan dimulakan pada Tahun 2015 di mana kita sedia maklum ada berlaku sedikit kelewatan di atas pembinaan semula projek di mana peringkat awalnya perancangan yang diputuskan adalah untuk menjadikan blok asrama sedia ada kepada blok akademik tetapi memikirkan implikasi kewangan maka ia akan dikenakan sebagai blok asrama tersebut. Yang mana pembangunan pada Tahun 2016 ini akan dilaksanakan dalam dua (2) fasa iaitu fasa satu (1) bangunan satu (1) untuk akademik, pembangunan pertama (1) blok asrama, satu (1) blok makan yang baru dan juga beberapa baik pulih asrama yang di sedia ada. Manakala fasa kedua (2) ialah pembangunan satu (1) buah surau, dewan serba guna beberapa kemudahan yang lain. Dan *insya-Allah* akan dimulakan pada Tahun 2016 yang saya sebutkan tadi. Kemudian isu seterusnya dibangkitkan Sungai Burong di mana beliau mempertikaikan agihan peruntukan taraf jalan yang membandingkan antara

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang Morib minta. Silakan Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk semua projek yang disebutkan tadi.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Secara tepatnya saya tidak ada jumlah pada hari ini. Pun begitu saya kira peruntukan yang saya dimaklumkan peruntukan yang akan diperuntukan apa tahun hadapan mencukupi untuk pembangunan yang dirancang tersebut. Seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Sungai Burong berkaitan dengan agihan peruntukan naik taraf jalan antara bandar dan luar bandar yang tidak setara. Namun begitu saya melihat bahawa dengan adanya peruntukan yang diperuntukan tahun ini sejumlah RM12 juta untuk pembangunan jalan di kawasan desa dan juga di kawasan tradisi saya kira walaupun mungkin tidak dapat menyelesaikan sebahagian besar daripada jalan-jalan tersebut tetapi saya kira dapat menyelesaikan banyak permasalahan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri dan oleh masyarakat pada masa yang lampau. Pun begitu sebenarnya antara tujuan kita adalah apabila berlaku penyelenggaraan jalan tersebut kita mengharap juga jalan-jalan itu juga antaranya boleh dinaiktaraf supaya akhirnya jalan-jalan ini, ini boleh didaftarkan di dalam daftaran MARRIS yang akhirnya *insya-Allah* apabila didaftarkan ada peruntukan pada tahun-tahun

berikutnya. Walaupun kita sedia maklum mungkin ada kelemahan di sana sini daripada segi justifikasi yang dimaksudkan oleh Sungai Burong nipis kelebaran jalan dan sebagainya. Tetapi peruntukan itu sebenarnya adalah untuk yang saya maksudkan tujuan yang saya sebutkan tadi. Jadi untuk maklumkan kepada semua Yang Berhormat pada tahun sehingga kini kita telah memperuntukkan daripada RM12 juta yang diperuntukkan itu RM11,470.075.78 telah diperuntukkan daripada permohonan-permohonan yang diminta oleh daerah yang dikemukakan daerah-daerah. Suka saya sebutkan di sini juga Daerah Petaling ada 7 Projek, Klang ada 8 Projek, Gombak ada 11 Projek, Kuala Selangor ada 18 Projek, Kuala Langat ada 17 Projek, Hulu Selangor ada 19 Projek, Hulu Langat ada 66 Projek, Sepang 10 dan Sabak Bernam ada 18. Perkara seterusnya adalah berkaitan dengan isu Rohingya yang dibangkitkan oleh Seri Serdang yang mana sedikit sebanyak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor terutama kita melihat sebenarnya sebahagian besar masyarakat pelarian Rohingya ini adalah masyarakat beragama Islam. Kita mengambil pendekatan bagaimana didikan Islam atau agama Islam itu juga sampai kepada mereka supaya sekurang-kurangnya daripada segi pembangunan itu mereka juga dapat dibangunkan dari segi pendidikan agama yang saya kira dengan adanya NGO-NGO Islam di bawah Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan juga di bawah Dakwah Majlis Islam di Negeri Selangor sedikit sebanyak kita dapat memberi impak supaya mereka ini daripada segi pembangunan kemanusiaan itu dapat dibangunkan. Perkara yang terakhir yang saya sebutkan dibangkitkan oleh Kota Anggerik ialah berkaitan Program Penghayatan Nilai-nilai Islam untuk kakitangan awam yang saya kira ini juga adalah satu perkara yang sangat penting. Dan insentif ini saya akan juga aturkan tahun hadapan terutamanya kepada penjawat-penjawat awam yang saya pada tahun ini juga yang kita dengar dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan ucapan Y.A.B. Menteri Besar berkaitan *taibatulrahmatulmakasi syariat* yang perlu saya sampaikan kepada penjawat-penjawat awam supaya akhirnya pentadbiran itu meletakkan ketulusan dan pertanggungjawaban dan *private* di dalam apa-apa juga keputusan di peringkat Kerajaan Negeri dan *implikasi* peringkat jabatan-jabatan dia akan membahukan hasil yang terbaik untuk rakyat ataupun masyarakat. Satu perkara yang saya ingin tekankan di sini adalah berkaitan dengan peruntukan-peruntukan *Insya-Allah* akan diluluskan pada sidang Belanjawan pada kali ini seperti mana juga pada tahun-tahun yang lalu cuma mungkin ada sedikit perbezaan daripada segi jumlah yang akan diluluskan nanti. Seperti mana yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar Selangor. Saya mengharapkan penglibatan Ahli-Ahli Dewan Negeri bersama-sama Ketua Kampung dan juga Penghulu, Penghulu Mukim dan Ketua Pegawai Daerah di setiap daerah-daerah sudah mula membincangkan, memikirkan kalau perkara-perkara berkaitan dengan penyelenggaraan jalan kampung dilihat jalan-jalan *private* di setiap kampung, di setiap daerah itu mana yang akan dikemukakan kepada bahagian agihan untuk peruntukan-peruntukan yang akan diluluskan dan akhirnya pelaksanaan akan dilakukan sebaik mungkin. Begitu juga kemudahan asas desa juga akan mula difikirkan supaya akhirnya yang akan kita lakukan itu akan mengikut *private-private* dan ini harus dilakukan pada awal lagi kita tidak mahu sehingga

peringkat pertengahan tahun kita hendak mula membuat kerja terutama jalan-jalan ini sudah tentulah kita juga akan melihat dengan keadaan cuaca yang ada di negara kita perkara ini harus dilakukan sebaik mungkin supaya akhirnya kita akan dapat hasil peruntukan yang diperuntukkan akan mendapat satu hasil yang optimum ataupun hasil yang baik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Sijangkang. Silakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu Portfolio Pendidikan, Modal Insan, Sains Teknologi dan Inovasi. Dengan tema membangunkan Selangor *Smart* Yang Peduli. Kita melihat Y.A.B Menteri Besar melaksanakan dasar yang ke hadapan bagi ke sambungan dengan pembangunan Selangor. Sudah semestinya dengan tema Belanjawan ini maka banyak berkaitan portfolio saya disentuh di dalam Belanjawan dan perbahasan yang diadakan. Y.B. Damansara Utama ada membangkitkan tentang kontrak yang pembekal perkhidmatan *Wifi* Selangor 2015 berikut penamatan kontrak bagi *Wifi* Selangorku Fasa Pertama (1) iaitu sebanyak 112 lokasi *hotspot* pihak pembekal dahulu telah mengambil kesemua peralatan dan Kerajaan Negeri melalui Bahagian Teknologi Maklumat dengan kerjasama pihak MBI telah melakukan proses penilaian bagi melantik pembekal perkhidmatan bagi Fasa kedua (2) sebanyak 2,500 lokasi sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Belanjawan Negeri Selangor Tahun 2016. Berdasarkan pencapaian projek *Wifi* SelangorKu Fasa Pertama (1) pihak Kerajaan Negeri telah melakukan beberapa penambahbaikan untuk memastikan pelaksanaan insentif *wifi* percuma ini hasrat Kerajaan Negeri memberi impak positif kepada rakyat. Beberapa kriteria telah diberikan penekanan semasa proses pemilihan pembekal iaitu syarikat pembekal mesti mempunyai pengalaman pemasangan *wifi* yang meluas. Kedua (2) syarikat pembekal harus ada prasarana jaringan jalur lebar atau *broadband* (dengan izin) dengan kapasiti yang tinggi di seluruh Negeri Selangor. Ketiga (3) syarikat pembekal mampu memberi membekal jalur lebar berkelajuan tinggi atau *high speed broadband* (dengan izin) melalui gantian *high speed* ataupun 4GLTE. Syarikat pembekal mampu menyediakan perkhidmatan selepas jualan yang efisien dan cepat dalam menangi masalah dan syarikat pembekal mampu melaksanakan pemasangan 2,500 *hotspot* menjelang Tahun 2015. Berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan Kerajaan Negeri telah meneliti cadangan daripada 12 pembekal iaitu ESIT Sdn. Bhd, CELCOM Sdn. Bhd, Red Tong Nasional Bhd, Telekom Sdn. Bhd ataupun TM, JIWANI sdn.bhd, Welcom Sdn. Bhd, Staff Solution Sdn. Bhd, Premium bawah NASA Group, Y-T-L Comunication Sdn. Bhd melalui KJS Jaringan Selangor Sdn. Bhd dan E.R.A Sdn. Bhd. Selepas penilaian dilakukan terhadap semua cadangan yang telah diterima daripada pembekal di atas Kerajaan Negeri telah melantik Syarikat Celcom Axiata Sdn. Bhd dan Syarikat Telekom Malaysia Sdn. Bhd. Kedua-kedua milik syarikat khazanah bagi pembekal *wifi* Selangorku kerana menepati kriteria utama yang

ditetapkan sebelum ini. Di samping itu Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan penjimatan kos lebih 100% sekiranya perbandingan dilakukan ke atas kontrak pembekalan perkhidmatan *Wifi* Selangor terdahulu yang dimeterai dengan Syarikat IS Tro Sdn. Bhd. Kesimpulannya penambahbaikan telah berjaya dilakukan dari segi teknikal dan kewangan melalui dari segi efisien dan teratur oleh pihak Kerajaan Negeri yang sekarang. Setakat 31 Oktober 2015 sebanyak 1,378 *hotspot* telah siap dipasang dan beroperasi di seluruh Negeri Selangor. Berdasarkan pemasangan jumlah keseluruhannya 1500 lokasi *wifi hotspot* juga dapat dipasang menjelang tahun ini. Berdasarkan penelitian terhadap cadangan daripada pembekal-pembekal yang lain hanya TM dan Celcom sahaja yang mempunyai keupayaan untuk memenuhi kriteria jadual pemasangan seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mohon mencelah

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Ya

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Saya mendengar banyak syarikat disenaraikan tadi tapi nama-nama yang biasa yang kita dengar seperti MAXIS, Digi untuk sistem LTE kenapa tidak dinyatakan tadi. Adakah penilaian terhadap harga dan perkhidmatan mereka dibuat. Dan juga *five by bes* selain daripada Unifi ada juga MAXIS, P1 dan ini merupakan infrastruktur yang sama cuma *on servis* mungkin mereka boleh memberi perkhidmatan atau harga yang lebih baik. *Compression*

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Setakat selepas penemuan dibuat oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk memasang 2500 *hotspot wifi* pada tahun ini maka kita telah menerima cadangan daripada syarikat-syarikat yang dinyatakan tersebut. Ada di antara mereka misalnya seperti YTL ataupun P1 dan sebagainya dan ia juga Redtone antara syarikat yang besar dalam bidang ini seperti MAXIS dan sebagainya. Sebagaimana dinyatakan sendiri oleh yang Y.B. Bukit Gasing mereka masih menggunakan lagi infrastruktur yang dimiliki oleh TM. Jadi sebab itu saya tidak pasti tetapi mungkin itu antara kiranya yang akhirnya dibuat di dalam syarikat-syarikat yang memberikan permohonan mereka yang saya nyatakan ialah cadangan-cadangan yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri. Semua rangkaian *hotspot* disenggarakan oleh pembekal yang dilantik iaitu TM dan Celcom untuk maklumat atau A.P ini bukan permit ya yang dibekalkan oleh Celcom untuk setiap *hotspot* adalah milik MBI dan boleh dipindahkan ke lokasi lain jika perlu. Sebarang aduan perkhidmatan *wifi* percuma ini boleh dibuat melalui panggilan telefon Talian *Hot Line wifi Smart Selangor 1800229434* ataupun *email help TM.com.my*. Tentang apa yang dibangkitkan oleh Y.B. Sekinchan beliau membangkitkan kes-kes seperti *Obinet* dan kes-kes Mahkamah yang lain yang mana Kerajaan Negeri yang kalah membayar pampasan yang besar sejak pentadbiran yang baru ambil alih Kerajaan Negeri Selangor semua perjanjian yang melibatkan Kerajaan Negeri mesti disemak dan diluluskan oleh Kamar Penasihat Undang-Undang sebelum dokumen perjanjian

ditandatangani oleh Y.A.B. Menteri Besar untuk jumlah kontrak melebihi RM5juta ataupun oleh Y.B. Dato' SUK untuk jumlah di bawah RM5juta. Ini bagi memastikan Kerajaan Negeri di pihak yang menang sekiranya berlaku sebarang pertikaian. Tentang apa yang dibangkitkan oleh Y.B. Bukit Gasing tentang memperbanyakkan perkhidmatan *online* untuk mengurangkan urusan di kaunter. Setakat ini terdapat lebih kurang 188 perkhidmatan *online* yang boleh digunakan oleh rakyat Negeri Selangor saya mungkin tidak membaca kesemuanya tetapi misalnya pengurusan pembayaran dan semakan status pembayaran tanah di PTG di Selangor penjualan dokumen tender, aduan Negeri Selangor, insentif perkahwinan dan pinjaman pelajar Negeri Selangor untuk Pejabat SUK, pembayaran cukai pintu, pengurusan kompaun dan aduan PBT di peringkat PBT dan beberapa lagi perkhidmatan yang lain. Yang Berhormat Sungai Panjang juga membangkitkan tentang....

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Ya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Sebelum ke isu seterusnya, memang saya cukup maklum terdapat banyak perkhidmatan yang sudah sedia ada *online* dan saya ucapkan terima kasih dan tahniah. Memang sesiapa yang menggunakan boleh menjimatkan masa yang banyak tetapi masih lagi banyak perkhidmatan yang perlu ke kaunter. Contohnya kalau nak sewa dewan untuk buat perkahwinan atau nak main badminton, kena pergi ke Majlis untuk buat tempahan, dia tak boleh buat *online*, walaupun dia satu perkara yang saya jangka sangat mudah untuk dilaksanakan. Kalau nak sewa padang bola sepak pun sama masalahnya, kena pergi ke Majlis, beratur dan kalau waktu *peak*, seperti hujung tahun bila ramai orang beratur untuk buat *renewal* untuk *license*, *queue* dia panjang jadi mereka yang nak tempah padang boleh tu kena tunggu satu dua jam. Boleh tak kita ada...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Tajuk lain ni Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Bukan. Sama. Yang saya cadangkan untuk supaya kita ada satu *road map* supaya semua perkhidmatan di kaunter boleh dibuat *online*. Jadi tak perlulah pergi ke mana-mana kaunter untuk di Kerajaan Negeri Selangor apa-apa transaksi pun kita boleh pergi membuat dia *online* jika kita pilih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya fikir itu satu cadangan yang baik dan kita akan mengadakan mesyuarat dengan jabatan-jabatan yang terlibat dan bagi perkhidmatan-perkhidmatan asas juga kita boleh lebarkan perkhidmatan atas talian ataupun *online* dan saya setuju ini sesuai dengan konsep SMART Selangor yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Yang Berhormat Sungai Panjang bertanya tentang bagaimakah kita telah memanfaat perkhidmatan *Wifi Smart Selangor* pada tahun

2015 sehingga hujung tahun 2015 Tenco Sains Teknologi Inovasi Negeri Selangor telah mengadakan berbagai program seperti berikut; antaranya *STEM Kick Start* ataupun *Science Technology Engineering Mathematics Kick Start Programme* yang diadakan antara Jun hingga September yang melibatkan lebih 100 orang pelajar. Program latihan kemahiran ICT bagi literasi komputer dan *face book*, latihan kemahiran ICT generasi Y, latihan kemahiran ICT untuk golongan yang berpendapatan rendah dan juga latihan kemahiran ICT bagi membina laman *blog*. Latihan-latihan seperti ini akan dilaksanakan dengan lebih banyak lagi pada tahun depan dan kita akan memberikan penekanan khusus kepada aspek STEM iaitu *Science, Technology, Engineering & Mathematics* kerana ini satu bidang yang penting bagi pembangunan modal insan sesebuah negeri.

Tentang aduan yang dibuat Yang Berhormat Sungai Burong bahawa kualiti kelajuan *Wifi SMART* Selangor tidak sama antara bandar dan luar bandar, ya ini kerana isu infrastruktur yang sedia ada. Buat masa ini infrastruktur TM di kawasan luar bandar menggunakan talian *copper* dan ini amat perlahan manakala di bandar sudah menjangkau 30mbps kerana menggunakan talian *fibre*. Jadi kita akan memperbanyak atau *upgrade* kepada *fibre* dalam jangka masa yang terdekat. Ini juga jawapan yang sama terhadap pertanyaan Yang Berhormat Kuala Kubu Baru untuk memperbanyak liputan *Wifi Smart* Selangor khususnya yang berkelajuan maksimum tersebut.

Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian, isu Sijil UEC telah juga telah mendapat perhatian yang meluas daripada Sekinchan, Kajang, Kinrara dan Pandamaran malah di luar pun PERKASA turut bersuara mengenai isu ini. Jadi saya nak menjelaskan beberapa perkara:- Ketua Pendidikan Malaysia pada tahun 2004 telah menjelaskan bahawa IPTS bebas untuk mengiktiraf UEC cuma IPTA dilarang berbuat demikian. Baru-baru ini pun ada satu IPTA peliknya hanya satu IPTA iaitu Universiti Malaysia Sarawak yang telah memulakan kuota untuk UEC. Mungkin sebab pilihan raya negeri Sarawak akan diadakan tidak lama lagi. Kita jauh dari pilihan raya pun kita sudah laksanakan dasar ini. Dan lebih pelik juga keputusan ini dibuat lebih awal oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan pihak yang sama yang mengkritik Kerajaan Negeri Selangor tidak bersuara apabila Kerajaan Negeri Sarawak memperkenalkan dasar ini dan juga dasar ini dilihat secara menyeluruh. Pada mesyuarat MMKN 21 Oktober 2015 yang kita luluskan adalah agar syarat-syarat kemasukan di IPT- IPT Kerajaan Negeri dipelbagaikan bukan hanya termasuk UEC, termasuk juga Sijil A Level dan ini kerana Sijil A Level ini sangat relevan ramai rakyat menjadi mangsa akibat masalah ekonomi. Mereka merancang untuk belajar di luar negara tetapi kenaikan mata wang asing maka mereka tidak dapat ke luar negara dan IPTA – IPTA di negara kita tidak mengiktiraf Sijil A Level. Justeru mereka harus memulakan STPM ataupun matrikulasi sekali lagi. Lebih menyedihkan lagi penaja-penaja seperti JPA dan MARA kini mengetatkan syarat penghantaran pelajar keluar negara termasuk bagi mereka yang sudah pun menduduki peperiksaan dan ini kadang-kala dibuat dan kita ada laporan ia dibuat tanpa satu makluman secara bertulis. Mereka dimaklumkan oleh

asrama agar keluar dari asrama tersebut. Jadi ini satu tindakan yang bagi saya tidak adil kepada mereka dan majoriti di kalangan pelajar-pelajar ini adalah golongan bumiputera. Jadi saya berharap ini juga mendapat perhatian daripada pihak yang sama dan Kerajaan Negeri juga telah menyediakan program-program bagi membolehkan pelajar-pelajar tahniz untuk menduduki SPM secara ekspres di UNISEL agar mereka dapat melanjutkan pengajian di peringkat formal yang lebih tinggi. Ini juga menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sabak. Jadi ini membuktikan komitmen mempelbagaikan syarat bagi kemasukan ke IPT Selangor adalah komitmen semua anak Selangor yang ada di negeri ini. Mengenai isu pengiktirafan Sijil UEC untuk melantik penjawat awam, ingin saya jelaskan bahawa pelantikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) seperti mana yang diperuntukkan dalam perkara 132 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian, kenaikan kadar kelayakan Tabung Sara Diri sebanyak RM2 juta daripada biasiswa, RM2 juta daripada pendapatan RM3 ribu kepada RM5 ribu serta penyediaan Biasiswa Selangorku RM10 juta bagi UNISEL dan KUIS amatlah bertepatan sebagaimana disebut Yang Berhormat Sekinchan dengan kenaikan kos sara hidup pada waktu ini. Komitmen Kerajaan Negeri untuk pembayaran balik suku *bytes* UNISEL berjumlah RM20.9 juta juga telah membolehkan pengekalan penilaian AA1 ataupun ‘Stabil’ oleh *Rating Agency Malaysia* bagi suku tersebut. Kita juga harus maklum bahawa situasi pada hari ini ialah situasi di mana kerajaan persekutuan sekali lagi memotong peruntukan untuk IPTA sebanyak RM1.4 bilion dipotong dalam bajet baru-baru ini dan bilangan tempat di IPTA dijangka berkurangan bagi tahun ketiga berturut-turut. Maka pelajar-pelajar tiada pilihan melainkan ke IPTS tetapi belanjawan IPTS pula dipotong antara 15% – 20%. Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingat berbalik respons daripada Yang Berhormat EXCO Pendidikan berkaitan dengan pengiktirafan Sijil UEC. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kerana keberanian dan keterbukaan tapi cuma dalam soal permintaan dari ADUN-ADUN bahawa Sijil UEC ini boleh diserap dalam perkhidmatan awal iaitu JPA, tapi jawapannya tadi ada kekangan dalam Perlembagaan. Apakah mekanisme yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengelakkan daripada dikekang oleh Perlembagaan ni atau apa cara yang boleh kita bantu selain daripada kekangan ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Kita akan mengkaji tentang soal kekangan ini dan adakah boleh atau tidak perkara ini diatasi. Tadi saya sentuh tentang tindakan memotong belanjawan untuk IPTA-IPTA yang ada dan yang paling malang ialah ini berlaku selepas Universiti Malaya mencatat kenaikan tersenarai di kalangan 150 universiti paling atas dunia, di bawah *ranking* QS dan pihak Pro Aspirasi mendapat kemenangan besar di

kampus. Jadi ini mungkin lah hadiah kerajaan Barisan Nasional kepada IPTA – IPTA yang ada di negara kita.

Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Kajang mengesyorkan agar kerjasama antara UNISEL dengan IPT lain dengan sektor swasta dipertingkatkan dalam industri perubatan, halal, teknologi tinggi seperti kejuruteraan dan juga aeroangkasa. Beliau juga meminta INPENS dinaik taraf sebagai institusi latihan yang berkualiti. UNISEL sememangnya bergiat aktif bekerjasama IPT dan sektor swasta dalam pelbagai bidang dan penyelidikan. Antara kerjasama yang dijalankan oleh UNISEL adalah dengan UPM, UKM, USM, UTM dan juga UiTM. Di peringkat antarabangsa pula, institusi yang terlibat dengan kerjasama bersama UNISEL adalah *Universiti of Manchester, Imperial College, London Massachuates Institute of Technology (MIT), University Cambridge, Institute Technology Bandung, Bagwan Mahaver Medical Research Centre, University Petra Jordan* dan juga beberapa lagi universiti antarabangsa terkenal yang lain. Bidang-bidang yang terlibat dalam kerjasama ini ialah bio teknologi, sains hayat, nano teknologi, halal, kejuruteraan dan juga bidang komunikasi. Dalam meningkatkan industri perubatan halal dan teknologi tinggi, beberapa program telah dijalankan oleh UNISEL iaitu UNISEL melalui Fakulti Bio Perubatan dan Sains Kesihatan mempunyai program sokongan di antaranya program kejururawatan, *physiotherapy*, teknologi makmal perubatan dan pengimejan perubatan yang menyumbang kepada perkembangan industri sains perubatan. Melalui Pusat Bio IT Selangor pula di bawah UNISEL satu kerjasama telah diadakan bersama beberapa universiti dalam dan luar negara berkaitan keselamatan makanan ataupun *food safety* dengan izin yang antara lain bertujuan untuk membangunkan industri halal dan melalui Fakulti Kejuruteraan, UNISEL telah menandatangani MOU dengan *Asia Pacific Flight Training (APFT)* pada 14 September 2015 yang bertujuan untuk melahirkan tenaga mahir dalam penyelenggaraan kapal terbang. Dengan kerjasama ini peluang pekerjaan kepada pelajar akan lebih terbuka untuk jawatan-jawatan khusus seperti *air craft maintenance engineering, technician* dan lain-lain lagi. Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji peluang pendedahan kepada mahasiswa UNISEL daripada kilang pembinaan *fan casing, Rolls Royce* yang diusahakan oleh UMW iaitu di Serendah. Di samping itu UNISEL juga bekerjasama dengan *Tech Auto* dalam membangunkan industri automotif. Melalui kerjasama ini satu pusat servis kenderaan akan dibuka di kampus Bestari Jaya dan seterusnya membuka peluang kepada pelajar untuk menjalani latihan praktikal kejuruteraan automotif di bengkel ini. Berkaitan dengan usaha menaikkan taraf Kolej Antarabangsa Industri Pendidikan Selangor ataupun INPENS sebagai institusi kemahiran yang berkualiti peningkatan terhadap program-program sedia ada sedang dilaksanakan bagi bidang kejuruteraan motosikal, kejuruteraan penyaman udara dan juga pembuatan pakaian lelaki. Melalui Belanjawan 2016 INPENS telah diperuntukkan RM1 juta bagi tujuan pembangunan pendidikan dan program peningkatan pendidikan tahun tersebut. Dengan peruntukan ini beberapa program baru akan diwujudkan iaitu; Kursus Pentadbiran Sistem

Komputer, Kursus Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik Voltan Rendah, dan juga Kursus Operasi Khidmat Tetamu dengan peruntukan berjumlah RM 226,500.00.

Yang Berhormat Sabak juga mencadangkan agar Sabak Bernam dijadikan pusat pendidikan dan diwujudkan cawangan KUIS di Sabak. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat Sabak. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diteliti dari aspek keperluan, logistik, kewangan dan sumber manusia. Pada masa kini pihak KUIS tiada cadangan untuk membina kampus cawangan di Sabak Bernam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kampung Tunku juga ingin mendapatkan status berkenaan peruntukan RM5 juta bagi biasiswa pasca siswazah. Untuk makluman pelaksanaan biasiswa untuk pasca siswazah ini masih dalam proses untuk mendapat kelulusan butir-butir dasar kerana ia melibatkan penghantaran pelajar keluar negara. Jadi kita melihat piawaian daripada JPA dan pihak MARA dan juga pihak Kementerian Pendidikan Tinggi untuk pelaksanaan program ini. Program ini akan dilaksanakan sebagai program khas *Selangor Brain Bank* di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Kampung Tunku dan Bukit Gasing juga turut memohon agar bantuan sekolah dipertingkatkan dan dilebarkan ke sekolah-sekolah yang lain yang belum menerima bantuan sekolah negeri Selangor. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan ini dan ia sememangnya dalam pemerhatian pihak kerajaan. Jawatankuasa Tetap Pendidikan akan mengkaji perkara ini dan berbincang di peringkat MMKN dalam masa yang terdekat. Buat masa ini Kerajaan Negeri telah mengenal pasti jumlah sekolah-sekolah ini yang terdiri daripada 3 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), 24 buah Sekolah Mubaligh, 300 buah Sekolah Kebangsaan dan 189 buah Sekolah Menengah Kebangsaan dan Yang Berhormat Selat Klang ada mencadangkan bantuan sebanyak RM4 juta disalurkan untuk Sekolah Agama Persendirian Integrasi, Kerajaan Negeri akan meneliti cadangan ini berdasarkan keperluan semasa. Namun buat masa ini Kerajaan Negeri akan melaksanakan agihan bantuan kepada Sekolah Menengah Agama tersebut berdasarkan dasar-dasar sedia ada.

Yang Berhormat Kota Damansara mencadangkan agar latihan *soft skills* kepada pelajar-pelajar dimulakan di peringkat Sekolah dan IPT. Kerajaan Negeri menerima dengan baik cadangan Yang Berhormat Kota Damansara dan untuk makluman program *soft skills* pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri yang dikenali sebagai Jambori Amal Islami pada tahun 2012 dan 2013 yang melibatkan pelajar dari sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negeri Selangor. Cuma saya nak minta Yang Berhormat Kota Damansara dan teman-temannya di sana menyampaikan salam kami kepada teman-teman mereka Menteri Pendidikan dan Menteri Pengajian Tinggi agar diskriminasi terhadap Kerajaan Negeri dihentikan. Buat masa ini sekolah-sekolah dan IPTA-IPTA dihalang menjemput bukan sahaja Wakil Rakyat malah Menteri Besar sahaja. Namun ada PIBG-PIBG tertentu termasuk di Parlimen subang sendiri dibenarkan menjemput tokoh-tokoh tertentu atas kapasiti Ketua

UMNO, Wakil Rakyat tak dibenar tapi Ketua Bahagian UMNO boleh masuk. Ahli-ahli Dewan ....

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Boleh celah?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai minta.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ya.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, saya ingin nak bertanya Yang Berhormat bahawa adakah Ketua-ketua Bahagian UMNO adalah Tokoh-tokoh yang mana patut masuk Sekolah daripada Wakil Rakyat?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Saya tidak ada masalah dengan Ketua Bahagian UMNO, cuma masalahnya ialah apabila Menteri Besar Negeri ini sendiri tidak dibenarkan masuk ke Sekolah, Wakil-wakil Rakyat sendiri tidak dibenarkan ke Sekolah tetapi Ketua Bahagian UMNO sebab atas kad jemputan program PIBG dia tulis Ketua Bahagian UMNO. Ia jadi bila dalam keadaan itu saya rasa tidak wajarlah kalau nak buat jemput semua, semua boleh masuk dan kita benarkan program.....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara minta celah. Ya sila.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Celar sedikit, saya tak pastilah Ketua Bahagian UMNO dijemput itu atas kapasiti dia Ketua Bahagian UMNO atau pun atas kapasiti mungkin ada jawatan lain. Dia tak tahulah mungkin ada kesilapan lain. Dah silap tersilap surat dihantar kepada Jala.... ADUN Kota Damansara. Itu kesilapan-kesilapan ini mungkin berlaku, saya nak tengok surat itu kesilapan itu dilakukan atas jemputan itu sebab kalau tak silap saya kalau ia mengikut kepada pihak Persekutuan pun kepimpinan UMNO pun kita tak buat masuk, dia mesti ada jawatan lain atas NGO, ah... itu penjelasan saya.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Yang saya terima ini dua, dua satu daripada Sekolah di bahagian Parlimen Subang dan satu lagi di Sekolah Bukit Jelutong, Shah Alam Kota Anggerik, jadi itu dua Sekolah yang direkod di atas surat jemputan itu keluar nama Ketua Bahagian UMNO jadi tak apalah mungkin lepas ini boleh jemput Menteri Besar ke Sekolah tersebut. Ahli-ahli Dewan sekalian sekian sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan Portfolio saya dalam Perbahasan Belanjawan ini. Saya selaku Penggerusi, Jawatankuasa Pendidikan Pembangunan Modal Insan Sains Teknologi dan Inovasi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan tersebut, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN PEAKER:** Terima kasih Seri Setia, silakan Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker saya nak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang membangkitkan isu Pihak Kuasa Tempatan. Saya ingin mula dengan menjawab soalan, isu yang dibangkitkan oleh ADUN Balakong tentang cara untuk mewajibkan pemasang CCTV di setiap Pusat Kanak-kanak di Selangor. Jabatan Kebajikan Masyarakat JKM telah mengeluarkan Pekeliling Bil. 1/2015 pada bulan Jun tahun ini kepada pengusaha-pengusaha Taska yang mengasuh kanak-kanak di bawah umur 4 tahun yang akan berdaftar dan berdaftar untuk memasang CCTV sebagai syarat tambahan selain mendapat kelulusan daripada PBT, Jabatan Kesihatan serta Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia. Walau bagaimana pun syarat tambahan tersebut akan berkuat kuasa sepenuhnya apabila satu garis panduan pemasangan CCTV di setiap pusat TASKA dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia memandangkan JKM sedang meneliti garis panduan tersebut yang merangkumi spesifikasi CCTV dan lokasi yang bersesuaian untuk dipasang. Dan juga Yang Berhormat Balakong juga membangkitkan isu tentang kawasan industri isu-isu yang berlaku di kawasan Industri Taman Selesa Jaya. Pihak MPKj telah melantik kontraktor baru, ia bermula bulan Ogos tahun 2015. Lantikan baru ini bertujuan untuk memastikan kawasan persekitaran dalam keadaan yang baik di mana kontraktor yang dilantik perlu menjalankan kerja-kerja pembersihan secara berkala mengikut spesifikasi kerja yang baru dan juga ditetapkan. Dan memandangkan kawasan tersebut adalah kawasan industri lama maka pihak MPKj telah memberi tempoh 3 bulan kepada Kontraktor ini untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pihak MPKj akan memantau perkara ini dari masa ke semasa dan saya juga menyeru kepada ADUN Balakong, YB Balakong supaya kalau ada apa masalah aduan terus boleh sampai ke MPKj.

Tentang isu penjaja warga asing di kawasan tersebut, saya akan memberi arahan kepada MPKj supaya tindakan kuatkuasaan boleh dilakukan dengan segera. Saya juga ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kampung Tuanku mengenai elauan Ahli Majlis. Elauan Tetap Ahli Majlis PBT pada ketika ini adalah berdasarkan kepada MMKN Bil. 5/2011 yang berkuat kuasa pada 1hb Februari tahun 2011. Elauan tetap telah ditetapkan seperti berikut:-

PBT bertaraf Majlis Daerah adalah RM500

PBT bertaraf Majlis Perbandaran adalah RM750 dan juga sama dengan Majlis Bandar raya RM750

Walau bagaimanapun Kebajikan Ahli Majlis PBT sentiasa diberi perhatian dan elauan-elauan lain di sediakan untuk Ahli Majlis adalah seperti berikut:-

Elaun Kehadiran Mesyuarat

Elaun Mesyuarat Lawatan Tapak

Operasi selain Mesyuarat Jawatankuasa

Bil Telefon  
Kemudahan Perubatan Kesihatan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Balakong, Balakong minta dulu. Sila Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Tadi Yang Berhormat EXCO kata Elaun untuk Ahli Majlis bertaraf Bandar raya dan Perbandaran adalah RM750. Saya rasa kemungkinan ada kesilapan dengan angka yang diberi sebab apa saya boleh ingat pada tahun 2012 dah dinaikkan ke RM1,500 dan walau bagaimanapun adakah pihak Kerajaan Negeri bersedia atau pun merancang untuk menaikkan elaun mereka kerana memandangkan ekonomi yang semakin meleset di bawah Pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional, *thank you.*

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya terima cadangan daripada Balakong ini dengan secara buka hati akan bincang balik dan juga akan bincang balik dengan UPEN supaya isu ini dapat kita putuskan di dalam MMKN nanti..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta sedikit penjelasan, soal elaun Ahli Majlis ini boleh kah pihak Kerajaan tetapkan satu *ceiling* kemampuan PBT, kalau PBT itu Bandar raya mampu bagi sampai RM2,500 dan sebagainya supaya mereka boleh bekerja dengan keras kerana komitmen juga besar. Minta EXCO kena pertimbangkan betul-betul.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada YB Sekinchan yang begitu prihatin tentang isu yang Kebajikan Ahli Majlis dan saya setuju bahawa perlu mengkaji semula tentang elaun kepada Ahli Majlis.

Saya juga menjawab seterusnya Sekinchan yang membangkitkan isu tentang pengecualian cukai taksiran untuk kampung. Bagi kategori kampung untuk tahun depan tahun 2016 yang telah diumumkan dalam Belanjawan Negeri untuk maklumat Yang Berhormat semua kampung itu termasuk Kampung Tradisi, Kampung Bagan Tersusun akan dikecualikan untuk bayaran cukai taksiran bagi tahun 2016. Kampung Baru sama Kampung Bagan dan juga Kampung Tradisi.

Dan saya juga ingin jawab isu yang dibangkitkan oleh Semenyih tentang pengurangan lesen hiburan yang lesen hiburan. Lesen hiburan ini telah dibekukan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2008. Walau bagaimana Kerajaan Negeri membenarkan Pusat Hiburan berkonsep berkeluarga dijalankan. Sehubungan dengan itu MMKN ke-39/2014 pada 8hb Oktober 2014 mengarahkan agar semua menjalankan operasi banteras operasi pusat yang berselindung di sebalik di Pusat Hiburan Keluarga dan tindakan tegas menutup premis yang didapati salah, sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Seri Kembangan, saya persilakan Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Tuan Timbalan Speaker saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dengkil, Permatang, Batang Kali, Morib, Dusun Tua, Kinrara, Sekinchan, Semenyih dan Balakong yang telah pun menyentuh beberapa perkara di bawah Portfolio saya. Tuan Timbalan Speaker, pelan induk pengangkutan awam Negeri Selangor merupakan dokumen asas ke arah perancangan pengangkutan awam yang mencukupi ke boleh sampai ketetapan masa *user friendly* atau mesra pelanggan selamat strategi dan komprehensif. Kerajaan amat peka terhadap masalah utama pengangkutan awam di negeri Selangor seperti berikut:-

- 1) Penggunaan kenderaan persendirian yang tinggi.
- 2) Kawasan liputan bas henti-henti yang rendah
- 3) Tahap penyediaan kemudahan sokongan sistem pengangkutan awam yang mesra pengguna tidak menyeluruh
- 4) Kawasan liputan perkhidmatan *rail* terhad dan berada di lokasi yang tidak memenuhi kehendak dan perancangan negeri dan
- 5) Kekurangan perancangan sokongan tentang *rail*.

Kerajaan sentiasa komited untuk menyediakan rancangan infrastruktur yang terbaik yang telah dijanjikan Kerajaan telah melantik perunding yang berkelayakan bagi menyediakan kajian ini yang dijadualkan mengambil masa selama 6 bulan bermula dari bulan Ogos 2015 dan berakhir pada bulan Februari 2016. Walau bagaimana pun pihak Perunding telah pun menyampaikan Laporan Interim yang saya bawa untuk tunjukkan pada pihak Pembangkang khususnya ini kerja-kerja yang telah pun di siapkan oleh pihak Perunding dan ini merupakan Laporan Interim sahaja dan dijangkakan walaupun masa yang diberikan adalah sehingga bulan Februari 2016 tapi jangkakan pada akhir tahun ini Laporan akhir akan siap dibentangkan pada Kerajaan Negeri. Dan Objektif utama ini adalah seperti berikut:-

- 1) Satu kajian akan digunakan sebagai dokumen yang komprehensif dan lengkap untuk dijadikan panduan dan hujahan ke atas pendirian Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian iaitu 60:40 berbanding dengan nisbah yang ditetapkan oleh SPAD iaitu 40:60 dan
- 2) Memberikan lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat merangka sistem pengangkutan awam yang menepati semasa dan kehendak rakyat negeri Selangor.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan pelaburan dalam pembangunan infrastruktur pengangkutan awam dan menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama. Sehubungan itu, penyediaan pelan ini akan memandu Kerajaan mencapai hasrat tersebut selaras

dengan pembangunan ekonomi peduli rakyat negeri Selangor. Apabila disiapkan kelak Kerajaan ini akan dapat ditentukan hala tuju pengangkutan awam Negeri Selangor seperti berikut:-

- 1) Satu mencapai sasaran nisbah pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian iaitu 60, 40.
- 2) Menghasilkan pelan induk pengangkutan awam yang komprehensif meliputi pelan jaringan lebuh raya dan pengangkutan awam semasa dan masa hadapan untuk rujukan Kerajaan Negeri Selangor, Persekutuan dan Agensi terlibat dan pihak kuasa tempatan bagi memastikan penyelarasaran pengurusan dan pelaksanaan yang lancar atau di setiap peringkat.
- 3) Mencadangkan strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang serta agensi bertanggungjawab terutama bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam meliputi perkhidmatan LRT, MRT, BRT *feeder bus* dengan izin Perkhidmatan Bas dan Teksi.
- 4) Mencadangkan dan mengintegrasikan jalan raya dan lebuh raya yang sedia ada dengan pengangkutan awam sedia ada dan akan datang.
- 5) Mencadangkan dan menggalakkan penggunaan kemudahan sokongan bagi lorong pejalan kaki, lorong berbasikal dan program *car free* di dalam kawasan bandar.
- 6) Mencapai keseimbangan antara pembinaan Lebuh raya dan penyediaan sistem pengangkutan awam melalui kajian yang telus dan terperinci.
- 7) Menganalisis konsep *Transit Oriented Development* izin TOD bagi membolehkan pembangunan perumahan dan komersial di Lembah Klang, di Integrasi dengan penyediaan Infrastruktur pengangkutan awam.

Laporan Interim Kajian ini telah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor pada 22 Oktober 2015. Antara penemuan awal kajian ini adalah seperti berikut:-

- 1) Perkhidmatan *rail* dilihat sebagai alternatif utama pengangkutan awam negeri Selangor berdasarkan faktor persediaan laluan *rail* tersebut melalui laluan lembah Klang dan beberapa laluan baru yang telah dipersetujui dibina di negeri Selangor.
- 2) Pengangkutan *rail* sedia ada ini dioptimumkan dengan cadangan jajaran baru *rail* bagi hubung *missing link*, *missing line* di lokasi yang keperluan dan permintaan yang tinggi terhadap pengangkutan awam.

- 3) 12 cadangan jajaran dan baru perkhidmatan *rail* telah pun dicadangkan.
- 4) Koridor Bas Rapid Transit BRT akan dicadangkan di sekitar jajaran LRT mengikut analisis kajian permintaan.
- 5) Pengujudan koridor bas pengantara atau *feeders bus* dengan izin merupakan satu sistem sokongan yang fleksibel dan ia akan reka bentuk berdasarkan keputusan laluan trak atau koridor BRT yang telah dibuat. Sistem ini akan dikaji dalam draf laporan akhir.
- 6) Penyediaan laluan-laluan BRT dan bas pengantara akan turut mengambil kira laluan bus komoditi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan
- 7) Berdasar ke kajian awal dilaksanakan berkaitan lebuh raya bertol menunjukkan sebahagian daripada cadangan tersebut boleh memainkan pelbagai peranan untuk penambah baik sistem pengangkutan persendirian dan juga pengangkutan awam.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Boleh meminta penjelasan?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang sila.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Yang Berhormat Sungai Pinang. Bagi pihak saya memang kita alu-alukan. Memang menunggu laporan kajian yang dicadangkan akan memberi penambahan baik kepada sistem pengangkutan di dalam negeri Selangor. Apa yang saya nak utarakan ialah untuk mencapai sasaran 60, 40 yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri 60 pengangkutan awam, 40 pengangkutan sendiri ini memang satu sasaran yang saya pun bersetuju tapi secara realistiknya macam mana kita nak mencapai ini? Selain daripada yang pertama tentulah nak pengangkutan efisien yang sedang dalam proses LRT dan sebagainya, satu-satu perkara infrastruktur yang ada. Yang kedua mesti sikap yang ini saya mungkin nak minta apa pandangan Kerajaan Negeri untuk mengubah satu sikap yang menjadi kira rakyat Malaysialah secara umumnya, seluruh negara kita baru nak privasi, menjadi alasan tol naik orang pun tak nak sebab Kementerian ada buat satu program atau kempen untuk *pool* kereta sama pergi. Itu pun tak mencapai sasaran kerana tak berminat untuk berkongsi sebab rakyat Malaysia ini yang saya lihat sikapnya ada privasi bawa kereta sendiri, kadang-kadang nak bawa bakul, nak bawa macam-macam dalam kereta menyebabkan kalau pengangkutan awam itu baik sekali sikap itu menyebabkan nak mencapai 60:40 mungkin ada satu masalah. Bagaimana Kerajaan nak membantu dari segi nak *educate public* dan sebagainya tetapi apa lagi cara yang lebih berkesan supaya nak pastikan 60:40 kita boleh mencapai. Kalau 50:

50 sejajar dengan pengangkutan yang dapat ditambahkan efisiensi dari segi pengangkutan awam.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya setuju dengan Y.B. Permatang, memandangkan apa sekali pun yang dipromosikan oleh Kerajaan Persekutuan itu sahaja memang tak jadi dan selama ini ada sesetengah pengalaman yang mencukupi. Kalau Kerajaan Persekutuan sahaja yang buat dia tak tahu cara nak buat, jadi dia kena belajar dari Selangor mungkin umpamanya bas perkhidmatan Bas Selangorku yang sudah kita menjenamakan semula sebagai bas *Smart Selangor* ini, kita melihat 4 bulan yang lalu meningkat, bererti kita ada caranya dan saya akan bacakan angka-angka perangkaan tersebut apabila saya sampai, caranya

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ekonomi sedikit, mungkin bas *Smart Selangor* itu melibatkan mereka-mereka yang tiada kenderaan, boleh meningkatkan penggunaan tapi itu kita ini ialah orang yang ada kenderaan tak mahu menaiki bas *public transport* yang saya nak maksudkan itu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itulah mungkin Y.B. tidak mendengar apa yang saya ceritakan tadi. Dia caranya ada beberapa peringkat-peringkat. Yang pertama kita nak menggalakkan orang supaya mengubah tabiatnya atau *habit*. Itu peringkat yang paling sukar tapi apa yang kita patut mulakan adalah penyediaan perkhidmatan seperti yang kita sediakan perkhidmatan percuma ini. Ada penyediaan perkhidmatan percuma, ada promosi apabila dia bersiap itu kita masuk ke peringkat ubah tabiatnya dan itu saya mengakui itu yang paling sukar tetapi kita sudah lihat kalau kita melihat pada apa ini maklum balas orang ramai dah sememangnya ada persediaan untuk menukar cara hidupnya. Tapi dengan syarat kita di pihak Kerajaan kita buat persediaan tersebut memberi persediaan yang mencukupi sebelum mereka dapat mengubah selesanya. Sudah tentu keselesaan tahapnya lain kita memandu kereta sendiri sudah tentu dari segi keselesaan kurang berbanding dengan pengangkutan awam. Tapi sekiranya kita menggunakan pengangkutan awam seperti bas Selangor, bas *Smart Selangor* ini kita sediakan bas yang baru yang kondusif yang ber *aircond* ada wifi kemudian kita pastikan *frequency*, atau ketetapan setiap 15 minit ada bas. Kalau kita terlepas satu, 15 minit itu akan datang pasti ada bas itu akan membina keyakinan rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam dan ini apabila bas disambungkan kepada *rail* seperti MRT, LRT dan sebagainya maka dari segi apa itu jadual, penjadualan kita buat semula, kita aturkan mungkin dalam proses walaupun ada kerapan bas *Smart Selangor* ini 15 minit tapi apabila sampai KTM, KTM hanya setengah jam sekali. Jadi ada, ada kita nampak kurang di situ dan itu perlu kerjasama daripada semua pihak untuk memastikan yang penyambung ini dengan baik. Itu dalam proses ini adalah satu proses yang baru sebenarnya untuk Kerajaan Persekutuan dan untuk Kerajaan Negeri juga semalam Y.B. Dengkil ada menyebutkan *smart partnership* sebenarnya telah lewat untuk bangkitkan *smart partnership* kerana segala yang kita buat ini kita bekerjasama rapat cukup, rapat perhubungan dengan Kerajaan Negeri dan Agensi-agensi Persekutuan seperti SPAD

cukup akrab, kita buat STANDCO Mesyuarat STANDCO kita bawa bersama, kita tanya pendapat mereka, kita minta pandangan mereka ikut nasihat kita, cukup akrab jangan risau. *Smart partnership* dah memang kita lakukan lamanya dan pendekatannya dalam kajian untuk menyediakan pelan induk pengangkutan ini dia melibatkan kajian peringkat pertama melihat semua apa ini rancangan tempatan *structure* pelan dan sebagainya ke peringkat mengumpul semua dari semua pihak dan kemudian dia siap *Interim Report* ini. Selepas itu akan diadakan bengkel, bengkel akan melibatkan 4 bengkel yang di mana peringkat pertama adalah mengadakan merunding dan perbincangan dan pemaju yang utama yang besar. Keduanya akan berbincang dengan pihak berkuasa negeri dan tempatan khususnya pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi tempatan. Dia terlibat Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Petaling Jaya, Shah Alam, Sepang, Klang, Kajang, Selayang dan sebagainya akan diadakan. Termasuk juga peringkat ini semua Wakil Rakyat termasuk Ahli Parlimen dan Ahli Negeri juga akan dijemput untuk bersama-sama dalam bengkel kerja ini untuk mendapatkan maklum balas daripada semua Wakil Rakyat kemudiannya adalah bengkel kerja ketiga dengan perbincangan dengan pihak atau pun agensi Kerajaan bukan negeri seperti JKR, SPAD, MRT Corp, Prasarana dan sebagainya. Peringkat keempat Bengkel perbincangan Kuala Lumpur termasuk Jabatan Perancangan, Jabatan Info Struktur dan juga pengangkutan awam dan itulah pengangkutan yang diambil oleh Perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Timbalan Speaker, dalam hal penyediaan perkhidmatan bas ia merupakan antara tanggungjawab yang termaktub di dalam bawah bidang kuasa dan ini harus di fahami khususnya oleh Batang Kali, semua tanggungjawab pada Kerajaan Negeri disebabkan kegagalan Persekutuan terpaksa mengambil memikul tanggungjawab ini.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Nak mencelah.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Yang Berhormat EXCO kalau ikut betul-betul kenyataan saya itu saya rasa Yang Berhormat EXCO tersalah tafsir. Maksud saya di sana mesti ada satu inisiatif. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri terhadap pengangkutan luar bandar kerana kita memanggil suatu insentif bukan di dalam Bandar jadi kami di luar bandar macam mana? Itu soalannya bukan kerjasama atau pun pelan induk, *design* induk bukan itu yang kita soalkan. Kalau orang lain yang dibagi kenapa kami tidak ada limpahan dari apa yang di peruntukan, itu yang saya maksudkan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Memang kita ada inisiatif Batang Kali pun nampak inisiatif-inisiatif Kerajaan tetapi apabila bangkitkan dengan tujuan untuk penambah baik harus difahami 3 konteksnya. Yang pertama kita kena faham

bahawa tugas ini atau pun tanggungjawab ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan mengikut jadual 9. Sebenarnya kita tidak ada kuasa langsung tetapi kita ambil inisiatif ini patut dipuji dahulu sebab negeri mengambil inisiatif. Jangan mengadu di sini, mengadu di Parlimen. Parlimen dia tak buat Persekutuan tak buat, kita buat puji kita dulu ketuk lah sana dulu tapi datang sini ketuk tak betul. Permatang terima kasihlah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya nak buat sedikit pencerahan aduan Sekinchan mengenai bas awam, ya Kuala Selangor, Tanjung Karang, Sabak Bernam dalam 3 tahun. Untuk maklumat Yang Berhormat kita dah dengan pihak SPAD, kita pun dah beberapa kali jumpa dengan SPAD sebab melalui kawasan saya tiada bas. Isunya SPAD kepada kita Syarikat-syarikat yang mengendalikan si bas ini memang mengalami kerugian ah itu satu isu kerugian kadang-kadang nak bayar diesel, gaji *driver* pun tak lepas kerana penumpanglah ini satu isu. Kemudian yang kedua SPAD juga menyediakan satu inisiatif memberi galakan atau pun satu dana kepada mana-mana Syarikat yang ingin mengendalikan bas berhenti-henti pun disediakan oleh SPEC tapi itu pun tidak mendapat apa ni.. sokongan atau tidak dapat menarik minat operator untuk mengadakan bas. Jadi kita kena memikirkannya juga bagaimana sebagaimana Yang Berhormat Batang Kali sebut tadi. Barangkali kalau ada Bas *Smart* Selangor ni, itu mungkin boleh membantu kami yang di kawasan-kawasan luar bandar ini dan Bas *Smart* Selangor ini tidak melibatkan pembayaran tiket dan sebagainya. Mungkin tanggungan itu diberikan kepada Kerajaan Negerilah untuk menampung sebahagian kos. Sebab tidak ada operator yang nak buat. Mara Liner dah pernah cuba hampir boleh bertahan setahun. Di bagi insentif pun dia kata tak mampu nak buat. Bila buat bagi bas yang tak ada *air-cond*, orang *complain* nak bas yang ada *aircond*. Bila ada *aircond*, ada kos. Tapi perjalanan daripada Unisel sampai ke Tanjung Karang, diusahakan hampir dua tahun setengah lepas tu tak ada. Sedangkan pelajar-pelajar bising kata tak ada pengangkutan awam. Jadi saya ingat kita kena berkongsi masalah ini supaya kita boleh mencari satu jalan yang mana manfaat boleh dapat kepada rakyat. Saya rasa salah menyalah itu ada. Masing-masing ada jawapan atas perkara yang berkenaan. Saya nak minta kalau boleh ada penjelasan sedikit.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Yalah betul tu. Disebabkan kegagalan kerajaan persekutuan ini gagal untuk nak buat bagi insentif tak buat. Tapi untuk Bas *Smart* Selangor ini kita keluar duit sendiri tak rugi. Sekarang orang rebut. Syarikat bas ni rebut-rebut nak jumpa saya nak buat juga. Kenapa di peringkat negeri buat walaupun dengan 3.5 juta, orang rebut-rebut nak buat?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Hermm.. mencelah. Sekejap je. Sikit je.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Eh, belum lagi. Biar saya habiskan dulu.

**TUAN SPEAKER** : Batang kali, Batang Kali bagi Sungai Pinang habiskan dulu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Itulah sebabnya saya cakap dari awal, kalau *Smart Bas* ni Yang Berhormat boleh bagi begitu cantik sekali untuk lima bandar ni. Dari tiga jadi lima. Kami di luar bandar ni dah lama idam-idam benda tu. Bagilah pula. Ini yang kami nak! Kami nak dibagi juga.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya. Terima kasih. Belum. Sabar.. Baru kita *start* enjin dah nak sampai ke Batang Kali.. tak boleh la...

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Dah lama. Dah terlalu lama. Kalau Bukit Beruntung, Bukit Sentosa tu dah sepuluh tahun ni kami menunggu. Tapi kalau bandar-bandar ni cepat sangat. Tahun lepas lulus, tahun ini lulus. Kami belum lulus-lulus lagi. Tak ada apa pun yang kami dapat daripada Kerajaan Negeri ni. Ini yang kami nak! So, kami minta sikit je.

**TUAN SPEAKER** : Kita dengar penjelasannya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ok. Ya. Kalau kita nak suapkan anak kita pun kita kena pilih anak pertama dulu, kedua, ketiga. Takkan nak suap lima sekali. Haa peringkat- peringkat lah. (Dewan bersorak).

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Belum saya jawab pun, dia dah melenting. Macam mana? Kita kena ikut ada peringkatnya dan ada stepnya. Kita tak buat sebab kerajaan persekutuan gagal melakukannya maka kita buat. Tapi kita buat peruntukan kita sendiri. Ini tanggungjawab kerajaan persekutuan. Semua cukai pendapatan kita bayar pada dia. Semua GST dia pungut. Bas dia tak bagi, kita keluar duit sendiri pula, dia kena kutuk macam mana? Hah, kalau Batang Kali ikhlas, kalau Permatang ikhlas, mintalah. Cakap dengan Menteri Pengangkutan. Turunkan pengangkutan, biar Selangor yang melakukannya. Kita buat, biar kita elokkan. Tak banyak kita minta 100 juta kita tunjukkan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Mencelah sikit.

**TUAN SPEAKER** : Permatang minta.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Sampai rumah Permatang pun kita bekalkan kalau ada 100 juta.

**TUAN SPEAKER** : Haa.. Silakan Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tadi Yang Berhormat EXCO kata ada *Smart Partnership* Kerajaan Negeri dengan MOT lah dengan izin *Ministry of Transport*. Jadi oleh kerana SPEC ada menyediakan dana untuk bas berhenti-

berhenti ini yang diberikan pada masyarakat. Kenapa tidak Bas *Smart* Selangor ini mengambil dana yang sama buat cadangan ataupun saya cadangkan supaya dana yang disediakan oleh SPEC ini diberikan kepada *Smart* Selangor untuk atas nama *Smart Partnership* diusahakan oleh pihak *Smart* Selangor. Itu satu cadangan mungkin boleh dibawa ke...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Memang dialukan, dengan syarat mencukupi. Jangan bagi lima juta. Ha tak bolehlah. Bagikan semua yang diberikan kepada SPAD tu untuk Selangor untuk bahagian Selangor untuk dibagikan kepada Kerajaan Negeri Selangor, kita lakukan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Ok. Dana ini, yang saya dimaklumkan melibatkan semua daerah. Mana-mana kawasan juga. Jadi maknanya, itu bererti seluruh negeri Selangor adalah pada tafsiran sayalah. Tentulah ada dana itu. Jadi saya ingat bolehlah kita cadangkan supaya dewan ini mengambil satu inisiatif kita menggunakan dana ini supaya kawasan-kawasan yang tidak ada perkhidmatan ini dapat menggunakan dengan kerjasama Bas *Smart* Selangor itu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Bagi pihak Kerajaan Negeri kita mengalukanlah kalau ada peruntukan yang diturunkan kerajaan persekutuan. Tetapi sekarang ini satu sen pun tak ada! Kita gunakan peruntukan ni daripada cukai tanah kita bagi. Bagi pada premium tanah kita bagi. Daripada cukai pendapatan kita tak ada. Jadi saya minta.. cadangan saya sudah setuju. Sebab yang Permatang ni ada kawan baik kat situ. Saya tak ada. Dia tengok saya macam musuh, walaupun saya mesra orangnya tapi...

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Sikit-sikit. Tadi kita gunakan duit cukai. Ya, minta maaf Tuan Speaker. Kita kata kita kutip cukai, maknanya termasuk rumah sayalah, tanah saya pun kena kutip cukai. So daripada hasil cukai tu nampaknya banyak dibagi kepada di lima bandar ini. Kenapa tidak sedikit daripada cukai itu bagi ke Batang Kali? Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Nampaknya Yang Berhormat Batang Kali ini, tidak faham dengan sistem pencukaian kita. Yang cukai tanah tu bayar Kerajaan Negeri. Tapi cukai di bandar-bandar ni kebanyakannya cukai pintu dibayar kepada PBT. Hah sedangkan dalam jadual, jadual sembilan. Tahu jadual sembilan? Nanti dulu... saya belum jawab habis nak tanya lagi. Jadual sembilan dalam perlumbagaan persekutuan mengatakan untuk pengangkutan *traffic* ni.. *regulations of the traffic* di bawah persekutuan. Cukai pendapatan kita bagi persekutuan, cukai jalan bagi persekutuan, lesen memandu bayar kepada persekutuan, GST persekutuan, Kerajaan Negeri pula yang kena ambil cukai tanah, cukai pintu untuk buat bas. Tak boleh la... Tak adil. Tapi kita buat juga. Haa kita buat juga. Hahaha kita buat.

Cuma belum sampai... belum sampai Batang Kali. Saya dah sebut, kita baru *start* enjin kat Petaling Jaya macam mana nak sampai terus.. Bagi, tunggu-tunggu dulu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Jangan lambat sangat sebab orang lain dah dapat dua kali. Batang kali tak dapat rasa sikit pun ni.

**TUAN SPEAKER** : Ok. Batang Kali, dah faham dah soalan tu. Minta sambung Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Inisiatif Kerajaan Negeri oleh itu Kerajaan Negeri sudah mengambil inisiatif ya. Inisiatif iaitu mengambil pendekatan dengan menyelaras dan bekerjasama dengan kerajaan persekutuan. Kita bekerjasama dengan semangat itu kita buat dalam memenuhi keperluan pengangkutan awam di negeri Selangor bersama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat. Atas dasar keprihatinan, inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor iaitu Penyediaan Perkhidmatan Bas *Smart* Selangor ini di kawasan antara PBT untuk mengisi ruang kegagalan pelaksanaan polisi yang dibuat oleh kerajaan persekutuan. Itu kena difahamkan dulu konteks tu eh. Kita mengisi ruang kegagalan dia. Dalam pemilihan laluan bas tersebut, pandangan dan saranan oleh SPAD telah diambil kira. Kita minta kelulusan dia. Memandangkan segala isu pelesenan permit dan kebenaran laluan masih di bawah bidang kuasa SPAD. Masih di bawah bidang kuasa dia bukan kita. Antara kriteria yang disyaratkan dalam pemilihan laluan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor adalah memberi keutamaan di kawasan tumpuan pembangunan. Hah , ini pertama! Kawasan tumpuan pembangunan. Duanya. Berkepadatan penduduk yang tinggi. Tak guna kita sediakan bas orang tak ada. Bawa bayang-bayang buat apa? Haaa kita kena, ada tempat ada penduduk yang mencukupi. *Ridership*, haa, kalau bahasa Inggeris dengan izin. Faham ek? Ok. Dan laluan di kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bas untuk kawasan tumpuan kemudahan awam, pusat bandar, pusat ataupun klinik kesihatan, pejabat kerajaan dan kompleks perniagaan. Haaa, itulah yang di mana gagal kita masuk. Di mana dia berjaya, kita alu-alukan. Di mana dia tak tahu buat tolong hantar peruntukan. Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan sepuluh juta. Daripada 3.5 juta untuk tahun ini tahun depan kita dah ada peruntukan sepuluh juta ringgit. Dengan syarat nanti diluluskan oleh dewan ini untuk meluaskan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor di kawasan pentadbiran PBT. Khususnya keperluan di kawasan-kawasan luar bandar. Itu sudah ambil kira. Sudah ambil kira bila kita dalam proses merangka. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam proses menyediakan tu dah ambil kira luar bandar kita kena pergi. Kita dah buat percubaan, dah buat kajian di tiga bandar utama ni di Kelang, di Shah Alam, Subang Jaya, dah berjaya kita perkembangkan. Haa *step by step*. Seperti kawasan luar bandar seperti Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sepang dan Kuala Langat dengan mengambil kira saranan dan pandangan SPAD. Bagi laluan-laluan yang tiada perkhidmatan bas serta laluan yang berkategori *missing link* yang boleh menghubungkan dua daerah

bersebelahan. Bagi perkhidmatan bas awam sedia ada di kawasan luar bandar, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menyokong usaha penambahbaikan yang dirancang oleh SPAD melalui projek penambahbaikan bas henti-henti atau *commuter bus improvement project* bersama PBT dengan menyarankan agar kawasan-kawasan luar bandar yang dinyatakan wajar diambil kira pada fasa akan datang. Pihak SPAD juga sedang dalam perancangan untuk melaksanakan *Program Bas Network Revamp* yang melibatkan penyelarasian laluan dan operator perkhidmatan di lapan *corridor* di lapan *corridor* pengangkutan di Lembah Kelang yang dijangka akan menghubungkan laluan-laluan antara kawasan serta pertambahan laluan dan bas. Dan sebagai maklumat tambahan kepada Yang Berhormat Batang Kali, sebenarnya dalam Mesyuarat STANCO Pengangkutan, yang diadakan pada 13 Oktober yang lalu. Saya sendiri pun telah mengarahkan supaya kajian dibuat oleh semua Majlis Daerah yang berkenaan, khususnya Majlis Daerah Hulu Selangor dan juga Majlis Daerah Kuala Selangor juga Sabak Bernam. Kita memang dah merancang ke arah itu. Dan saya sudah meminta supaya hasil kajian itu dibentangkan dalam Mesyuarat STANCO yang akan datang termasuk juga di kawasan Majlis Daerah Kuala Langat dan Sepang, kita dah hubungkan. Bukan sahaja daripada, mungkin daripada Selayang sampailah Kuala Kubu Baru melalui Rawang. Kalau tidak nanti Rawang bangun juga. Melalui Rawang, ataupun kita hanya sediakan di sekitar Rawang sahaja. Itu semua dalam kajian. Dan sudah tentu saya dah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Sekinchan buat masa ini tidak ada perkhidmatan bas komersial daripada Kuala Selangor sampailah ke Sungai Besar. Tak ada, pengangkutan awam komersial. Ini satu kegagalan yang cukup besar! Sedangkan itu kawasan Barisan Nasional. Tak ada langsung bayangkan dua jam orang lalu, tak ada! Dalam kawasan Pakatan Rakyat semua ada! Itu yang peliknya! Haa, kemudian daripada Banting, Morib, Tanjung Sepat, Sungai Pelek, Salak balik daripada Puchong, semua dalam kajian. Jadi, tak jadi kita lihat daripada kajian tersebut kita nak lihat keperluannya sama ada ada ke tidak. Kota Anggerik silakan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Adakah kerajaan bersedia pertimbangkan Batang Kali kalau Batang Kali menyeberang ke sebelah sini?

Dewan borsorak.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Kota Anggerik. Kita Kerajaan Negeri Selangor, kita profesional. Kita tak kira kawasan itu kawasan siapa. Kalau kawasan Barisan Nasional sekalipun kalau ada keperluan kita berikan keutamaan. Rakyat kita pentingkan bukan kawasan wakil rakyatnya siapa. Tuan Speaker inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyediakan perkhidmatan bas...

**TUAN SPEAKER :** Sri Muda. Sri Muda minta.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Oh ya, sila.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya fikir kalau nak ke Batang Kali tu agak jauh sangat. Jadi kalau sekitar kawasan Sri Muda tu bolehkah dipertimbangkan? Lebih dekat.

Dewan Bersorak.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya, Tuan Timbalan Speaker. Saya dah sebut tadi Kerajaan Negeri Selangor ini profesional. Kita tak tengok kawasan tu kawasan Seri Muda atau Batang Kali, kita tengok di mana keperluan yang ada. Maka kita sediakan. Kita ikut keutamaan. Mengikut kajian, kajian daripada PBT bukan kajian daripada Kerajaan Negeri Selangor. Sebab kita tahu bahawa PBT yang lebih tahu tentang keperluan pengangkutan awam ni. Maka kita mengikut nasihat daripada PBT dan juga SPAD. Tuan Timbalan Speaker, inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyediakan Perkhidmatan Bas Percuma antara bandar telah berjaya dilancarkan pada 1 Julai 2015 di tiga kawasan pentadbiran iaitu di Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Kelang. Perkhidmatan Bas Selangorku yang kini dikenali sebagai Bas *Smart* Selangor telah mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat di ketiga-tiga PBT berkenaan dengan jumlah penumpang sebanyak 338,897 orang bagi bulan Julai hingga Oktober 2015. Dan kalau kita lihat daripada statistik mengikut bulan mengikut PBT adalah seperti yang berikut.....

Di MBSA:-

MBSA	
Julai	26,000
Ogos	42,000
September	45,000
Oktober	52,000
Jumlah	167,000

Kemudian di Subang Jaya,

MPSJ	
Julai	19,000
Ogos	30,000
September	33,000
Oktober	35,000
Jumlah	117,000

Setiap bulan ada pertambahan. Di MPK di Kelang,

<b>MPK</b>	
<b>Julai</b>	6,800
<b>Ogos</b>	13,600
<b>September</b>	15,000
<b>Oktober</b>	16,000
<b>Jumlah</b>	51,400

Dan jika melihat angka ini bererti sebenarnya daripada Julai. Ya, daripada Julai sehingga kepada Julai di mana penumpangnya 53,229 untuk tiga-tiga bandar ini, dia menambah sehingga 104 ribu penambahannya hampir seratus peratus.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Meru berapa *figure*. Hahaha. Ya, Meru berapa *figure* dia?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Meru bas tak sampai. Belum sampai. Akan sampai. Ya, seperti yang telah dinyatakan tadi bagi pemilihan laluan antara kriterianya diberikan keutamaan adalah laluan di kawasan tumpuan pembangunan, berkepadatan penduduk yang tinggi dan laluan di kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bas, untuk kawasan tumpuan awam, pusat bandar, klinik dan sebagainya. Dan sebagai maklumat kepada Yang Berhormat Kinrara, dah tak ada. Laluan Bas *Smart* Selangor di kawasan pentadbiran Sepang Jaya, melibatkan 22 hentian dan sepanjang 14.8 km, bagi laluan Bas *Smart* Selangor di kawasan pentadbiran Shah Alam melibatkan 22 hentian dan sepanjang 10.49 km dan di kawasan pentadbiran Klang melibatkan 17 hentian sepanjang 8.5 km. Kerajaan juga telah menyediakan sejumlah peruntukan penambahan untuk tahun ini. Dan laluan ini yang dipohon oleh Yang Berhormat daripada Kinrara, iaitu Puchong ke Bandar Sunway, iaitu dan laluan ini telah pun dikenal pasti oleh SPAD. Dalam perancangan masa hadapan melalui program *Bus Network Revamp*. Yang melibatkan penyelarasan laluan dan operator perkhidmatan bas di 8 koridor pengangkutan di Lembah Klang yang dijangka akan menghubungkan laluan-laluan antara kawasan serta pertambahan laluan dan bas. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan sentiasa melihat keperluan bagi penambahbaikan sistem pengangkutan awam yang lebih menyeluruh di seluruh negeri Selangor secara berperingkat. Dan untuk makluman juga kepada Ahli Yang Berhormat sekalian, segala cadangan untuk laluan tersebut bolehlah dibentangkan kepada pihak Majlis Perbandaran ataupun pihak Majlis Daerah untuk diambil kira oleh Jabatan berkenaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Akhir sekali.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya, belum lagi, Tuan Speaker. Yang itu, berkenaan dengan pengangkutan. Saya masuk pada pelaburan. Pelaburan, yang Berhormat Batang Kali menyatakan bahawa projek pembangunan untuk, projek pembangunan UMW, bukan dengan *Rolls Royce Aerospace* tersebut, beliau menyatakan bahawa dah diceritakan sejak tahun 2004, zaman Barisan Nasional. Saya sudah semak sebenarnya tidak ada. Tidak ada. Tidak ada. Sebenarnya, pihak UMW, yang telah pun menghubungi pihak *Invest Selangor*, ya, pada 26 Mac tahun 2015. 2004 tak ada. Mungkin pada masa itu ada khayalan, mungkin ada. TEPUK. Tak ada, mungkin ada impian.

**YB. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Saya mencelah, saya bagi maklumat sikit.

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya.

**YB. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Yang itu, *actually*, sebenarnya adalah semasa kita, apa ni, perjanjian pembelian kapal terbang, ok. So, di dalam perjanjian itu ada *local content* yang kita minta daripada *Rolls Royce* supaya membuat sesuatu di negara kita. Iaitu, itulah wujudnya usaha sama di antara UMW dengan *Rolls Royce*. Dan tanah pun saya diberitakan sudah diberi kepada UMW pada ketika itu, untuk tujuan tersebut. Itu sebab saya hendak kan kepastian daripada EXCO sama ada benda ni benar-benar nak diwujudkan atau lagu lama yang nak dimainkan kembali. Ini yang saya nak kan kepastian. Terima kasih.

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya. Mungkin lagu lama bila dimainkan itu, orang tak suka. Sebab tak ada keyakinan terhadap Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2004. (Tepuk). Sebab itu bila kita lihat, dia lihat kita selepas 7 tahun memerintah, dia kata, ini kerajaan yang patut kita beri sokongan. Maka pada 26, tanggal 26 Mac 2015, mereka menghubungi kita, untuk melanjutkan program ini. Jadi kita kena belajar daripada Kerajaan Negeri Selangor yang baru ini. Kemudian, 12 itu, 26 Mac, pihak UMW menghubungi pihak *Invest Selangor*. Kemudian pada 12 Ogos, selepas 5 bulan, kontrak untuk membekalkan Fan Cast, selama 25 tahun, projek ini telah melibatkan pelaburan bernilai RM830,000,000.00 antara *UMW Group* dan *Rolls Royce*, disaksikan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga oleh Datuk, oleh Menteri MITI. Jadi dalam 5 bulan selepas UMW menghubungi *Invest Selangor*, maka usaha itu telah pun menampak hasil selepas 5 bulan. Maka perjanjian dimeterai pada 12 Ogos. Kemudian pada 27 Ogos, taklimat dan pembentangan telah pun dilakukan oleh pihak UMW kepada *Invest Selangor*. Pada peringkat itu, saya pun belum tahu lagi. Kemudian pada 09 September, dalam tempoh dua minggu tersebut, pihak UMW Corporation mengemukakan permohonan kebenaran merancang secara rasmi kepada OSC, Majlis Daerah Hulu Selangor, untuk pertimbangan dan kelulusan pembangunan. Kemudian pada 15 September, minggu kemudiannya, perkara ini telah pun dibentangkan di Mesyuarat

Penyelarasan Projek pada *Invest Selangor* yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Telah pun dibentangkan pada 15 September. Pada masa itu saya mengetahui projek ini telah pun mengemukakan permohonan untuk, apa tu, kebenaran merancang. Dan dari tarikh itu, kemudian satu Mesyuarat Khas telah di adakan, tiga hari kemudian. Mesyuarat Khas bersama Jawatankuasa Teknikal bagi Projek UMW Corporation diadakan pada 18 September. Dan kemudiannya, pada 21 September, Mesyuarat OSC Majlis Daerah Hulu Selangor telah bersidang dan memberi keputusan tiada halangan dengan syarat mematuhi syarat-syarat teknikal. Dalam satu minggu dilakukan. Kemudiannya, 8 Oktober 2015, taklimat berkenaan cadangan tersebut dibentangkan di MTES, untuk dimaklumkan pada pihak Kerajaan Negeri dan hasil daripada mesyuarat pembentangan tersebut, Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan satu *Task Force*, Jawatankuasa Petugas Khas yang dipengerusikan oleh saya untuk memastikan kelancaran projek ini daripada permohonan hingga kelulusan. Dan pada 13 Oktober, Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Khas Industri Aero Castle Negeri telah bermesyuarat. Dan kita telah pun membuat keputusan untuk mengarahkan semua jabatan memberikan keutamaan kepada permohonan ini. Kemudian pada 16 Oktober, pihak UMW mengemukakan permohonan pelan kerja tanah pada pihak Majlis Daerah Hulu Selangor. Dan kemudiannya pada 19 Oktober, Mesyuarat OSC sekali lagi. Walaupun dimaklumkan belum terima, mereka memaklumkan pihak OSC MBSA memaklumkan masih mendapat laporan teknikal daripada Jabatan Teknikal berkenaan. Kita lihat, Tuan Timbalan Speaker, inilah kecekapan yang dipamerkan oleh pentadbiran Kerajaan hari ini. Dalam tempoh dua bulan dah sampai ke tahap itu. Ya, sila.

**YB. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ok. Boleh mencelah sikit. Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata mengenai profesionalnya Kerajaan Negeri tak kira kawasan pembangkang atau bukan kawasan atau kawasan kerajaan semua diberi ruang. Saya sebenarnya tak nak Yang Berhormat juga membina persepsi negatif kepada Kerajaan Persekutuan. Kerana dalam hal mengenai, apa ni, pembangunan UMW dan *Rolls Royce* ini, itu juga menunjukkan sikap profesional kerajaan Barisan Nasional. Dalam konteks apa. Walaupun UMW ini sebahagian daripada anak syarikat PNB, pun Kerajaan Negeri, Kerajaan Barisan Nasional boleh beri kebenaran untuk dibina di Selangor walaupun pada dasarnya boleh dibawa ke negeri-negeri Barisan Nasional. Di Melaka, di Negeri Sembilan, di Perak, dan sebagainya. Isu tanah tak timbul. Mungkin boleh diberi tempat-tempat yang lain. UMW pun ada isu. Ini sikap profesional juga ditunjukkan. Walaupun negeri Selangor, negeri yang tidak sama dengan Kerajaan Persekutuan, juga kerajaan Barisan Nasional tidak ada halangan. Juga dalam konteks-konteks yang lain, membina MRT, juga pembangunan-pembangunan yang lain. Juga Barisan Nasional beri ruang. Walaupun negeri Selangor sebagai negeri pembangkang pada Barisan Nasional, pun diberi ruang. Jadi saya ingat kita jangan bina persepsi-persepsi yang negatiflah di kedua-dua belah pihak.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Timbalan Speaker, saya tidak berhujah atas persepsi, saya berhujah atas fakta dan angka, *facts and figure*. Kita menyumbang kepada KDNK kebangsaan sebanyak tahun lepas, 22.7%. Jadi, sudah tentu sumbangan ini patut dikembalikan kepada Selangor. Sementara itu mungkin UMW, mungkin ada pergi, nak pergi ke negeri lain, tapi akhirnya ia merasakan negeri Selangor yang paling baik. Kerajaannya baik. Pemimpinnya baik. Suasana pelaburannya baik. Pekerjanya baik, wakil rakyatnya boleh tahan. Itu, Batang Kali. Mungkin itu, lebih baik. Di Selangor lebih baik, sebab itu datang. Kalau tidak, sudah tentu dia pergi ke Negeri Sembilan, Nilai. Harga tanah cukup murah. Macam pasar malam. Murah je harganya. Tapi sini mahal, orang tetap datang sini. Walaupun lebih mahal. Kos dia nampak paling tinggi, tapi kita mempunyai infrastruktur yang jauh lebih baik. Kita mempunyai kerajaan yang jauh lebih baik. Tak sangka, Majlis Daerah Hulu Selangor, kita anggap dia memang tak boleh, macam tak ada kebolehan, tengok kebolehannya. Dalam tempoh begitu singkat, boleh mengkaji, melihat kepada semua *detail-detailnya*. Ha..itu baru patut kita beri kepujian.

Tuan Speaker, saya rasa itu, berkenaan dengan pengangkutan. Dan seterusnya adalah berkenaan dengan pelaburan. Pelaburan dan ini juga pelaburan sebab ada dibangkitkan, disentuh oleh Yang Berhormat Kota Anggerik, maka saya ingin berhujah sedikit untuk memberikan pencerahan. Berkenaan dengan SDCC, *Selangor Digital Creative Centre*. Tuan Timbalan Speaker, untuk mempergiatkan e-perdagangan atau *e-commerce*, dengan izin, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah iaitu menubuhkan informasi teknologi dan *e-commerce* Selangor iaitu dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, Selangor *Information Technology and E-commerce Household*, dan di bawah C-tech ini ditubuhkan Pusat Kreatif Digital Selangor ataupun SDCC, di bawah C-Tech ini. Dan projek E-commerce merupakan fokus utama Invest Selangor untuk memacu Selangor sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Iaitu dengan izin, *Global Trading Help*. C-Tech merupakan satu platform di mana semua pihak yang berkenaan dikumpulkan semeja seperti pengusaha teknologi, industri baru, wakil komuniti perniagaan, industri kecil dan sederhana, IKS, dan pihak akademi, demi merangka modal *e-commerce* yang sesuai. Bukan setakat di Malaysia tetapi juga yang sesuai di peringkat serantau. C-tech berperanan menggalakkan industri kecil dan sederhana untuk menceburi *e-commerce*, untuk memperluaskan pasaran mereka, tanpa sempadan. Di peringkat permulaan ia dipertanggungjawabkan untuk membantu 100 IKS, menceburi *e-commerce*, dengan memberi latihan konsep dan bantuan teknikal seperti data analisis, *website* dan *apps* demi memperkuatkannya kehadiran mereka di alam maya. Di sebabkan inspirasi yang dicetuskan oleh aktiviti *e-commerce* dan syarikat teknologi baru, semakin ramai lepasan graduan memilih ke arah keusahawanan. C-Tech boleh memainkan peranan yang aktif, membimbang graduan tersebut dengan kerjasama dengan universiti tempatan seperti Universiti Selangor, UNISEL. SDCC fokus kepada keusahawanan talian, atas talian dan penubuhan syarikat perusahaan baru. Dalam usaha itu SDCC, telah membina satu ruang kerja bersama atau dengan izin, *Whole Working Space*, yang seluas 11,000 kaki persegi di ICT Shah Alam. Yang

telah pun dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 5 Oktober 2015, untuk menggalakkan pembinaan satu rangkaian industri dan mentor bagi memberikan pencerahan minda, merangsangkan kreativiti dan menggalakkan perkongsian sumber. Untuk mengikuti trend baru, SDCC juga menyediakan ruang *Maker*, untuk mempelopori gerakan *Maker* di Selangor. SDCC akan mendaftarkan pusat ini dengan *Yayasan Fact Lab*, yang berasal Universiti terkemuka, iaitu *Institute Technology Massachusetts*, MIT untuk menjadi *Fact Lab* pertama yang diperakui di Malaysia. Setakat ini 50% daripada ruang kerja atau ruang kerja bersama ataupun *Whole Working Space*, SDCC, telah pun di isi dan 80% ruang pejabat, SDCC telah disewakan. SDCC berjaya menarik 9 syarikat *Start-Up* dan 3 daripada Taiwan untuk menyewa ruang kerja di SDCC. Setakat ini C-Tech telah berjaya menganjurkan 9 kelas e-commerce, 5 Selangor *Start Up Gathering*, dan satu *Maker Groom Programme*. Kelas atau program yang telah dianjurkan mendapat sambutan yang menggalakkan dengan purata 100 peserta setiap program. Setakat ini **sintex** berjaya memberi latihan kepada lebih daripada 1400 usahawan daripada pelbagai industri yang berminat dalam, untuk menceburi business e-dagang hanya dalam tempoh hanya 5 bulan sahaja. *Sintex* juga akan memberi pengalaman penting untuk menggalakkan usaha sama dalam antarabangsa dan tempatan. Sementara menggalakkan pelaburan langsung asing. *Sintex* akan menganjurkan dua persidangan ekomes yang besar pada tahun ini bersempena dengan EXPO antarabangsa Selangor atau *Selangor International EXPO* (dengan izin) akan berlangsung dari 26 hingga 28hb. November 2015. Dan dijangka akan dihadiri oleh ratusan syarikat asing. Persidangan ini akan menarik lebih daripada 300 peserta. Tuan Timbalan Speaker, itu berkenaan dengan pelaburan. Dan saya hanya sedikit sahaja berkenaan hal ehwal selain Islam. Di mana, isu telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan berkenaan penyediaan tanah perkuburan dan tapak rumah ibadah selain Islam oleh pemaju Tropicana, Kuala Langat. Untuk maklumat Yang Berhormat, keperluan tapak perkuburan itu adalah merujuk kepada Manual Garis Panduan Piawaian Negeri Selangor yang mana diperuntukkan satu hingga tiga ekar bagi kawasan yang mempunyai penduduk 10,000 sehingga 75,000 penduduk. Penyediaan tapak kubur bukan Islam telah disediakan di Bandar Rimbayu, yang terletak di bersebelahan dengan kawasan Tropicana Aman dengan keluasan 3.66 ekar. Jumlah penduduk Bandar Tropicana Aman ialah dan Bandar Rimbayu ialah seramai 73 000 penduduk bererti penyediaan 3.66 ekar itu menepati Garis Panduan Dan Piawaian Kerajaan Negeri Selangor. Berkenaan dengan tapak rumah ibadat selain Islam, peletakan rumah ibadat selain Islam di sebelah pencawang TNB memang tidak mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dalam Manual Garis Panduan dan Piawai Perancangan Negeri Selangor dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor iaitu lokasi peletakan kemudahan keagamaan tempat ibadat selain Islam perlulah mematuhi salah satu kriteria berikut iaitu tidak dibenarkan dibina di kawasan lapang dan tidak boleh di tempatkan sekeliling loji kumbahan atau pencawang TNB. Kerajaan Negeri akan melihat perkara ini dan akan mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan daripada yang

berkaitan oleh Yang Berhormat Kinrara merujuk kepada data inventori yang telah dikemukakan oleh pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya terdapat 28 buah rumah ibadat selain Islam di kawasan Puchong. Senarai adalah seperti berikut: Jenis rumah ibadat tokong 2, Gereja 11, Kuil 15 jumlahnya 28. Bagi cadangan pembangunan yang baharu semua pemaju diminta sediakan tapak rumah ibadat selain Islam selaras dengan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor dan penyediaan tapak rumah ibadah adalah seperti berikut tokong, kuil, gereja dan lainnya keluasannya tidak lebih 0.2 ekar bagi tадahan penduduk 5 000 orang atau 2 600 penganut. Dengan itu sahaja, Tuan Timbalan Speaker penggulungan saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pinang. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bermula dengan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Sungai Pelek iaitu pembangunan pelancongan di Sepang, daerah Sepang. Di kawasan Sepang kita ada satu projek pelancongan yang baru yang bakal dibangunkan ia nya dikenali sebagai *Ring Colorists Centre* ataupun RTC. Yang di rancang oleh pihak Sepang Gold Coast Sdn. Bhd. dengan kerjasama antara Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan juga satu GLC Kerajaan Negeri Selangor iaitu PNSB di mana ia akan menjadi satu pusat tarikan pelancongan berasas alam semula jadi dengan pendedahan mengenai kepentingan hutan paya bakau. Projek ini akan melibatkan keluasan tanah seluas tanah 96.7 hektar. Pihak Sepang Gold Coast Sdn. Bhd. telah membentangkan pelan pembangunan sebahagian pembangunan di persisiran pantai yang juga dikenali sebagai *fisherman village* dan cadangan ini adalah untuk menyokong untuk aktiviti sedia ada di mana kawasan Bagan Lalang merupakan pilihan lokasi utama kepada pelancong dan juga penggemar makanan laut. Bagi memastikan kawasan pantai Bagan Lalang berfungsi sebagai destinasi utama pelancongan Majlis Perbandaran Sepang telah melaksanakan beberapa projek untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan sokongan untuk meningkatkan imej identiti pantai Bagan Lalang seperti menaik taraf jalan masuk, pencahayaan, penyediaan papan-papan tanda tunjuk ke arah, mercu tanda dan wakaf. Selain daripada pantai Bagan Lalang, sepang juga mempunyai beberapa *product* pelancongan berasaskan warisan dan budaya yang telah dilaksanakan di kawasan Homestay Bangkulis, Sungai Pelek. Sebagai pintu masuk utama ke Malaysia, Majlis Perbandaran Sepang juga telah merancang untuk membangunkan beberapa aktiviti-aktiviti pelancongan komersial dengan berkonsep *transcript trip*, KLIA. Bagi tujuan komersial tersebut satu berkonsep *outlet* telah dibangunkan iaitu Mitsui Park, KLIA, Sepang dan Kuala Lumpur *International Outlet* telah diluluskan kebenaran merancang dan ia dalam pembinaan di bandar Senria, Sepang. Selain daripada itu pihak Majlis telah merangka projek-projek pembangunan komersial seperti berikut:

- a) Pembangunan taman tema

- b) Padang golf
- c) Pusat kraf tangan dan jualan
- d) Pusat penjualan dan pembuatan IKS
- e) Butik Mall

Bagi menjayakan pembangunan pelancongan di daerah Sepang ini Majlis Perbandaran Sepang sedang merangka Penubuhan Jawatankuasa Pelancongan bagi mengatur aktiviti dan pembangunan pelan daerah Sepang khusus di Bagan Lalang. Ada 2 Yang Berhormat yang telah membawa isu tentang pendedahan maklumat mengenai gaji, elaun khas keraian, bonus dan ganjaran yang diterima oleh pegawai-pegawai dan juga kakitangan dan GLC ataupun *Goverment Link Company*. Dan Damansara Utama dan Kampung Tunku telah menyatakan bahawa kerajaan patut memberi maklumat terperinci tentang apa yang disebut tadi. Jawapan kerajaan adalah berikut:- GLC-GLC seperti PKNS, PNSB, KDEB dan PKPS adalah termasuk dalam tafsiran jabatan yang masing-masing *entity* dalam bentuk anak syarikat Kerajaan Negeri atau badan berkanun negeri yang dimiliki atau dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Ini bermaksud GLC seperti PKNS, PNSB, KDEB dan PKPS adalah turut tertakluk di bawah pemakaian Enakmen FOI ataupun Kebebasan Maklumat. Kalau kita lihat Seksyen 5 Enakmen FOI setiap GLC yang dimiliki atau dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri adalah tertakluk memberi akses apa-apa maklumat yang berada di bawah kawalan jabatan. Walau bagaimanapun dalam menentukan sama ada maklumat-maklumat mengenai seperti gaji, elaun-elaun khas keraian dan ganjaran yang telah diterima oleh pegawai dan kakitangan GLC boleh dikemukakan ataupun didedahkan ke mana-mana pihak yang memohonnya. Maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang bersangkutan apa yang disebut tadi merupakan sesuatu perkara tadi tergolong dalam urusan-urusan pentadbiran dalaman yang berada di bawah kawalan ataupun seliaan bahagian sumber manusia GLC masing-masing. Mana-mana GLC yang tubuhkan meskipun dimiliki dan dikawal sepenuhnya namun masing-masing buku panduan ataupun *manual prosedur* urus tadbir dan tadbiran untuk pelaksanaan urus niaga syarikat mengikut etika ataupun (dengan izin) *code corporate component* diwujudkan untuk menentukan keseluruhan hala tuju strategik syarikat memantau, menyemak, dan menilai prestasi syarikat secara keseluruhannya mengikut acuan sendiri. Ini juga termasuk apa-apa bentuk dan dokumen yang berkaitan dengan skim ataupun sistem penggajian yang memperuntukkan mengenai indeks jadual gaji kumpulan gred perjawatan, elaun, lain-lain keistimewaan dan sebagainya. Ada di antara dokumen-dokumen berkaitan perjalanan urus tadbir GLC yang melibatkan (dengan izin) *trading system salary* skim telah pun justifikasi sebagai sulit, rahsia, terhad, sulit dan persendirian dan sebagainya di mana maklumatnya tidak terbuka pada pengetahuan umum demi memelihara kod atau urus tadbir korporat masing-masing. GLC juga tertakluk memenuhi klausa kerahsiaan (dengan izin) *confidential ...*, dalam perjanjian atau kontrak perkhidmatan pegawai dan kakitangan yang dimeterai di antara Jawatankuasa yang melantiknya. Dan saya ingin merujuk kepada seksyen 13 Enakmen Kebebasan Maklumat, yang saya tidak akan baca tapi secara umumnya

maklumat peribadi tidak boleh diberi kepada mana-mana pihak kecuali kalau pihak tersebut telah memberi persetujuan kepada ataupun persetujuan untuk mengeluarkan, menzahirkan maklumat tersebut ataupun kalau pegawai sebagai contoh telah meninggal dunia, maka yang membuat permintaan itu adalah penjaga yang sah kepada pihak ketiga atau waris yang sah atau pentadbir yang sah kepada pihak tersebut. Jadi peruntukan di atas iaitu seksyen 13 Enakmen FOI menyatakan pemberi, apa yang kita katakan hak ataupun mengehadkan pendedahan maklumat peribadi. Walau bagaimanapun, kerana perkara ini telah dibangkitkan saya rasa bukan kali ini tetapi sebelum ini, saya telah juga melihat beberapa garis panduan *guideline* khasnya di United Kingdom (dengan izinnya) memang kita boleh mencari jalan di mana sebahagian maklumat itu boleh dizahirkan. Sebagai contohnya, kalau kita lihat di United Kingdom gaji terperinci atau *expect salary* tidak, kalau mengikut *guideline* nya tidak diberi tetapi ia memberi satu lingkungan ataupun *urban*. Kalau kalau di United Kingdom dia ada pelbagai, ia memang ada banyak jadual *annex* dan sebagainya. Keseluruhannya *what can* (dengan izin ) *what can do what weekend the ban*. Dan walau bagaimanapun ini belum, kita belum bincangkan atau masukkan dalam jadual Enakmen Kebebasan Maklumat dan saya rasa ini adalah satu tindakan ataupun langkah yang wajar, di mana pihak yang ada kepentingan yang ingin mendapat maklumat tersebut kita boleh apa, *we can give dam premeter* maksudnya kita bukan menyekat tetapi hanya mengehadkan demi menjaga kepentingan orang-orang di mana maklumat itu diminta.

**Y.B. PUAN YEO BE YIN :** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku duduk dahulu. Damansara Utama bangun dahulu

**Y.B. PUAN YEO BE YIN :** Terima kasih

**TUAN SPEAKER :** Silakan Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BE YIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Apa yang dalam ucapan saya bukan semua kakitangan kerajaan, kakitangan anak syarikat tapi Ahli Lembaga Pengarah anak-anak syarikat bahawa ia kena terbuka.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Kalau kita lihat

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Minta penjelasan lagi ialah Ahli Lembaga Pengarah yang menjadi di anak-anak syarikat elauan dan gaji yang dia ambil dari anak syarikat sahaja bukan "*the whole of the income*". Apa yang dia dapat anak-anak syarikat sahaja. So sebagai contoh apa yang Ahli Dewan Undangan Negeri so gaji kita

terbuka seluruh dunia tahu so boleh tak anak-anak syarikat Ahli Lembaga Pengarah sahaja tetapi untuk terbuka bukan tersekut dalam FOI.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Damansara Utama. Damansara Utama telah membangkitkan satu contoh yang memang bagus because “*exactly it is more problemetic*” dengan izin ya “*I will speak ini English it is more problem metric because you are asking individual who is hold of the Director relist information which is shucking many-many places. So just to take your example.*” Ok.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** No, no dengan izin *I'm not talking about his whole income of under place only that income draw from GLC itself.*

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** *Why this is even worse because you are asking individual to this close but however.*

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** *No I asking anak-anak syarikat to this close what they give to Ahli Lembaga Pengarah. Not individual.*

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** *That is different, there is different, I go back to Bahasa Malaysia. Jadi apa yang saya ingin cadangkan adalah kalau kita lihat contoh-contoh yang kita ada khasnya di luar negara the exact salary I'm talking about salary not about elau. Salary itu tidak disebut tapi disebut dalam lingkungan that mines they put in the bank and so it depend.*

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Sebagai contohnya 5,000 sampai 10,000. So kalau *if you can not look the UK example even for public serving is they do not state not for all the jawatan but they have stent excess in your public figure.*

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Kalau contoh macam itu adakah FOI akan menyekat pendedahan maklumat seperti berikut...

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** *So sorry, maaf jadi ianya saya rasa ini pendapat saya kita boleh keluarkan maklumat tersebut isunya adalah ianya perlu dimasukkan dalam ini. So what we have to do it putting in they must be dengan izin sorry Damansara Utama memang ada exportation there is the right private so I'm talking about general I'm not talking about Lembaga sahaja. Whether is penjawat awam whether is staff, whether GLC, whether Pengarah GLC, whether is the clerk or driver or consultant. So when they have.....*

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Tetapi itu bukan dalam ucapan saya. Apa yang kita nak ialah Ahli Lembaga Pengarah GLC.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** *Ok, but I'm talking as the hold because can not pick one if your not this close you should as much as possible.*

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Itu selaras dengan *state government*.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Yes.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Kita nak Ahli Lembaga Pengarah GLC.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** *But I'm talking as a hold because can not pick one if they not close as much as possible.*

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Itu selaras dengan *corporate government*.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Yes.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** So Ahli Lembaga Pengarah sahaja, mereka tidak semua gaji-gaji yang lain tetapi Ahli Lembaga Pengarah ke ada satu, kalau tidak boleh exact nombor tapi bank itu sangat praktik.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** *I think the bank is externally to GLC and also I think in public servant . Pity yang ada jawatan yang tertentu. That mines we do not if I look at the example in the UK.*

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Boleh mencelah.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** *Let me finish answer Damansara Utama. So the example those are not public maksudnya bukan wajar kepada orang awam it's not a public face of department. It ministry even put the jawatan do not the close just the bank, salary etc that. We look the different to study how we can make this kita boleh menzahirkan maklumat kepada orang awam.*

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Isu ini bermula dalam soalan saya tertulis pada mesyuarat pertama penggal ini dan selepas jawapan yang diterima saya itu, saya telah pun diminta untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan saya telah pun disarankan untuk mengemukakan soalan yang sama tetapi dalam bentuk yang berbeza iaitu meminta supaya mendapat lingkungan ataupun skala gaji yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu. Sebenarnya terdapat satu persetujuan di peringkat itu bahawa maklumat setakat peringkat ini boleh diberi kepada Ahli Dewan termasuk juga termasuk bonus yang dibayar kepada Lembaga Pengarah kepada CEO-CEO dan sebagainya. Dia boleh diberi dalam bentuk lingkungan skala antara satu bulan hingga setengah bulan macam itu. Itu telah dipersetujui malangnya ialah soalan ini telah pun saya bentangkan dalam mesyuarat kedua dan jawapan yang saya terima

ialah masih sama seperti jawapan untuk mesyuarat pertama. Saya beranggapan bahawa cadangan daripada Yang Berhormat EXCO. Oleh itu satu cadangan yang sangat berasas kerana kalau kita ikut senarai jawatan di sini pun pegawai tertinggi sehingga pegawai terendah pun gred 11, gred 17, gred 54 dan ada gaji maksimum dan gaji minimum. Dan ada kadar kenaikan gaji tahunan juga dan jadi saya rasa ini adalah satu cara yang sangat *transparent* saya memohon sangat supaya Yang Berhormat EXCO boleh menolong dengan memberi perhatian sepenuhnya terhadap permintaan ini dan sekiranya boleh dilaksanakan kami akan mengemukakan soalan dan bertanyakan soalan dengan *expectation* yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku dan Bukit Lanjan boleh tunggu sekejap. Duduk sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan dewan masih panjang maka dewan perlu disambung saya persilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar membawakan usul ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut bahwasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai penggulungan daripada pihak kerajaan pada hari ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui. Silakan Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin menyambung dengan jawapan kepada Kampung Tunku, saya tidak tahu apa yang telah berlaku. Mesyuarat pertama dan kedua dan saya dengan izin *not preview the information that you reserve so that is your information*. Namun begitu apa yang saya telah sebut tadi iaitu maklumat yang boleh diberi dalam lingkungan itu memang satu perkara yang saya baru bincang dengan pegawai undang-undang selepas ucapan kedua-dua pihak iaitu daripada Damansara Utama dan juga Kampung Tunku. Dan kita akan melihat macam mana perkara ini boleh dilaksanakan secepat mungkin. Keduanya saya rasa ini dibangkit oleh Kampung Tunku iaitu sama ada kausa mengenai kebebasan maklumat wajar dimasukkan dalam perjanjian-perjanjian yang kerahsiaan bukan kebebasan maklumat iaitu perjanjian-perjanjian yang dibuat antara Kerajaan Negeri dan juga GLC. Jadi bagi semua *instrument* perundungan yang dimeterai terutamanya yang mempunyai hubungan kontrak lazimnya peruntukan mengenai kerahsiaan akan dimasukkan bagi mengikat pihak-pihak untuk mematuhiinya. Dalam keadaan ini sekiranya kebebasan maklumat hendak diaplikasikan pemakaianya maka pihak yang lagi satu hendaklah terlebih dahulu

bersetuju terhadap pendedahan atau pun penzahiran maklumat tersebut. Proses kerahsiaan ini merupakan peruntukan standard yang bukan sahaja termaktub dalam perjanjian-perjanjian domestik malah turut diguna pakai di peringkat global dan antarabangsa. Ini menunjukkan kepentingannya untuk memelihara kerahsiaan kandungan perjanjian oleh pihak-pihak dan maklumat tersebut hendaklah dianggap sulit. Perkataan maklumat sulit termasuklah semua pengetahuan, rundingan, kebolehan teknikal rahsia perniagaan dan maklumat-maklumat lain yang mempunyai nilai komersial yang berkaitan dengan cadangan projek atau projek sebenar termasuklah peluang-peluang perniagaan yang berpotensi yang disampaikan oleh pihak-pihak atau sebaliknya atau diperolehi secara pemerhatian atau dengan apa juga cara-cara lain. Sehubungan itu kebebasan untuk mendedahkan maklumat hendaklah pada setiap masa tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak yang berkontrak dan ini merupakan hak dan keistimewaan dengan izin *bridge and preveligion* yang diperuntukkan kepada pihak-pihak berkontrak. Jadi sekarang ini kerana kita yang menggubalkan Enakmen Kebebasan Maklumat dan kita di sini yang meluluskan enakmen tersebut. Kita boleh menekan dan masukkan kausa ini Cuma kalau dalam keadaan di mana di *contracting partner* dengan izinnya tidak setuju maka kita perlu melihat macam mana *negotiation* antara dua pihak atau lebih daripada itu apa hasilnya. Sebagai contohnya saya ingin sebut satu contoh saya rasa kebanyakan ADUN-ADUN kita di sini dah tahu iaitu perjanjian air antara Kerajaan Negeri Selangor antara pihak Syabas pada suatu ketika dan juga kerajaan persekutuan semasa sebelum tahun 2008 memang masa itu ada satu NGO yang membawa semua pihak ke mahkamah untuk mendedahkan apa yang ada di dalam perjanjian tersebut. Selepas 2008 maka Kerajaan Negeri pada masa itu merasakan wajar bagi kepentingan awam untuk mendedahkan maklumat tersebut. Walau bagaimanapun pihak Syabas pada ketika itu dan juga kerajaan persekutuan tidak bersetuju selepas beberapa tahun pun sahaja pihak Syabas bersetuju tapi ada pihak ketiga yang tidak setuju. *This is the cain that issues will have one older intention dengan izin Tuan Speaker the intention of the government of state is to relist to much possible some of agreement and also some of the detail of agreement two parti.* Dua-dua pihak ataupun lebihan pihak juga mesti setuju pada itu. Walau bagaimana pun ini perkara saya akan bincang sekali lagi dengan pihak Pejabat Dato' Menteri Besar di mana macam mana kita boleh cari jalan untuk mengeluarkan atau menzahirkan seberapa boleh maklumat yang ada kepentingan awam untuk dimasukkan sebelum perjanjian yang akan datang ditandatangani.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** *Assalamualaikum warahmatulhi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Speaker dan rakan-rakan ahli dewan yang dihormati sekalian. Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana belanjawan Negeri Selangor 2016 telah pun berjaya dibentangkan dengan bertemakan membangun *Smart Selangor* yang peduli yang benar-benar kita dapat rasakan yang ianya digerakkan dengan mengambil kira denyut nadi rakyat yang

sekarang ini riuh rendah, suka gembira disambut oleh rakyat jelata. Alhamdulillah dengan hasil yang begitu besar yang dikurniakan oleh Allah SWT kita turun, kongsi dan dapat dirasai oleh rakyat kebanyakannya saya tertarik bila mana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di akhir ucapannya membaca ayat Al-Quran mukarim yang berbunyi: (**bahasa Arab**) Supaya harta kekayaan yang kita kecapi ini tidak berlegar di kalangan kaya di kalangan kamu. Alhamdulillahlah mudah-mudahan ia dapat dilaksanakan dengan terbaik. Terima kasih juga rakan-rakan ahli dewan yang juga banyak menyentuh berkenaan dengan portfolio jawatankuasa tetap infrastruktur dan kemudahan awam, pemodenan pertanian dan industri asas tani. Kalau kita perlu melihat kepada belanjawan Selangor 2016 kini juga satu peratusan yang cukup besar diberikan kepada pembangunan infrastruktur termasuk juga permasalahan banjir yang dibangkitkan oleh ramai rakan-rakan ahli dewan khususnya dari Kajang, Sri Andalas, Sungai Panjang, Kinrara dan juga Puchong dengan melihatkan kepada bajet untuk tambatan banjir sahaja yang ditingkatkan sehingga 70.2% menunjukkan bagaimana Kerajaan Negeri Selangor betul-betul prihatin dan serius untuk menangani permasalahan banjir ini dan juga dengan peningkatan sehingga RM24 juta untuk perbelanjaan mengurus, penyelenggaraan kolam-kolam takungan. Ahli-ahli dewan, Tuan Speaker, sekalian, ada beberapa isu yang dibangkitkan oleh rakan-rakan ahli dewan antaranya daripada Sg. Panjang yang membangkitkan perihal projek ROL yang dikhuatiri akan bertindih dengan projek-projek yang akan dirancang oleh Kerajaan Negeri, untuk pengetahuan Sg. Panjang bahawa projek *River of Life* ini merangkumi hanya Sungai Klang sehingga sempadan daerah Gombak dan ia telah pun dipastikan tidak ada berlaku penindihan. Dan juga berkaitan dengan peruntukan pembangunan, berkaitan dengan tebing pesisiran pantai di Sabak Bernam, ia akan dilihat kesesuaian untuk dipohon di bawah peruntukan Pembangunan Negeri P13 yang telah pun dimasukkan beberapa projek termasuklah rancangan tebatan banjir daerah Sabak Bernam yang berjumlah RM12 juta, kawalan hakisan dan memperkuatkan benteng pantai yang berjumlah RM3.5 juta dan pemuliharaan pantai Sabak Bernam yang berjumlah RM1.5 juta.

Tuan Speaker, Kinrara ada membangkitkan berkenaan dengan kolam takungan yang baru dan Kinrara juga membangkitkan berkenaan dengan pembangunan yang tidak tersusun dan tidak terancang dan juga pematuhan-pematuhan di atas prosedur-prosedur yang dilanggar dan Kinrara juga mengambil contoh pembangunan LRT dan sebagainya yang untuk pengetahuan sidang dewan sekalian, Kerajaan Negeri Selangor telah pun menujuhkan *task force* tebatan banjir yang berdasarkan kepada gerak kerja 6P termasuklah pemantauan dan juga penguatkuasaan. Atas dasar itu, kita telah adakan satu aktiviti yang disebut sebagai *OPS Lumpur* dan secara spesifiknya telah pun mengadakan operasi bagi insiden banjir di Jalan USJ 20 Subang Jaya dan memang kita dapati bahawa projek-projek yang dibangunkan, yang sedang berlangsung sekarang ini termasuklah projek-projek LRT yang disebutkan secara spesifik di sini, melanggari beberapa prosedur-prosedur. Dan sebab itulah atas keprihatinan ini dan keberkesanan yang dapat dirasai hasil daripada mesyuarat secara bersama dengan semua agensi dalam *task force* tebatan

banjir dan adanya aktiviti *OPS Lumpur* ini disarankan supaya *task force* tebatan banjir ini juga akan diwujudkan di peringkat daerah. Semenyih ada membangkitkan berkenaan dengan sungai yang adanya permasalahan sampah. Tidak dinafikan salah satu punca berlakunya banjir adalah disebabkan oleh sampah yang terlalu banyak hingga mengganggu kelancaran pengaliran air ke sungai, justeru itu pihak Kerajaan Negeri telah pun mengambil pendekatan melalui cadangan pembinaan dan menaik taraf perangkap sampah di pelbagai daerah. Ia merupakan salah satu agenda di bawah Bajet 2016. Begitu juga Dusun Tua membangkitkan berkenaan dengan pemuliharaan sungai. Antaranya Sungai Klang. Jadi, Kerajaan Negeri Selangor sedang giat juga untuk berusaha mewartakan sungai-sungai serta *water bodies* untuk mengekalkan daripada dicerobohi dan dicemari oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan juga memastikan segala aktiviti yang boleh mencemarkan sungai dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan untuk diambil tindakan terhadap pelaku begitu juga melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan sungai melalui JPS di peringkat daerah.

Tuan Speaker, berkaitan dengan jalan raya, ramai juga rakan-rakan ahli dewan yang melahirkan ketidakpuasan hati berkenaan dengan kualiti turapan begitu juga dengan prestasi kontraktor dalam membuat kerja-kerja penurapan seperti yang kita sedia maklum, bermula dari tahun ini, kita telah mengadakan satu perkara yang baru iaitu kursus kualiti dalam kerja penurapan jalan yang kita adakan secara usaha sama dengan IKRAM, bertempat di IKRAM, *Skill Retraining Academic* sendiri yang kita mensasarkan sehingga 1000 peserta, 500 daripada kerajaan, JKR, PBT dan 500 daripada swasta dan banyak sebenarnya hasil daripada penelitian setelah kita membuat kursus kualiti dalam kerja penurapan jalan ini, yang mana dari sudut kadar kelulusan peserta hanya 71.1% sahaja dan hasil daripada kursus ini, mereka mendapat banyak pengalaman dan..

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Speaker

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Sekejap lagi.. pengalaman dan juga perkara-perkara yang perlu diambil oleh mereka untuk memastikan kualiti jalan ini dipertingkatkan dan *InshaAllah* akan datang kita akan memastikan ini satu perkara yang wajib dilalui oleh kontraktor-kontraktor dan semua yang terlibat dengan penurapan jalan.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO mengenai komen kualiti jalan yang telah diturap kurang memuaskan. Adakah pihak kerajaan pernah membuat perbandingan dengan cara ataupun mekanisme penurapan jalan antara negeri Selangor dengan negeri lain yang mungkin kualiti penurapan yang lebih baik? Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Balakong. Untuk pengetahuan, bahawa pegawai-pegawai yang berada di Jabatan Kerja Raya ialah

mereka adalah merupakan yang berpengalaman yang datang daripada pelbagai negeri dan pelbagai peringkat. Dan Selangor juga adalah merupakan di antara yang ternama dalam pengalaman dan ilmu penurapan ini. Sebab itu, sebenarnya hasil daripada pengalaman-pengalaman yang dikutip, disusun ini, dalam kursus kualiti dalam kerja penurapan jalan ini didapati banyak perkara-perkara kelompangkan-kelompangan ataupun ketidaktahuan di kalangan kontraktor-kontraktor dan juga pegawai-pegawai yang terlibat dengan kerja-kerja penurapan jalan. Jadi, dengan kita meneruskan program ini, dan juga mewajibkan untuk masa yang akan datang, ia mampu untuk memberikan kesan yang terbaik. Begitu juga dengan cara tender, kalau sebelum ini, tender yang diserahkan sebagai paling minimum itu diberikan peluang dengan kita telah diperkenalkan dengan *modified cut off* ini juga telah kita dapat lihat kesannya yang mana prestasi kontraktor-kontraktor ini telah dilihat akan kemajuan. Begitu juga dengan beberapa perkara lain yang disentuh seperti yang disentuh oleh Sg. Burong, kita menghargai cadangan supaya kualiti jalan di bandar dan luar bandar ini tidak jauh dari sudut julat bezanya iaitu akan diambil kira dengan pandangan daripada Sg. Burong bahawa dari sudut kesan ataupun kegunaan tidak jauh bezanya di antara luar bandar dan dalam bandar walhal dari sudut spesifikasinya berbeza. Begitu juga dengan Morib yang membangkitkan berkenaan dengan penawaran kontrak kepada penender dengan tawaran yang terendah itu seperti saya sebutkan tadi, kita dapat lihat sekarang ini dengan *modified cut off* itu telah memberi pun kesan yang baik kepada penurapan jalan. Saya berpindah kepada rakan..

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Boleh minta penjelasan sikit ya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Silakan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Yang Berhormat, satu pandangan yang kalau boleh diambil kira oleh pihak Kementerian ataupun Jabatan Kerja Raya ialah bila proses untuk menaik taraf ataupun menurap semula jalan-jalan luar bandar, isu yang timbul ialah bahu jalan. Jadi, ini pun satu masalah juga. Kalau boleh apa-apa kelulusan diberi kepada menaik taraf ataupun menurap semula kena juga ada satu juga kos untuk meninggikan bahu jalan sebab maklumlah di kampung kadang-kadang motosikal ni dia lalu tepi dia boleh jatuh jadi kalau boleh itu juga diambil kira sebahagian daripada kos apabila memberikan kelulusan kepada projek-projek menurap semula jalan ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Permatang. Untuk pengetahuan sidang dewan sekalian, Kerajaan Negeri sekarang sedang merangka untuk kontrak jangka panjang selenggara jalan negeri yang kontrak sebelum ini akan tamat dalam tempoh tahun ini dan di antara skop kerja tambahan pembaik pulih bahu jalan dimasukkan dalam kontrak konsesi selenggara jalan negeri untuk akan datang. Begitu juga dengan yang dibangkitkan sebelum ini tentang jalan-jalan, pendaftaran jalan MARRIS juga kita juga sedang membuat satu rancangan untuk

kita *outsource* kan pencerapan data-data jalan-jalan kampung bagi tujuan pendaftaran MARRIS yang telah pun berjaya dibuat di negeri-negeri yang lain. Jadi, Tuan Speaker dan rakan-rakan ahli dewan sekalian, itulah 2 perkara dahulu sebelum saya berpindah ke perkara lain berkaitan dengan jalan raya yang dikendalikan oleh agensi JKR begitu juga dengan banjir dan untuk pengetahuan, suka saya berkongsi bahawa berkaitan dengan banjir ini dalam bulan Januari kita akan mengadakan satu simposium *Selangor International Simposium On Flash Flood* untuk kita berkongsi dengan pakar-pakar dari luar negara berkenaan dengan *success story, case study* untuk kita pastikan permasalahan banjir yang menghantui kita ini dapat kita selesaikan.

Yang ketiga, saya ingin berpindah kepada isu yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Teratai yang berkaitan dengan pencawang masuk utama PMU, Mahkota Cheras, 275KV yang sekarang ini dari sudut kerja-kerja nya telah pun berjalan yang kita tahu bahawa PMU, Mahkota Cheras ini sangat penting untuk kemajuan ataupun masalah kepentingan negeri Selangor yang akan membekalkan tenaga elektrik kepada Loji Rawatan Air Langat 2 yang semua kita maklum bahawa akan mula operasi *InsyaAllah latest..*

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Minta mencelah

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB :** Pun paling lambat 2019 dan juga projek MRT 2 pada 2017. Jadi, ia merupakan satu perkara yang sangat penting.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Minta celah. Terima kasih. Saya ingin tanya Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan keputusan supaya pihak TNB mengemukakan laporan EIA, dengan izin, dan juga SIA yang sepatutnya dikemukakan oleh TNB sebelum keputusan Kerajaan Negeri dilakukan. Sama ada kedua-dua laporan ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan sekiranya ada, sama ada kedua-kedua laporan ini boleh dikemukakan kepada orang awam? Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Teratai. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, pertama kita perlu memahami bahawa pencawang masuk utama PMU, Mahkota Cheras ini sangat penting untuk kemajuan negeri Selangor. Dengan tidak adanya 275KV ini mana mungkin Loji Rawatan Air Langat 2 begitu juga dengan MRT 2 itu dapat..saya tahu, saya akan pergi kepada jawapan. Jadi, sangat penting, itu adalah merupakan satu masalah umum yang perlu dilihat dalam masa yang sama juga kita tidak meminggirkan pandangan dan juga kesulitan yang dihadapi oleh rakyat sebagaimana yang selalu disebut oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar di Selangor ini, tema Belanjawan 2015 pembangunan berkualiti, rakyat dipeduli. Dalam tahun ini juga dia sebut tentang membangun *Smart Selangor* yang peduli dan sebagainya. Itu adalah merupakan sebahagian daripada proses *engagement* ataupun kebersamaan, pandangan dengan rakyat dan sebagainya. Berbalik kepada

persoalan Teratai tadi, saya melihat kepada beberapa minit-minit mesyuarat yang agak tebal, bermula mungkin lebih awal tapi dalam simpanan saya sejak 2011 lagi, ada beberapa minit-minit, keputusan-keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor begitu juga dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan untuk pengetahuan Teratai yang saya boleh berkongsi, ada memang, ada satu keputusan supaya TNB mengemukakan laporan EIA dan juga SIA dan ada minit yang kemudiannya mengatakan, oleh sebab TNB dia tidak melalui jajarannya melibatkan kawasan-kawasan perumahan, dia hanya melibatkan kawasan hutan hijau, maka ada keputusan supaya cukup dengan TNB mengemukakan *Environment Management Plan*, ENP, dengan izin, dan ENP itu juga telah pun dilunaskan janjinya oleh TNB dengan mengemukakan *Environment Management Plan* kepada Kerajaan Negeri.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Mcelah. Yang Berhormat EXCO apa yang berlaku ialah, apabila kita turun padang, memang di hadapan mata kita, laluan TNB itu melalui kawasan perumahan dan sangat dekat dengan penduduk. Sekiranya hari itu, jutaan terima kasih kepada Y.B. sebab turun padang. Di hadapan mata kita adalah TNB palon yang besar bukan pencawang elektrik yang kecil. Jadi, sebenarnya terdapat laluan-laluan yang telah dicadangkan oleh penduduk. Dua laluan yang memang tidak lalui kawasan perumahan. Sekarang salah satu taman di DUN Teratai, Taman Cheras Hartamas dibalut, saya kena guna perkataan ‘dibalut’ sebab memang pencawang TNB palon itu mengelilingi Taman Cheras Hartamas tersebut dan apa yang berlaku ialah apabila TNB memasang satu *footing* yang tidak mengikuti pelan, pelan yang dikemukakan tiba-tiba sekarang disebabkan penebangan pokok-pokok secara berleluasa terdapat tanah runtuhan pula yang berlaku di mana tanah di masuk, telah masuk, mengalir masuk ke dalam rumah-rumah penduduk. Jadi, sememangnya penduduk, saya rasa penduduk-penduduk di DUN Teratai tidak membantah dan tahu kepentingan untuk PAMU Mahkota Cheras itu. Persoalannya sama ada Kerajaan Negeri mendengar pandangan penduduk dan bukan hanya sekadar mendengar daripada TNB sahaja yang mengemukakan laporan mengikut bilangan mesyuarat ataupun perjumpaan yang diadakan dan bukan merit ataupun keputusan yang dibuat semasa perjumpaan ataupun mesyuarat diadakan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Teratai. Ya lah Teratai memang hasil daripada perbincangan dan juga temu sua dengan penduduk beliau cukup prihatin di atas persoalan ini dan saya sendiri pun sebagai EXCO turun bersama dan mendengar sendiri luahan para penduduk tentang kerisauan akan berlakunya perkara-perkara yang tidak baik kepada alam sekitar dan juga menjelaskan kemakmuran mereka sendiri. Dan seperti mana yang kita tau bahawa peranan kerajaan mengambil kira semua perkara termasuk juga pandangan daripada penduduk, begitu juga pandangan daripada pihak-pihak yang pakar seperti mana kalau bab cerun ini kita dah lihat pembentangan daripada IKRAM, begitu juga dengan kesan EMF daripada UNITEN, daripada TNB sendiri dan persoalan tentang berlakunya ketidakpatuhan tanah runtuhan dan sebagainya, saya sendiri bersama

dengan Teratai, Y.B., begitu juga bersama dengan Jabatan Hutan, kita memberikan komitmen sepenuhnya atas kepatuhan itu. Dan Jabatan Hutan kalau tidak silap ingatan saya meletakkan pegawai 24 jam untuk memantau supaya tidak ada berlaku penyelewengan dari sudut kepatuhan kerja. Dan saya menghargai keprihatinan Teratai dan juga penduduk atas perkara ini dan sudah pastilah dalam kita membuat keputusan sudah pasti ada kos melepas yang tidak boleh kita mengikuti ataupun memenuhi semua kehendak-kehendak, sudah pastilah Kerajaan Negeri telah pun menimbang dan saya kira Teratai juga telah pun dimaklumkan dengan keputusan-keputusan sehinggalah pada mesyuarat-mesyuarat 2014, 2015 dan sebagainya. Walau bagaimanapun,...

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Minta celah. Terima kasih. Y.B. EXCO saya ingin nak bangkitkan satu permintaan. Apa yang berlaku ialah selepas kejadian tanah runtuh yang berlaku di mana telah menyebabkan penduduk tidak dapat tidur sepanjang malam selama lebih kurang satu minggu. Apa yang diminta oleh penduduk ialah untuk memasang ‘kinometer’ iaitu untuk mengesan cara gerak tanah yang disebabkan penebangan pokok-pokok yang di kawasan tersebut telah tidak diambil serius oleh pihak TNB ataupun autoriti yang berkenaan. Ini telah menyebabkan penduduk-penduduk memang berasa tidak puas hati dan mereka sekarang masih dalam keadaan kebimbangan dan ketakutan terutama sekali sekarang ialah musim hujan. Adakah kita nak menunggu sehingga tanah runtuh kali kedua berlaku di kawasan berkenaan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Ok terima kasih Teratai. Ada dua tiga perkara yang berbeza tadi. Pertama dari sudut keputusan kita boleh menerima dan kepatuhan saya memberikan komitmen kepada Teratai pada permasalahan tanah runtuh mungkin secara spesifik boleh berkongsi dengan saya dan kita akan pastikan bahawa kepentingan penghuni di sekitar dan juga bencana tanah runtuh itu dapat kita elakkan sebaik mungkin dengan kerjasama semua pihak. Jadi, saya memberikan komitmen itu kepada Teratai supaya tidak akan berlakunya *Insya-Allah* dengan izin Allah tanah runtuh yang dirisaukan dan mungkin secara spesifik kita boleh melihat kembali apakah sebab dan punca tanah runtuh yang dimaksudkan itu. Terima kasih Teratai.

Seterusnya, saya sedikit berkaitan dengan NRW yang dibangkitkan oleh Sekinchan, Damansara Utama dan sebagainya. Saya kira, saya cuma mengulangi beberapa perkara yang kita telah pun maklum dan saya sendiri pun telah menjawab dalam soalan mulut bahawa Kerajaan Negeri melalui Air Selangor sekarang ini sedang meneliti dan membuat perancangan bagi menentukan garis dasar dan asas untuk pengurangan air tidak berhasil di masa depan melalui model yang bersesuaian seperti kawasan meter daerah ataupun zon meter daerah. Dan yang keduanya, dengan perancangan dan pengurusan NRW yang lebih efisien dan efektif kadar NRW disasarkan turun ke tahap 25% pada tahun 2025. Dan Air Selangor yang mula mengambil alih pengurusan dan operasi SYABAS dari 15 Oktober 2015 juga sedang

mengkaji kesesuaian pelaksanaan NRW yang sedang dilaksanakan oleh SYABAS buat masa ini dan dijangkakan bahawa Air Selangor akan melaksanakan pengurusan NRW secara holistik yang membabitkan kawalan kualiti kerja, komitmen pengurusan dan kakitangan dan juga mengkaji kesemua kesesuaian *out source* secara keseluruhan kerja-kerja NRW seperti yang dilaksanakan oleh SYABAS. Berkaitan dengan gangguan bekalan air, kekerapan gangguan yang berlaku di Negeri Selangor bukanlah semata-mata berpunca dari ketidakcukupan air tetapi ia adalah juga disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya masalah penurunan paras kolam imbangan, kolam air dan juga kolam agihan disebabkan oleh permintaan melebihi daripada pengeluaran air bersih, paip pecah dan bocor di loji rawatan air dan sistem agihan bekalan air, pencemaran air mentah di loji rawatan air, masalah bekalan elektrik (TNB) di loji rawatan air dan juga rumah pam, masalah teknikal seperti masalah peralatan mekanikal dan elektrik di loji rawatan air, rumah pam. Justeru itu, Air Selangor akan meneliti semua aspek berkaitan dengan operasi pengagihan air iaitu dari sumber air mentah bagi rawatan bekalan air sehinggalah air terawat dibekalkan kepada pengguna. Hasil daripada penelitian tersebut, Air Selangor boleh merangka perancangan dan menyiapkan pelan perniagaan tiga tahun dan 30 tahun untuk menentukan perbelanjaan modal CAPEX bagi kerja membaik pulih dan menaik taraf sistem bekalan air termasuk penggantian paip usang secara menyeluruh untuk kelulusan SPAN dan PAB. Dan bagi kawasan-kawasan kritikal dengan kekerapan paip pecah yang tinggi, kebanyakannya yang berlaku disebabkan oleh paip yang digunakan telah pun usang justeru dijangka masa terdekat sementara menunggu program penggantian paip usang, SYABAS telah melaksanakan sistem pengurusan tekanan melalui penubuhan Zon Pengurusan Tekanan (PMZ) dengan pemasangan *pressure reducing valve* dengan izin PRW untuk mengawal tekanan air di kawasan terbabit dan seterusnya meminimumkan kejadian paip pecah dan *Insya-Allah* kita sama-sama berikan pengharapan yang tinggi kepada Air Selangor untuk menguruskan air daripada sumber hingga kepada pengagihan air terawat dan *Insya-Allah* kita doakan mudah-mudahan dapat dilaksanakan dengan baik. Seterusnya, saya kira itu saja sedikit ulasan hasil daripada isu-isu yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Dewan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER : Chempaka.**

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B.-Y.B. sekalian yang telah membangkitkan isu-isu perumahan, pengurusan bangunan dan juga kehidupan bandar. Satu perkara yang ingin saya jelaskan di sini adalah daripada Y.B. Kota Damansara telah membangkitkan projek Kuasa Land di mana dakwaannya adalah bahawa pihak Kuasa Land memberitahu bahawa Kerajaan Negeri tidak menetapkan pada mereka untuk membina rumah di bawah RM150,000.00. Ingin saya menegaskan di sini bahawa menurut Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor pada 10 Februari 2014, di mana di antara syarat-syarat yang kita letakkan

kepada pembangunan projek Kuasa Land Sdn. Bhd. di mukim Sungai Buloh daerah Petaling adalah penyediaan 40% rumah mampu milik yang mesti mengikut konsep Rumah Selangorku. Keseluruhannya menurut perancangan adalah terdapat 23,767 unit rumah di pembangunan Kuasa Land yang merangkumi kawasan Majlis Bandar Raya Shah Alam dan Majlis Bandar Raya Petaling Jaya. Daripada 23,767 sebanyak 9,810 merupakan rumah mampu milik yang perlu dibina oleh pihak Kuasa Land. Tentang usaha daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ataupun GLC di dalam program pembinaan Rumah Selangorku, memang benar kita telah berbincang atau mendapat kerjasama daripada pemaju-pemaju swasta untuk membina Rumah Selangorku. Tapi secara keseluruhannya terdapat 14 projek oleh anak-anak syarikat yang sedang menunggu untuk dibina. Projek-projek tersebut dimajukan oleh PNSB, PKNS dan juga Selaman Sejati Sdn. Bhd. termasuk juga Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. dan Worldwide Holdings. Keseluruhannya, sumbangan ataupun jumlah-jumlah unit rumah yang akan dibina oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ini adalah sebanyak 7,005 unit yang ini termasuk ke dalam program untuk kita memastikan bahawa terdapat rumah-rumah Selangorku yang mampu dimiliki oleh rakyat. Terima kasih kepada Damansara Utama yang telah membangkitkan tentang projek perumahan Darul Ehsan iaitu projek perumahan mangsa banjir di Manik Urai, Kelantan. Projek ini terdapat 60 unit rumah dengan kos asal RM5.69 juta. Walau bagaimanapun, memang benar ianya adalah sedikit terlewat oleh kerana dua perkara. Yang pertamanya adalah dari segi kelulusan daripada Air Kelantan Sdn. Bhd. kita terima lewat iaitu pada 15 Oktober 2015 dan terdapat pindaan kepada *construction* ataupun sistem *water retucilation* iaitu di mana kontraktor atau *design* kita perlu membuat *tapping* bagi setiap rumah iaitu satu saluran masuk paip dari paip utama bagi setiap rumah. Asalnya, kita telah mereka bentuk iaitu satu *tapping* kepada dua rumah. Oleh kerana projek ini adalah projek rumah berkembar ataupun *semi detached*. Selain daripada itu, yang perlu kita tambah adalah keperluan-keperluan infra tambahan untuk memastikan bahawa tidak berlaku banjir di kawasan tersebut dan oleh kerana kos tambahan ataupun oleh kerana kerja-kerja tambahan ini bermakna kos tambahan ataupun VO (*variation order*) adalah RM713,939.39 hampir keseluruhan rumah telah disiapkan yang hanya yang perlu disiapkan adalah kerja-kerja infra dan dijangka bahawa rumah ini...

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tempoh tarikh siap...

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Y.B. EXCO, saya memang lawat di sana tiga minggu sebelum ini. Hanya separuh saja yang siap. Rumah bukan infrastruktur. So, adakah data atau maklumat ini betul?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Yang terkini yang saya dapat bahawa yang bab kerja yang perlu kita selesaikan adalah kerja infrastruktur. Rumah mungkin dari segi *finishing* dan kerja-kerja tambahan yang perlu kita tambah.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Masa saya pergi ada yang belum lagi ada *piling*. So saya tak tau. So, boleh tak Y.B. EXCO untuk meng- *confirm* kan yang ini, maklumat ini?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Memang kita akan pergi tetapi ini laporan yang kita terima.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** *Confirm* kan untuk dari kontraktor. *Thank you.*

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tapi kita tak pakai *piling*. Kita pakai *system building*. Kita pakai MBS.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya, tapi memang tak ada apa-apa. Ada separuh saja ada separuh baru saja *finish clearing* tiga minggu dahulu. So...

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ok. Ya lah, bermakna bahawa *target* kita walau apa pun, *target* kita adalah 15 Disember kita, kita memberi tarikh akhir untuk disiapkan keseluruhan rumah-rumah tersebut. Antara sebab-sebab lain adalah kelewatan adalah kerana terdapat peneroka bandar yang tidak dapat kita alihkan. Inilah antara perkara-perkara yang menyebabkan kenapa projek itu telah terlewat. Terima kasih kepada Permatang yang telah membangkitkan tentang isu ataupun projek Taman Sungai U Indah. Projek Taman Sungai U Indah ni jumlah asalnya adalah sebanyak 499 unit di mana yang telah dijual adalah sebanyak 107 unit. Dia ada dua fasa iaitu fasa 1A, kos rendah 80% siap sebanyak 107 unit dan sekarang ini kita punya strategi oleh kerana projek ini terbengkalai iaitu projek PNSB bersama JV *partner* nya Serambi Padu adalah untuk kita *convert* ataupun tukar kepada rumah kos rendah bersama-sama kita tukar kepada Rumah Kos Sederhana Rendah dan juga Rumah Teres Mampu Milik. Sekarang ini ada 107 unit Rumah Teres Kos Rendah dah 80% siap, yang ini kita akan pindahkan mereka yang membeli Rumah Kos Rendah ini ke-107 unit ini tetapi asalnya ada 120 Rumah Teres Kos Sederhana yang juga telah 70% siap, yang ini kita akan *convert* dengan izin kepada Rumah Kos Sederhana dengan kita menambah *finishing* dan juga 272 Rumah Teres Mampu Milik yang belum lagi dibina ini juga kita akan tukar kepada rumah dengan kos yang lebih tinggi daripada teres kos sederhana. Masalahnya adalah projek ini defisit jadi kita perlukan tambahan ataupun defisitlah so kita perlu tambah, kita perlu dapat dana tambahan. Jadi diharapkan dengan kita *convert* 120 unit Rumah Teres Kos Rendah ini kepada Kos Sederhana kita boleh dapat dana tambahan dan 272 unit Rumah Teres Mampu Milik ini juga boleh kita dapat dana tambahan. Sekarang ini adalah dalam proses kita untuk memberi atau mendapatkan kebenaran daripada penduduk ataupun pembeli-pembeli supaya sekarang mereka ini tinggal rumah mereka ini bertabur jadi kita nak pindahkan ke satu tempat supaya yang lain itu kita boleh *convert* ke rumah-rumah lain dan ianya telah mendapat kebenaran merancang daripada Majlis Daerah Kuala Selangor pada 6 April 2015.

Jadi bagaimana kita hendak *convert* walaupun dia punya keluasan sama tapi kita boleh tukar kepada Kos Sederhana dengan kita menambah dia punya kemasan-kemasan di dalam rumah tersebut.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Boleh minta sikit tak Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Ya, silakan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Saya memahami apa yang ada di kekangan-kekangan kewangan sebagainya tapi saya nak mohon kalau boleh yang 107 unit yang dah 80% siap ini kalau boleh didahulukanlah untuk penyiapannya kerana pembeli-pembeli ini ada yang 6 hampir 8 tahun dah membuat bayaran kepada pihak bank jadi kena bayar bank, rumah yang ada kena sewa juga. Jadi kalau boleh beri keutamaan kepada yang 107 unit ini untuk disiapkan seberapa yang bolehlah. Yang lain itu bolehlah dipertimbangkan sebab belum ada lagi pembelinya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Saya setuju tetapi masalahnya yang 107 unit ini mereka yang membeli 107 unit ini ada yang sekarang ini rumah mereka 120 unit yang kita hendak *convert* kepada Rumah Kos Sederhana. Jadi kalau mereka bersetuju untuk tukar rumah mereka yang 107 ini saya rasa tak ada masalah kita boleh dahulukan untuk kita baik pulih atau untuk kita selamatkan ataupun selesaikan yang 107 unit ini. Masih dengan projek terbengkalai, terima kasih kepada Balakong yang telah membangkitkan tentang projek Taman Bahagia Indah di Mukim Cheras iaitu Daerah Hulu Langat. Projek ini adalah projek sakit sebenarnya dan dipantau oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pemajunya ialah Tetuan Bahagia Indah Properties Sdn. Bhd. Dia ada dua, lain pemaju lain pemilik. Pemilik tanahnya adalah Persatuan Penganut Suci Hang Dua Kuala Lumpur dan Selangor. Pihak pemilik tanah mendakwa pemaju telah melanggar syarat dan kerana pemaju telah mencagarkan bank ini mencagarkan tanah kepada bank tanpa kebenaran. Walau bagaimanapun kes ini telah dibawa kepada mahkamah pada 17 Disember 2012. Telah diputuskan supaya projek ini diteruskan tetapi pemilik tanah iaitu Persatuan Penganut Suci Hang Dua Kuala Lumpur dan Selangor ini telah membawa kes ini ke mahkamah rayuan jadi bermakna projek ini tidak boleh *proceed* sehingga mahkamah rayuan membuat keputusan. Jadi bermakna sama-sama kita tunggu tentang keputusan daripada mahkamah rayuan. Berkenaan dengan pengecualian taksiran bagi Rumah Kos Rendah sebelum ini memang kita ada buat suatu skim di mana penduduk boleh meminta yang mereka yang duduk yang tinggal bukan menyewa boleh meminta supaya memohon mendapat pengurangan 25% cukai taksiran. Tapi Alhamdulillah hari ini kita dah melihat hal ini dikecualikan seterusnya untuk tahun 2016 walau bagaimanapun kita tunggulah sama ada ianya akan apa ini dilanjutkanlah. Kenapa pengecualian ini berlaku mungkin kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu dan mengakibatkan rakyat berada di dalam keadaan yang tertekan. Tentang persoalan sama ada ke semua Rumah Kos

Rendah akan dikecualikan. Memang benar kalau kita tengok Rumah Kos Rendah sekarang ada yang nilainya meningkat sehingga RM180,000 hingga RM200,000 walaupun dijual atau dibeli dengan harga RM42,000 dan juga ada Rumah Kos Rendah yang telah *di upgrade* oleh pemiliknya, saya rasa ataupun Kerajaan berpendirian bahawa adalah agak mustahil bagi kita untuk menyiasat setiap isi rumah dan melihat akan setiap nilai rumah untuk kita buat keputusan sama ada nak bagi pengecualian atau tidak. Lebih baik kita bagi kepada sebuah rumah lebih senang dan lebih membantu rakyat. Jadi harapan saya adalah supaya perkara ini mereka telah dapat pengecualian harap mereka dapat bayarlah *maintenance fees*, selama ini mereka kata mereka kena bayar cukai taksiran jadi mereka tak mahu bayar *maintenance fees* kepada TNB dan juga MC. Berkennaan peneroka bandar yang dibangkitkan oleh Hulu Klang yang mahukan penyelesaiannya kita ada dua cara yang bagaimana untuk kita menyelesaikan, yang pertama dengan pemberimilikan tanah seperti mana yang telah kita beri di Sungai Macau, di Sungai Desa, Seroja di Kajang, di Sungai Sireh dan keduanya rumah yang lebih luas bukan Rumah Kos Rendah seperti sebelum ini, contohnya di Kampung Sri Temenggung, di mana peneroka bandar projek ini baru dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa kita telah memberikan peneroka bandar harga khas untuk membeli rumah mampu milik dengan harga RM65,000 walhal orang lain ataupun harga jualan adalah RM180,000 bermakna peneroka bandar di bawah Kerajaan sekarang ini mendapat akan nikmat yang lebihlah daripada sebelumnya. Tentang cukai tanah dan syarat guna tanah memang telah dibangkitkan oleh Bukit Gasing memang telah ada jawatankuasa khas supaya boleh ada syarat guna tanah yang berbeza bagi setiap tingkat. Contohnya kita melihat bahawa kita telah beralih kepada suatu pembangunan yang berbeza daripada dulu di mana contohnya tingkat 1 hingga tingkat 5 sebuah pembangunan itu merupakan perniagaan . Tingkat 6 hingga tingkat 8 institusi mungkin tingkat 9 ke atas adalah kediamannya. Kekangannya adalah kalau berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara ia tidak boleh dilakukan kerana ia dikira sebagai perniagaan atau kediaman kecuali ada peratus yang tertentu. Satu kajian telah dilakukan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor bersama LPHS bagaimana supaya setiap tingkat itu ada syarat yang tertentu ini kita cuba buat dan kekangannya adalah Kanun Tanah Negara tapi kita terus akan mencuba supaya ada mungkin cara-cara di dalamnya macam mana kita boleh memastikan ini dapat dilakukanlah sebab kita juga nak memastikan bahawa pemaju sekarang ini mereka terpaksa ataupun *service apartment* kerana tanah mereka tanah adalah perniagaan tapi mereka hendak buat *mix development* dengan izin ada perniagaan, adas perumahan, mereka tak boleh buat, mereka kena buat *service apartment*. Jadi kalau kita boleh tukar syarat ini atau peraturan ini maka bermakna bahawa kita ada pembangunan yang bercampur-campur. Sekarang ini masalah kalau *service apartment* kalau dia kalau kediaman ada syarat-syarat bahawa mereka kena buat sekolah apabila mereka telah capai penduduk yang tinggi ada dia punya syarat-syaratnya 10,000 ke atas tetapi kalau ianya *service apartment* tidak perlu tetapi masalahnya mereka ini masih lagi tinggal

di situ jadi bermakna rakyat akan berhadapan dengan masalah sebab orang itu ada, penduduk ada ,tetapi tak ada syarat.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Syarat yang boleh mengenakan sebab amat perlu kita tukar peraturan-peraturan ini.

**TUAN SPEAKER** : Chempaka, Kota Anggerik minta mcelah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Terdapat kawasan-kawasan dibina kawasan untuk pangsapuri ini statusnya masih tanah komersial jadi pemilik-pemilik pangsapuri ini terpaksa membayar cukai pada nilai komersial dan usaha-usaha dibuat bagi apa ini untuk perumahan tapi susah untuk dapati macam mana cara untuk membantu mereka.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Ini adalah *serviced apartment* selalunya *serviced apartment* akan menjadi komersial daripada TNB, SYABAS semuanya komersial jadi bermakna inilah masalah dengan *service apartment*. Ada negeri-negeri contohnya seperti di Johor Bahru dan di Melaka dia telah *suspend* atau menggantung kelulusan untuk *serviced apartment* pending satu kajian di peringkat negeri pun telah membawa ke MTES dan sebelum ini dan kajian sedang dilakukanlah tentang syarat-syarat yang perlu ada kat *serviced apartment*. Memang betul, siapa yang duduk di *service apartment* mereka kalau beli mereka ingat mereka beli rumah biasa tapi akhirnya cukai tinggi dan kadar untuk TNB dan SYABAS semuanya tinggi jadi bermakna inilah yang perlu kita selesaikan. Seperkara lagi tentang rumah sesak. Rumah sesak ini.

**TUAN SPEAKER** : Chempaka, Bukit Gasing minta mcelah.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHIYAKARAN** : Terima kasih Yang Berhormat, tapi cadangan saya boleh tak kita tubuhkan satu jawatankuasa sebab saya tahu perkara ini rumit, dia bukan senang kita ada Kanun Tanah Negara dia menjadi *constraint we can not do anything we want* tetapi kita masih ada ruang sebab *Selangor Land Rules* yang di mana kita ada peraturan macam mana cukai tanah dikira perkara itu di bawah bidang kuasa dewan ini, kita boleh mengkaji untuk mengubah cara kita mengira ataupun bilangan kategori tanah yang ada yang dahulunya *residential, commercial, industrial* dan pertanian pun dia ada banyak kategori antaranya padi, kelapa sawit dan itu pun kadar cukai berlainan, kalau pertanian boleh ada banyak sub kategori cukai yang berlainan, *I think* kita boleh tubuh satu *committee* jawapan dia mungkin penyelesaian bukan senang yang mungkin kita bincang pada hari ini tetapi *less looking* tengok macam mana kita boleh tambahkan bilangan kategori supaya akhirnya *the nett* cukai yang dibayar oleh penduduk adalah satu yang kita boleh rasa adalah adil.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Memang ada jawatankuasa yang kita yang telah melaporkan kepada tetapi kita akan teruskan iaitu di bawah *lead* jabatan yang memimpinnya adalah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, tak apa kita akan teruskan dan memang benar ianya rumit tapi kita perlu lakukan. Seterusnya adalah dari segi dakwaan bahawa terdapat rumah mampu milik yang dibina akhir. Memang betul, dulu bukan sekarang Rumah Kos Rendah yang dibina pada tahun 1998 masih ada lagi yang belum dibina dan akhirnya bila tanah itu dijual pemaju yang baru dia lupa atau pun dia kata bahawa dia tak tahu ada Peraturan Rumah Mampu Milik tapi sekarang semuanya kena bina bersama atau bersekali. Tentang yang tadi dibangkitkan oleh Permatang Gold Asset Sdn. Bhd dia sebenarnya ada tiga plot yang berbeza. Dia ada plot yang pertama adalah plot perumahan ada, lepas itu perniagaan, dia ada tiga plotlah. Jadi yang bermakna bahawa tiga plot ini dia mendapat Kebenaran Merancang yang berbeza bukan Kebenaran Merancang yang sama. Jadi bermakna, yang plot ketiga itu adalah untuk Rumah Selangorku jenis C dan jenis D. Jadi ia telah mendapat Kebenaran Merancang diluluskan pada 31 Disember 2014. Jadi bermakna kalau satu (1) plot itu ada Rumah Mampu Milik, Rumah Mampu Milik kena buat dulu atau buat bersekali dengan projek-projek yang ada di atas tapak tersebutlah. Jadi bermakna bahawa kalau dia memang tiga (3) plot Kebenaran Merancang yang berlainan, memanglah kita ingat bahawa kenapa yang itu dahulu tetapi sebenarnya adalah plot yang berbeza. Kebenaran Merancang yang berbeza. Tapi kalau ia di atas satu (1) plot, satu (1) Kebenaran Merancang, Rumah Mampu Milik perlu buat dahulu. Dia tak boleh buat di akhirnya, ya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok, saya nak minta penjelasan sedikit. Saya nak minta penjelasan ini kerana kenapa boleh berlaku keadaan sedemikian? Ada tiga (3) Kebenaran Merancang diberikan? Sedangkan biasanyalah, ini pada fahaman saya, biasanya dalam satu pembangunan yang berskala besar 300 ekar ini biasanya dengan satu (1) Kebenaran Merancang. Biasanya bila mereka mengemukakan Kebenaran Merancang itu terkandung untuk pembangunan 300 ekar sekali termasuk komersial, perumahan kos tinggi dan juga Rumah Mampu Milik yang dikenakan kepada mereka. Jadi apakah ini juga merupakan satu strategi yang digunakan, saya tak menuduh. Tapi apakah ini strategi oleh pemaju-pemaju pula untuk mengelak daripada melaksanakan Rumah Mampu Milik ini? Ini saya nak minta penjelasan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Satu cara yang mungkin digunakan oleh pihak pemaju adalah dengan dia *sub divided* atau memecahkan lot-lot supaya dibuat pada masa yang berbeza. Tapi *Insya-Allah*, pihak Kerajaan Negeri kita memang memantau pada kali ini. Bahawa kalau satu (1) plot kesemuanya perlu dimulakan sekali. Kalau Rumah Mampu Milik dia kena dimulakan bersekali. Saya ambil maklum tentang kes ini dan dalam perhatian saya.

Seterusnya, tentang rumah sesak. Ada di dalam Akta 171 iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976 di mana ditetapkan tentang apa yang dipanggil sebagai "Penuh Sesak" iaitu Seksyen 79, Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan menetapkan bahawa setia 350 kaki padu atau *cubic* ruang dalam kosong rumah tersebut atau mana-mana bilik di dalamnya diduduki lebih daripada satu (1) orang dewasa. Bermakna, 350 *square feet* hanya untuk satu (1) orang sahaja, dengan izin. Kalau kita *translate* atau terjemahkan kepada Rumah Kos Rendah bermaknanya maksima penduduk, ini ikut Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan. Rumah Kos Rendah maksima enam (6) orang sahaja sepatutnya. Rumah Kos Sederhana Rendah, enam (6) orang dan Rumah Kos Sederhana, tujuh (7) orang. Kalau betul-betul kita nak kuatkuasakan Akta ini bermakna tiga (3) suku daripada Rumah Kos Rendah ini semua kena saman. Kena saman apa? Didenda tidak melebihi RM2,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan. Saya rasa ini kalah Pilihan raya kita ini. Jadi bermakna bahawa kita kena tengoklah dalam keadaan negara kita. Kalau kita betul-betul nak ambil tindakan, maknanya enam (6) orang sahaja yang boleh duduk Rumah Kos Rendah. Tapi kita pernah turun ke kawasan-kawasan di mana ada warga-warga asing tapi kita pernah ambil tindakan dan kita pernah turun. Di satu rumah kadangkala kita jumpa dalam 20 hingga 30 orang yang tidur dalam rumah itu yang memang lebih daripada 10 orang atau hampir 20 orang. Yang ini, pihak Lembaga atau pihak Majlis boleh mengambil tindakan kalau sekarang ini dilihat ada beberapa kawasan di negeri Selangor yang sekarang ini terlampau sesak akan kependudukannya. Itu sahaja yang ingin saya gulung.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Mohon mencelah sebab EXCO belum lagi jawab persoalan yang saya bangkitkan berkaitan Rumah Kos Rendah yang dilelong oleh Bank tanpa pengetahuan penghuni. Kemudian, adakah mereka layak untuk mendapat bantuan DanaSel?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Saya baru cakap itu sahaja yang saya nak jawabkan untuk Rumah Sesak. Ada dua (2) lagi iaitu Rumah Pasangan Muda dan juga Rumah Sesak yang mana Yang Amat Berhormat telah kira berapa kenduri dia pergi setiap tahun dan memang betul sekarang ini kita akan gunakan DanaSel itu untuk meletakkan peratusan bagi mereka yang baru kahwin atau pun dari segi umur, memang kita akan tetapkan kuota. Tetapi program baru iaitu program Selangor *Smart Home Buyer*. Selangor *Smart Home Buyer* ini adalah bahawa untuk mereka yang baru nak beli rumah kemudian kita bantu dari segi pendahuluan. Yang ini juga untuk mereka yang baru berkahwin dan pasangan mudalah. Tentang rumah lelong ini, setakat ini DanaSel adalah untuk rumah baru. Tetapi tentang rumah lelong ini apa yang perlu dilakukan dan saya pun baru bincang tadi bahawa kita perlu ada satu skim khas, tabung khas untuk menyelamatkan rumah lelong ini yang dijual dengan harga yang murah daripada terlepas daripada sebenarnya *speculator*. Sebabnya rumah lelong ini apabila dilelong, ia tidak ada lagi peraturan dari segi gaji dan siapa sahaja boleh beli apabila ia telah masuk ke

mahkamah. Jadi bermakna, yang ini *Insya-Allah* Kerajaan Negeri akan *step in*. Kita perlu mewujudkan satu tabung.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Saya dapat ramai yang datang mengadu bahawa rumah-rumah mereka ini dilelong tanpa mereka mengetahuinya seolah-olah ada sindiket yang menjalankan kegiatan mencari rumah-rumah murah ini untuk dilelong. Jadi saya tak tahu sama ada EXCO sedar atau tidak perkara ini berlaku?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Masalahnya dalam banyak kes yang datang kepada kita bahawa kadangkala yang tak bayar itu, ya lah kalau bayar tiga (3), empat (4) bulan tak bayar itu kita boleh mengatakan bahawa ini adalah satu sindiket. Dia tengok tiga (3), empat (4) bulan tak bayar, terus dia bawa ke mahkamah. Tetapi ada yang berbulan-bulan yang tak bayar juga. Saya ambil maklum perkara tersebut dalam kita merangka akan program untuk menyelamatkan rumah lelong ini, kita akan mengambil kira sama ada ianya merupakan satu sindiketlah untuk memastikan bahawa mereka dapat membeli rumah lelong ini dengan harga yang murah.

Satu lagi adalah tentang tanah-tanah rizab Melayu yang terbiar. Pihak Kerajaan Negeri atau Lembaga Perumahan pernah membuat lawatan ke Melaka di mana ia ada satu Perbadanan untuk membangunkan dipanggil PERTAM, membangunkan tanah-tanah adat Melaka. Jadi mungkin perkara yang sama boleh kita laksanakan untuk kita memastikan bahawa tanah-tanah rizab Melayu yang berpotensi ini dapat dibangunkan dengan sempurnalah bukan mereka pemiliknya ditipu dan sebagainya. Saya rasa saya telah menjawab semua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Ada banyak *input* yang telah saya dapat. *Insya-Allah*, kita akan gunakan *input* itu untuk kita memastikanlah bahawa kita dapat terus membantu rakyat. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya bersyukur kerana sekarang tiba giliran saya untuk menggulung perbahasan. Namun, saya tidak berhasrat untuk berdiri selama dua (2) jam lagi pada petang ini untuk menggulung kerana rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat EXCO telah pun memberikan *respond* kepada perbahasan yang telah pun berlangsung selama beberapa hari yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada 32 orang Ahli Dewan Negeri yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2016 Negeri Selangor yang bertemakan "Membangun *Smart* Selangor Yang Peduli" sebagai satu visi jangka panjang bagi memastikan negeri mencapai *Smart State*. Usaha ini didasari oleh lima (5) strategi utama bersepada yang akan merancakkan lagi pembangunan

negeri dari segi perkakasan, infrastruktur, aplikasi dan program dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial, pembangunan komuniti dan kebajikan.

Kerajaan Negeri menerima baik teguran dan pandangan yang bertujuan untuk menjamin belanjawan 2016 ini dapat diterjemahkan dalam bentuk program dan juga pembangunan yang akan menjamin kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Banyak inisiatif yang telah kita bentangkan dalam Dewan ini dan mendapat *respond* yang cukup positif dan di antaranya sebagai permulaan penggulungan pada petang ini, Kerajaan Negeri telah pun mengumumkan mulai tahun hadapan kita akan mengiktiraf Sijil UEC yang telah pun dikupas dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Seri Setia. Apabila Kerajaan Negeri, pentadbiran hari ini mengumumkan inisiatif-inisiatif yang sebegini, ianya mendapat *respond* yang cukup positif bukan sahaja dalam negara tetapi luar negara. Saya baru lihat kenyataan yang terbaru daripada Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adnan Satim hari ini menyelar polisi Putrajaya yang tidak mengiktiraf UEC di sekolah Cina dan menggelar ia sebagai bodoh dan tidak berasas. Apa kata Ketua Menteri Sarawak, Presiden PBB mewakili Barisan Nasional, “Saya tidak peduli apa yang Kerajaan Persekutuan buat tetapi saya fikir itu bodoh” dan ini sebagai *respond* terhadap keputusan Kerajaan Negeri yang telah pun mengiktiraf Sijil UEC dalam sidang kali ini.

Yang Berhormat Speaker, saya juga menghargai usaha kita bersama untuk menjamin prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri dan saya telah mencerakinkan tiga (3) prinsip utama kebertanggungjawaban iaitu *ex-ante Accountability, concurrent Accountability and Ex-post Accountability* dalam proses kitaran belanjawan yang menjadi teras utama pentadbiran Kerajaan Negeri. Saya juga ingin menyatakan bahawa beberapa pandangan telah kita terima khususnya daripada Yang Berhormat Kajang, Yang Berhormat Damansara Utama, Yang Berhormat Bukit Gasing dan beberapa Yang Berhormat lain tentang keperluan untuk operasi DEIG itu dapat menjamin *the highest form of governance*. Saya ingin mengulangi kerana Damansara Utama ingin mengetahui apakah kedudukannya sekarang. Saya telah menjawab apa yang dijawab dalam sesi yang lepas dan kemudian dibuat secara bertulis. Itulah penjelasan yang saya buat secara tuntas dan segera sebaik sahaja penyata dibentangkan kerana kalau mengikut Peraturan Dewan, sesuatu penyata yang dibentangkan itu, Kerajaan Negeri tidak perlu memberikan *respond* dalam sesi yang sama. Ianya perlu dibuat dalam sesi yang akan datang tetapi khusus untuk penyata berhubung DEIG apabila saya melihat perbahasan itu perlu diberikan penjelasan segera saya telah meminta keizinan Speaker pada ketika itu untuk memberikan *respond*. Jadi dalam kenyataan bertulis yang dikemukakan ialah kita telah memberikan penjelasan panjang lebar dalam sesi yang lepas. Namun tentang status operasi DEIG ini ialah struktur DEIG yang kita berikan jaminan mesti telus dan bertanggungjawab itu telah pun disiapkan kerangkanya dan kita akan merujuk kepada Kamar Undang-Undang Negeri untuk mendapatkan maklum balas dari segi perundangan sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah MBI dan kemudian

di bawa dalam perbahasan dan perbincangan di dalam Dewan Negeri ini. Antara cadangan yang sedang diteliti ialah keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah DEIG ini turut dianggotai oleh wakil bebas yang berpengalaman di dalam bidang pelaburan dan korporat di samping penubuhan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Kewangan dan Perolehan, Jawatankuasa Pelantikan dan juga Jawatankuasa Emolumen. Kita juga mahu DEIG ini dipantau perjalanan operasinya oleh satu jawatankuasa yang dilantik oleh Dewan Negeri Selangor termasuk pengauditan yang akan dilakukan oleh Jabatan Audit Negara dan kita mahu badan ini menjadi forum yang cukup teratur bagi memastikan amalan tadbir urus yang terbaik sekali gus menyerlahkan aspek integriti dan ketelusan dalam pengurusan DEIG. Sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa DEIG akan hanya beroperasi apabila segala elemen ketelusan dan sistem tadbir urus korporat yang akan diteliti oleh Kamar Undang-Undang dibincangkan dalam Dewan dan diputuskan sebelum ia nya dilaksanakan sepenuhnya. Saya mengambil maklum dan saya berterima kasih atas pandangan dan nasihat yang diberikan. Fokus, malangnya fokus yang diberikan oleh rakan-rakan di pihak pembangkang lebih kepada soal istilah *Smart Selangor* dan itu menjadikan asas kritikan terhadap belanjawan pada kali ini. Tak apalah bagi saya itu sepak terajan politik mereka sedangkan istilah ini memang diguna pakai termasuk di negara-negara maju seperti di Jerman, Perancis, Jepun dan banyak lagi. Mereka juga menyindir saya ketika pembentangan belanjawan mengatakan saya sebak dan ada yang menuduh ini air mata yang tidak boleh dipercayai. Tetapi bagi saya apabila saya menyatakan tentang tanggungjawab sebuah kerajaan saya melihat ini sebagai satu amanah sebagai satu tanggungjawab yang besar dan bukan sahaja satu keistimewaan. Y.B. Meru sering mengingatkan saya bahawa kedudukan dan jawatan Menteri Besar ini adalah satu tanggungjawab besar Taklif Wala Tashrif ini satu tanggungjawab bukan keistimewaan. Jadi sudah tentulah saya menginsafi tanggungjawab yang perlu saya bawa sebagai Menteri Besar yang telah diberikan amanah. Perkara yang nak saya jelaskan juga banyak pandangan dari rakan-rakan yang menyatakan khususnya Sungai Burong dan Pelabuhan Klang bahawa kita perlu menyemak semula belanjawan yang dibentangkan tidak perlu belanjawan defisit, perlu dikemukakan belanjawan berimbang. Dalam pembentangan belanjawan 2016 saya telah memulakan yang saya nyatakan tadi prinsip-prinsip kebertanggungjawaban dalam membentangkan belanjawan. Prinsip yang pertama yang saya tegaskan ialah tentang *ex-ante* ini yang menuntut Kerajaan Negeri untuk memadakan keutamaan dasar dengan keperluan belanjawan di mana belanjawan ini mesti dirancang dengan begitu rapi dan bertanggungjawab mengikut keutamaan. Kegagalan banyak negara-negara ini ialah mereka gagal untuk *set the priorities* ataupun menentukan keutamaan apa yang perlu dilaksanakan dalam tempoh setahun yang datang atau 3 tahun yang akan datang dan sebaik sahaja kita boleh menentukan keutamaan itu ia nya mestilah dipadankan dengan kemampuan Kerajaan Negeri untuk berbelanja ke arah itu. Apa yang disebut oleh Pelabuhan Klang pengalaman beliau ialah dia bentangkan belanjawan berimbang kemudian apabila tiba sesi yang berikutnya beliau membentangkan *Supplementary Budget* kalau saya quote perbahasan Pelabuhan Klang ialah untuk menentukan ketetapan

perbelanjaan. Maknanya dia mengikut penjelasan beliau dalam sesi yang pertama kalau tengok ada lebih duit kita berbelanja. Bagi saya ini bukan satu perancangan yang baik kerana pembangunan dibuat secara *ad-hoc*, kalau perancangan itu baik dan terancang kita boleh rancang. Sebagai contoh kos operasi untuk gaji itu tidak perlu dibuat *Supplementary Budget*. Kita tahu *exactly* berapa tenaga kerja di Selangor yang perlu dibayar gaji. Ia nya patut di bajet kan daripada lebih awal. Sebagai contoh Program Air Percuma, kita memerlukan RM170 juta setahun maka kita perlu bajet kan daripada awal supaya kita lebih telus dan amanah terhadap perbelanjaan yang kita buat. Sungai Burong juga telah menegur bahawa perbelanjaan yang diletakkan di bawah Menteri Besar itu terlalu besar jumlahnya. RM857.4 juta. Saya ingin menjelaskan bahawa kalau kita lihat Buku Anggaran Perbelanjaan 2016 ini memanglah tajuknya Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri di bawah Vot P01. Tetapi itu tidak bermakna jumlah RM857 juta itu dikawal sepenuhnya secara mutlak oleh Menteri Besar. Apa yang dimaksudkan oleh Vot P01 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ialah peruntukan pembangunan yang dicadangkan oleh Dewan bagi pelaksanaan program dan projek di bawah tanggungjawab semua portfolio Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ya. Sebagai contoh di bawah Vot P01 di bawah Portfolio saya iaitu kewangan, pembangunan tanah, pengurusan sumber alam dan penerangan hanya RM157 juta sahaja. Itu pun satu pertiga daripada jumlah ini adalah untuk peruntukan Ahli Dewan Negeri, Parlimen, Senator dan JKKK berjumlah RM52.06 juta. Satu pertiga lagi yang berjumlah RM55 juta adalah bagi pembangunan tanah iaitu pengambilan balik tanah bagi tujuan Perkuburan Wilayah Bersepadu dan juga Teater Shah Alam. RM26 juta ialah Skim Mesra Usia Emas. RM3.2 juta adalah Tabung Warisan Anak Selangor, itu sahaja. Kemudian di bawah Portfolio pelaburan, perindustrian, perdagangan dan pengangkutan RM28 juta di mana sebahagian besarnya iaitu RM10 juta untuk program bas *Smart Selangor* dan RM12 juta lagi ialah untuk program dan promosi Invest Selangor bagi menarik pelaburan. Bagi portfolio perumahan, pengurusan bangunan dan kehidupan bandar diperuntukkan RM46.68 juta bagi tujuan program-program yang telah dinyatakan RM20 juta untuk Projek Perumahan Rumah Selangorku. RM20 juta untuk TEPAT dan beberapa peruntukan yang lain yang menjumlahkan keseluruhannya RM46.68 juta. Begitu juga portfolio pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna memperuntukkan RM11.95 juta. Portfolio Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru RM15.52 juta. Portfolio Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi RM18.25 juta. Portfolio Kesihatan, Kebajikan Hal Ehwal Wanita dan Keluarga RM9.65 juta. Portfolio Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang RM25.08 juta. Portfolio Pendidikan, Pembangunan Modal Insan serta Sains dan Teknologi dan Inovasi berjumlah RM65.23 juta. Portfolio Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan RM31.58 juta dan akhirnya Portfolio Infrastruktur Kemudahan Awam, Pemodenan, Pertanian dan Industri Asas Tani ini jumlah yang paling besar lebih besar daripada Menteri Besar iaitu RM448 juta. Kerana ia nya melibatkan infrastruktur sebagai contoh pembinaan pembangunan loji rawatan air

yang baru dan juga beberapa infrastruktur yang lain termasuk Perpustakaan Awam Selangor iaitu tempat letak kereta RM20 juta, tempat letak kereta awam di Seksyen 5, Shah Alam RM15 juta dan infrastruktur yang lain. Jadi keseluruhan jumlahnya ialah RM857.4 juta di bawah Vot P01 bukan membawa maksud ia nya dikawal oleh Menteri Besar tetapi ia nya diperuntukkan untuk semua portfolio di kalangan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, menjawab pertanyaan Sungai Burong saya ingin tegaskan di sini ialah walaupun ini belanjawan yang defisit tetapi kita memberikan perhatian kepada pembangunan. Sebab itu kali ini peruntukan pembangunan meningkat sebanyak kepada 50 peratus. Tidak mungkin kita boleh menguncupkan ataupun mengecilkan perbelanjaan pembangunan dalam keadaan kegawatan ekonomi. Kalau kita lihat pendekatan *handons* di mana apabila *Private Sectors* ini *tighten their belt* ataupun lebih berharga hati-hati dalam perbelanjaan kerajaan harus *Stand In* untuk berbelanja. Tetapi apabila *Private Sectors* mula yakin dengan *market* dan pasaran Kerajaan Negeri akan mengundurkan diri untuk meningkatkan pendapatan. Ini pendekatan *Pump Priming* yang dilakukan di dalam model ekonomi pada hari ini dan kita telah terbukti bila kita lakukan ini pada tahun 2015, Alhamdulillah dengan perbelanjaan yang berhemah kita telah berjaya merubah perbelanjaan belanjawan defisit kepada belanjawan surplus. Y.B. Kampung Tunku ada bertanya mengapa peruntukan Dewan Negeri pada tahun 2015 sebanyak RM36.368 juta telah menurun kepada RM26.088 juta. Untuk makluman Y.B. faktor pengurangan peruntukan bagi Pejabat Dewan Negeri pada tahun 2015 berikutan pengasingan Pejabat Dewan Negeri Selangor dengan Unit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kita mahu ada *check and balance* kalau sebelum ini Setiausaha Dewan adalah juga Setiausaha MMKN, inilah kali pertama kita asingkan Setiausaha Dewan yang lain Setiausaha MMKN yang lain supaya ada pengasingan dan ada bidang kuasa dan tugas masing-masing. Pengasingan ini turut menyebabkan peruntukan bagi Unit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 sebanyak RM8.23 juta dipindahkan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu B01 di bawah seliaan Unit MMKN di mana peruntukan ini melibatkan gaji dan elaun serta kemudahan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang sebelum ini dibayar oleh Dewan, Gaji dan elaun kakitangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan lain-lain perbelanjaan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Jadi perbelanjaan yang dulunya ditanggung oleh Dewan sekarang ini sudah dipindahkan kepada SUK di bawah Vot B01 iaitu belanja mengurus. Dengkil ada bertanya mengapa hasil peningkatan duti hiburan dari tahun ke tahun. Apakah ia nya disebabkan oleh peningkatan premis hiburan di Negeri Selangor. Ini andaian yang tidak tepat kerana untuk maklumat Y.B. Dengkil kalau kita lihat Akta Duti Hiburan 1953, Akta 103 mentafsirkan bahawa hiburan ini termasuklah apa-apa pameran, persembahan, keseronokan permainan dan sukan atau apa-apa aktiviti yang boleh diisytiharkan sebagai hiburan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 2 yang baginya orang dibenarkan masuk dengan bayaran kemasukan ertinya kemasukan sebagai seorang penonton, salah seorang daripada hadiran atau seorang pengguna kemudahan hiburan. Bukan rumah urut seperti yang dianggap oleh Dengkil. Peningkatan ketara hasil duti hiburan bermula tahun 2008 sehingga kini adalah

disebabkan faktor berikut memaksimumkan kutipan cukai dengan meningkatkan kekerapan turun padang dengan cara memantau dan memeriksa premis hiburan seluruh Selangor. Pada tahun 2008 ini soal penguatkuasaan, pemeriksaan dan pemantauan hanya sebanyak 272 premis berbanding pada tahun 2014 pemeriksaan meningkat kepada 687 premis. Kekerapan pemeriksaan ini telah berjaya meningkatkan kesedaran pemilik di premis dalam menjelaskan cukai hiburan di samping berjaya mengelakkan ketirisan hasil. Hasil duit ini juga meningkat kerana pemantauan yang cekap dengan mewujudkan Sistem Kutipan Cukai Hiburan Bersepadu bersama PBT Negeri Selangor melalui *System Selangor Entertainment Tax Renew and Licensing* melalui sistem ini Kerajaan dapat mengenal pasti dengan mudah premis yang berlesen seterusnya boleh menangani ketirisan hasil dan Kerajaan Negeri juga memberikan galakan terhadap usaha meningkatkan hasil melalui insentif Anugerah Hasil Negeri kepada Pejabat Pemungut Hasil Negeri yang berjaya meningkatkan kutipan hasil yang ketara. Insentif ini telah meningkatkan motivasi dan kreativiti pemungut cukai hiburan dalam meningkatkan usaha kutipan. Y.B. Puan Speaker, Sungai Panjang ada membangkitkan bahawa hasil bukan cukai yang mencecah sehingga RM1.4billion itu iaitu 60% daripada keseluruhan hasil negeri menunjukkan Kerajaan Negeri bergantung kepada hasil bukan cukai yang terdiri daripada aktiviti penjualan aset. Saya ingin menjelaskan kepada YB Sungai Panjang, pendapatan hasil bukan cukai adalah penyumbang utama kepada hasil negeri dan bagi tahun 2016 dianggarkan hasil bukan cukai adalah sebanyak RM1.4billion ataupun 62% tetapi komponen hasil bukan cukai ini adalah bayaran pendaftaran lesen dan permit, perkhidmatan dan bayaran, sewaan, keuntungan pembiayaan dan perolehan, denda dan hukuman, sumbangan dan bayaran ganti. Jumlah perolehan hasil paling tinggi daripada hasil bukan cukai bukanlah seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat melalui penjualan aset tetapi kalau kita lihat kod hasil 73000 perolehan dari jualan barang-barang yang terdiri daripada kod hasil tersebut iaitu:

- i) Jualan bahan bercetak.
- ii) Jualan harta benda termasuk kenderaan-kenderaan yang hendak dilupuskan.
- iii) Premium tanah dan jualan hasil tanaman dan ternakan.

Ia tidak melibatkan penjualan aset.

Yang Berhormat Bukit Gasing ada memberikan satu cadangan yang agak baik iaitu, baik, baik. Saya tarikh balik perkataan ‘agak baik’ ya, iaitu untuk mewujudkan akaun khas bagi kutipan hasil melalui premium tanah bagi tujuan untuk pelaburan di masa yang akan datang membeli tanah-tanah di kawasan-kawasan tertentu bagi tujuan kemudahan awam termasuk kawasan hijau dan juga memberikan kemudahan dan meningkatkan kualiti kehidupan, yang ini yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit

Gasing dan beliau merujuk kepada negara Norway yang telah mewujudkan *Petroleum Fund of Norway*. Saya bersetuju dengan cadangan Y.B. Bukit Gasing untuk dilaksanakan apabila kita berada di Putrajaya, dalam masa dua tahun lagi, *Insya-Allah*, ya.

Oleh sebab saya percaya Y.B. Bukit Gasing juga sedia maklum, ianya lebih berkesan dilaksanakan di peringkat Persekutuan kerana sumber pendapatan di peringkat Persetujuan itu banyak. Sebagai contoh, kalau saya ada lampiran di sini, dia ada cukai langsung, cukai pendapatan, cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan petroleum, cukai pegangan, cukai pendapatan koperasi, dan ada juga kategori cukai langsung yang lain seperti duti setem, cukai keuntungan harta tanah. Cukai tidak langsung seperti *duty export* petroleum mentah, minyak kelapa sawit, ada kategori duti import minuman beralkohol, rokok, kenderaan bermotor di bawah kategori duti eksais, kita ada minuman beralkohol, rokok, kenderaan bermotor, cukai jualan, cukai perkhidmatan, sekarang ada GST, levi, pelbagai cukai tidak langsung. Hasil bukan cukai seperti royalti premium, levi pekerja asing. Jadi ada berbagai bentuk cukai yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan.

Sebagai contoh, kita lihat Petronas sahaja membayar 3 jenis cukai kepada Kerajaan Persekutuan iaitu duti eksport petroleum mentah, royalti dan dividen. Satu contoh sahaja dividen Petronas kepada Kerajaan Persekutuan tahun 2014 RM29 bilion, tahun 2015 RM26 bilion dan anggaran bagi tahun 2016 RM16 bilion. Jadi bila ada sumber yang banyak begini kita boleh ambil salah satu tersebut untuk seperti yang dilakukan oleh negara Norway iaitu tabung warisan negara.

Untuk makluman YB Bukit Gasing, pengalaman singkat saya di Kementerian Kewangan bersama Dato' Seri Anwar Ibrahim, beliau telah pun membentuk tabung warisan negara di mana sumbangan daripada Petronas dimasukkan ke dalam tabung ini bagi tujuan masa depan generasi akan datang. Tetapi sebaik saja beliau dipecat, tabung ini pun hilang begitu sahaja sampai hari ini ya. Jadi, cadangan ini satu cadangan yang baik tetapi untuk peringkat negeri tidak mungkin kita laksanakan kerana itulah satu-satunya sumber pendapatan negeri iaitu hasil premium tanah bagi kita membangunkan negeri ini. Cuma saya telah mencadangkan Kerajaan Negeri juga bertanggungjawab untuk tidak terlalu bergantung kepada hasil premium tanah tetapi mencari sumber-sumber pendapatan baru bagi membiayai pembangunan di negeri Selangor ini dan inilah yang sedang kita lakukan pada hari ini supaya setiap sen yang kita perolehi itu mestilah dibelanjakan secara amanah dan bertanggungjawab.

YB Damansara Utama ada membangkitkan kekeliruan tentang pinjaman yang diberikan kepada KDEB kerana dalam ucapan saya disebut RM413 juta tetapi dalam Laporan Kewangan jumlah keseluruhan adalah RM636.7 juta. Untuk makluman Damansara Utama, memang benar pembiayaan bagi pengambilalihan KHSB adalah RM413.2 juta tetapi sebelum itu ada beberapa pinjaman yang telah diberikan kepada

KDEB sebagai contoh pada tahun 2005 diberikan sejumlah RM20 juta bagi perbelanjaan operasi UNISEL. Pada tahun 2013, diberikan pinjaman RM200 juta untuk membiayai kos Program Air Percuma sebelum diambil alih oleh Kerajaan Negeri. Kemudian pada tahun 2014 (Bulan Januari) diberikan pinjaman RM3.5 juta bagi tujuan pembayaran 12 unit *compactor* untuk MBPJ. Jadi jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diberikan kepada KDEB ialah RM636.7 juta.

YB Tuan Speaker. Saya juga ingin menyatakan di sini dalam belanjawan 2016, saya telah mengumumkan bahawa memandangkan suasana kegawatan ekonomi yang menekan rakyat dan kos sara hidup yang tinggi, kita telah mencadangkan supaya cukai taksiran bagi rumah kos rendah, rumah kampung dan fi lesen perniagaan penjaja kecil/pasar malam dan pasar tani dikecualikan bagi tahun 2016.

Dalam perbahasan, saya telah mendengar banyak pandangan khususnya daripada Sekinchan dengan nada yang begitu garang dan juga Pandamaran mendesak kerajaan untuk melebarkan pengecualian ini juga kepada kampung-kampung baru dan juga bagan. Saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju pengecualian ini diberikan juga kepada kampung-kampung baru dan juga bagan bagi tahun 2016 sahaja. Ok. Untuk tahun 2017 kita akan tengoklah keadaan (apa ini) kewangan negeri pada ketika itu. Tapi kalau inilah semangat yang ditunjukkan, saya percaya kita boleh pergi lebih banyak pengecualian kepada rakyat di negeri ini.

Saya juga ingin beralih kepada satu isu yang banyak dibahaskan dalam sesi ini iaitu tentang isu bekalan air di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah pun mengumumkan usaha untuk meneroka sumber-sumber air tambahan bagi memitigasikan sebarang kemungkinan kekurangan bekalan air antara tempoh 2017 dan 2019 dengan cadangan pembinaan Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Kuala Langat dan Loji Rawatan Air Semenyih 2, Jenderam Hilir. YB Damansara Utama telah bertanya siapakah pengendali projek ini, bila projek bermula, bila projek siap, siapa pantau. Ini soalan-soalan yang akan saya berikan jawapan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk YB Dengkil yang telah bertanya persoalan yang sama. Pembangunan kedua-dua loji baru ini akan dibiayai sepenuhnya menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri Selangor dan pihak UPEN adalah penguasa projek. Kaedah perolehan bagi pembangunan projek ini adalah melalui kaedah tender terbuka. Untuk projek Loji Rawatan Air Semenyih 2 Jenderam Hilir, tender dokumen telah pun siap dan akan dibuka awal Disember 2015. Manakala tender dokumen bagi Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Kuala Langat akan disiapkan selewat-lewatnya Mac 2016. Kerja-kerja pembinaan dijadualkan bermula pada bulan Jun 2016 dan tempoh pelaksanaan projek dijangka akan mengambil masa 24 bulan bagi Loji Rawatan Air Semenyih 2. Sekiranya tidak melibatkan kerja-kerja tanah di tapak, pembinaan loji boleh disiapkan dalam tempoh 18 bulan. Kedua-dua projek ini dijangka akan melibatkan pengambilan tanah seperti yang ditanya oleh Tanjung Sepat. Namun keluasan tanah dan kos yang terlibat

dengan pengambilan balik hanya boleh diperincikan selepas reka bentuk dimuktamadkan. Dan kos pembangunan sebanyak RM778juta itu telah pun mengambil kira anggaran kos pengambilan balik tanah.

Bagi pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang yang akan dibangunkan di Mukim Tanjong Dua Belas, Daerah Kuala Langat berdekatan dengan kawasan perindustrian Olak Lempit dan terletak lebih kurang 15 kilometer dari Pekan Banting dan lebih kurang 10 kilometer daripada KLIA dan tapak kolam takungan yang dicadangkan adalah di atas lot 9570 dan lot 8378 yang merupakan bekas lombong dengan keluasan 109 hektar. Sebahagian kolam utama telah pun diwartakan sebagai *detention pond* di bawah seliaan JPS. Sumber baru dari Labohan Dagang ini akan mengimbangi permintaan bekalan air di Kuala Langat hingga ke kawasan Klang dan kawasan Klang merupakan kawasan terakhir dalam sistem agihan air daripada SSP1 dan SSP3. Dengan adanya sumber baru ini, masalah bekalan air di kawasan Klang dan Sijangkang dan Kuala Langat dapat diatasi dan bekalan air daripada SSP1 dan 3 boleh ditumpukan di kawasan Lembah Klang. Sumber air dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang tidak memerlukan pembangunan sistem agihan baru kerana boleh dialirkan ke dalam sistem paip agihan sedia ke Bukit Tampoi atau Bukit Jugra Reservoir. Jadi apa yang saya nak tegaskan ialah kerajaan hanya membangunkan loji rawatan, tetapi sistem agihan telah pun sedia ada dan ini akan mempercepatkan sumber air baru di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Bagi pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 pula, tapak yang dicadangkan adalah di atas tanah kerajaan yang terletak di Jenderam Hilir bersebelahan dengan rumah pam air mentah sedia ada Sungai Semenyih. Kedudukan yang strategik ini dapat mengguna pakai *facility* stesen jana kuasa yang sama. Sumber air dari loji baru ini boleh menambah bekalan air sebanyak 100juta liter sehari kepada sumber sedia ada dari Loji Rawatan Air Sungai Semenyih ke kawasan Semenyih, Beranang dan sebahagian kawasan Hulu Langat dan pembangunan baru di sepanjang Lebu Raya LEKAS. Air terawat dari Loji Rawatan Air Semenyih 2 tidak memerlukan pembangunan sistem agihan baru kerana akan menggunakan kolam sedia ada dan sistem paip agihan sedia ada dari Kolam Desa Putera ke Bangi melalui pembinaan rumah pam *booster* yang baru. Jadi sekali lagi, kedua-dua loji rawatan ini tidak memerlukan kemudahan sistem agihan kerana kedudukan kedua-duanya yang cukup strategik menggunakan kemudahan sedia ada untuk menyalurkan bekalan air kepada kawasan-kawasan yang berkenaan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker. Minta penjelasan. Tadi Dato' Menteri Besar kata bahawa dia akan *start* membina pertengahan 2016 dan akan mengambil masa 2 tahun. So, dia akan siap pertengahan 2018. So, kita ada jurang satu tahun lagi (dari 2017 sampai 2018). Apakah *emergency steps* yang akan diambil oleh kerajaan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih YB Damansara Utama. Yang akan dijangka bermula Jun 2016 ialah Loji Rawatan Air Labohan Dagang kerana tender dokumen akan hanya dibuka pada bulan Mac 2016. Tetapi bagi Loji Rawatan Air Semenyih 2, tender akan dibuka pada bulan 12 tahun ini dan ianya akan bermula selewat-lewatnya Mac tahun hadapan dan seperti yang saya tegaskan tadi sekiranya ianya tidak melibatkan kerja-kerja tanah di tapak, pembinaan ini boleh siap dalam tempoh 18 bulan. Kita jangka akhir tahun 2017 loji rawatan air Semenyih 2 dengan kapasiti 100 juta liter sehari dapat beroperasi bermula 2017 2018 maaf. Baik pengambilalihan SPLASH, ini juga banyak ditanyakan oleh Permatang dan juga Pelabuhan Klang, kita sedang memuktamadkan pengambilan ABAS dan SPLASH. Untuk makluman Dewan air Selangor telah pun diberikan tempoh selama 12 bulan selepas perjanjian utama dimuktamadkan. Untuk mengambil alih SLASH dan pengambilalihan SPLASH ini masih belum dapat dimuktamadkan kerana pemegang-pemegang saham utama SPLASH telah menolak tawaran awal Kerajaan Negeri dan untuk maksud itu perbincangan sedang berlangsung dan Kerajaan Negeri telah melantik penilai bebas untuk mengkaji dan menentukan nilai sebenar SPLASH sebelum Kerajaan Negeri memutuskan jumlah yang wajar dan adil diberikan kepada SPLASH. Dan rundingan dengan SPLASH telah pun bermula dan Kerajaan Negeri berharap usaha ini dapat diputuskan dalam tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian yang utama iaitu sebelum September 2016. Projek yang masih ditangguhkan kelulusannya ini juga banyak dibincangkan dalam Dewan ini yang mungkin memberikan kesan ekonomi kepada Negara termasuk Yang Berhormat Permatang. Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan melaksanakan penilaian dan penelitian semula ke atas penangguhan kelulusan bekalan air bagi projek pembangunan baru dan kita dengan SPAN mencari langkah penyelesaian yang menyeluruh ke atas masalah penangguhan kelulusan ini mengikut rekod SPAN projek pembangunan yang masih ditangguhkan kelulusan sehingga Ogos tahun 2015 berjumlah 963 permohonan di mana jumlah air yang diperlukan adalah sebanyak 831.5 juta liter sehari, tetapi Yang Berhormat Permatang juga kena mengambil maklum bahawa 963 permohonan ini ianya mempunyai jadual siap projek dalam tempoh antara 3 hingga 5 tahun. Maknanya keperluan air itu bukan untuk tahun hadapan ataupun tahun berikutnya kerana projek-projek ini akan hanya siap pada cepat antara 3 hingga 5 tahun. Jadi berdasarkan tahun pembangunan projek ini maka wajarlah Kerajaan Negeri memberikan dan menimbang kelulusan secara berfasa kita telah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Minta maaf Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya ke belakang sikit, Yang Amat Berhormat ada maklum mengenai rundingan sedang dibuat mengenai pengambilan SPLASH itu saya boleh terimalah. Jika kalau saya tersilap dengan Yang Amat Berhormat kata rundingan sedang dibuat dengan ABAS ataupun telah diputuskan dengan pihak ABAS ini.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Kerajaan Negeri tidak melihat pengambilan ABAS ini memberikan masalah kerana pemegang-pemegang saham iaitu Titisan Modal Sdn. Bhd. Iaitu pemegang saham tunggal

konsortium ABAS ini telah pun menerima tawaran KDEB berkaitan cadangan pembelian ekuiti sepenuhnya dalam Titisan Modal Sdn. Bhd dan tambahan pula 90% saham ABAS adalah dipegang Kerajaan Negeri melalui KPS jadi kita tidak melihat ini sebagai satu masalah. Mengapa kita mendahuluikan SYABAS dan Puncak Niaga kerana ia melibatkan sistem pengagihan jadi kita mahu apabila kita ambil balik syarikat ini pengagihan juga dikuasai oleh Kerajaan Negeri. Untuk ABAS kita diberikan tempoh 6 bulan untuk menyelesaikan pengambilalihan ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Saya bertanya tadi saya sudah mendapat jawapan bertulis daripada pihak Yang Amat Berhormat, yang saya tanyakan secara bertulis bahawa jawapan yang saya terima, saya ada jawapan daripada saya ini bahawa tawaran yang dibuat kepada ABAS sudah dimuktamadkan dengan harga 86. ditawarkan maknanya tak timbul ada rundingan lagi pihak ABAS.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Ia betul Yang Berhormat Permatang dengan ABAS tidak ada sebarang rundingan kerana kita telah membuat tawaran dan ABAS juga telah bersetuju dengan tawaran tersebut yang saya nyatakan tadi cuma mereka memang diberikan tempoh 6 bulan untuk menyelesaikan pengambilan ini dan sebab itu tumpuan kita sekarang ialah berbincang dan berunding dengan SPLASH bagi mencari nilai yang adil dan wajar di buat pembayaran.

Akhirnya tentang apa yang saya sebut tadi tentang Kerajaan Negeri merasakan wajar menimbang kelulusan untuk projek-projek yang tertangguh ini bagi tahun 2015 kita mencadangkan kepada SPAN untuk diluluskan 200 juta liter sehari 2016 300 liter juta sehari dan 2017 300 juta liter sehari jadi jumlahnya 800 juta liter sehari dalam tempoh 3 tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Sekinchan ada membangkitkan tentang pemberian saham air kepada rakyat. Saya ingin menyatakan dengan satu ayat sahaja, iaitu pemberian saham air untuk rakyat ini telah dicetuskan idea oleh mantan Dato' Menteri Besar Selangor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelaksanaan serta kaedah pemberian saham air ini tidak pernah dibincangkan dalam MMKN tidak ada kajian terperinci dibuat sebelum ini. Walau bagaimanapun cadangan ini boleh teliti oleh Air Selangor setelah melihat secara total aspek pengurusan kewangan dan perundungan sebaik sahaja air Selangor masuk ke dalam SYABAS dan Puncak Niaga secara menyeluruh. Kita baru masuk rumah Air Selangor ini lebih kurang 2 minggu yang lepas. Dan saya dan Ahli MMKN akan melawat pejabat SYABAS pada minggu depan dan kita akan lihatlah aspek yang sebutkan tadi pengurusan perundungan sebelum kita boleh mengemukakan cadangan untuk saham air bagi rakyat. Tentang pembangunan Sungai Klang, memang ada pandangan ini idea lama mengapa dimasukkan bagi saya dan bagi pihak Kerajaan Negeri usaha-usaha ini adalah usaha berterusan memang ada beberapa usaha yang telah dimulakan sebelum ini pada tahun 2010 yang dimasukkan dalam pakej rangsangan ekonomi pada ketika itu, tetapi ia ada peringkat dan fasa-fasa tertentu. Kerajaan Negeri telah

mengenal pasti sepanjang lebih kurang 80 kilometer sungai Klang yang terlibat dan melalui 5 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MMPJ, MBSA, MBPJ dan MPAJ serta satu pihak berkuasa tempatan di luar Selangor iaitu DBKL. Bagi maksud pemuliharaan dan pembangunan sungai Klang, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti 6 peringkat fasa pelaksanaan dan bermula dengan kajian dan konsep sehingga pelaksanaan pembangunan yang mengambil masa 20 tahun iaitu fasa pertama kajian dan konsep, termasuk mewartakan rizab sungai Klang membuat inventori guna tanah dan membuat konsep projek. Fasa yang kedua yang melibatkan perancangan penyediaan pelan projek pemilihan syarikat dan pelancaran projek. Fasa ketiga pemuliharaan termasuk kerja-kerja pembersihan dan pemuliharaan dijalankan, penambahbaikan imej dan nilai sungai Klang. Fasa keempat pembangunan impak tinggi yang melibatkan pembangunan yang fokus di kawasan yang terpilih membangunkan dua tiga projek impak tinggi menggalakkan pelaburan membangunkan kemahiran sumber manusia. Fasa kelima perluaskan pembangunan yang melibatkan di kawasan yang terpilih meneruskan usaha pemuliharaan alam sekitar kita menyediakan infrastruktur yang mantap untuk menyokong pelaburan dan fasa yang keenam merealisasikan wawasan iaitu mencapai pembangunan mencapai antarabangsa yang mantap dan lestari, menggiatkan usaha untuk penambahbaikan imej sungai Klang di mata dunia. Sehingga kini apa yang telah dilakukan hanya mewartakan tanah ini iaitu rizab Sungai Klang telah diwartakan melalui warta Kerajaan nombor 2004, pada 5 Jun 2009 di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri sangat komited untuk memastikan kelangsungan usaha pembangunan dan pemuliharaan Sungai Klang diteruskan bagi maksud itu sehingga kini beberapa penerbitan laporan dan kajian telah disediakan bagi menyokong usaha pemuliharaan dan pembangunan sungai Klang iaitu Laporan Inventori Guna Tanah sepanjang pesisir sungai Klang yang meliputi 3 Zon di kawasan MPK MBSA MBPJ MPSJ dan MPAJ dan pelan cadangan pembangunan di pesisir sungai Klang dengan mengenal pastikan kawasan yang sepatutnya dipelihara sebagai Koridor Ekologi dan juga kawasan yang seharusnya dibangunkan. Kerajaan Negeri juga akan memastikan satu kajian komprehensif perlu dijalankan bagi memperincikan pelan pembangunan yang bersesuaian di sepanjang sungai Klang selaras dengan agenda pembangunan mampan negeri.

Yang Berhormat Kajang ada mencadangkan untuk melihat bagaimana Kerajaan Negeri boleh memanfaatkan *Projek River Of Life* Kerajaan Persekutuan untuk maklumat Yang Berhormat Kajang, *Projek River Of Life* ini hanya di dalam Wilayah Persekutuan bila masuk sempadan Selangor ia berhenti di situ. Saya telah membawa perkara ini dalam Mesyuarat Sumber Air Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beberapa minggu yang lalu dan 2 hari lepas dalam perbahasan saya di Parlimen, sekali lagi saya membawa perkara itu, ini kalau Kerajaan Persekutuan itu benar-benar jujur dan ikhlas, ingin menyumbang kepada Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri menyumbang 23%

kepada KDNK Nasional maka *Projek River Of Life* mestilah disambung terus ke dalam Negeri Selangor kerana itu juga tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Tuan Speaker akhirnya ada beberapa perkara yang perlu saya bangkitkan di sini tentang perbahasan Yang Berhormat Dusun Tua tentang Kampung Batu 10 Cheras, sebenarnya Kerajaan Negeri telah pun menerima kertas cadangan daripada MPKJ tentang 3 alternatif jalan baru namun ketiga-tiga cadangan ini akan melibatkan pengambilan tanah dan kos yang cukup tinggi maka kita sedang melihat apakah cadangan lain yang boleh kita selesaikan dengan persetujuan penduduk dan juga Yang Berhormat sendiri. Begitu juga dengan untuk maklumat tentang Kampung Mampir ini, yang juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat beberapa kali kita sedang melihat pertama oleh sebab mereka yang menduduki tanah yang tersebut adalah Melayu dan keturunan Indonesia tetapi tidak menepati syarat-syarat untuk duduk di atas tanah rizab Melayu. Walau bagaimanapun perkara ini boleh diselesaikan dengan membatalkan tanah rizab Melayu tersebut dan digantikan dengan tanah yang lain. Walau bagaimanapun ada masalah yang lebih rumit memandangkan pembinaan rumah yang terlalu padat di atas tanah seluas 1.26 hektar ini dan tidak teratur dan ia akan melibatkan masalah rizab jalan dan juga penyediaan *set back* dan sistem pembetungan bagi kesejahteraan dan keselamatan penduduk. Kerajaan Negeri telah bercadang supaya kita dapat berbincang dengan Yang Berhormat Dusun Tua bersama-sama penduduk apakah mereka bersedia untuk mendapat hak milik tanah yang berkenaan dan sekiranya persetujuan itu diterima beberapa kerja-kerja perobohan perlu berlaku kerana kita memerlukan susun atur bangunan susun atur yang telah ditetapkan dalam garis panduan yang sedia ada.

Tentang jeti di Sekinchan ini, pertama pusat pengumpulan ikan di Sekinchan ini untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan saya sendiri telah turun, saya lihat keadaan jeti dan pusat pengumpulan kumpulan ikan. PTG Selangor telah pun menerima permohonan bagi kelulusan perizaban tanah yang dikenal pasti pada 22 Oktober 2015 baru sahaja dan kertas untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri berhubung perizaban ini akan dikemukakan kepada negeri dalam tempoh yang terdekat. Bagi mempercepatkan proses ini di bawah Seksyen 62 Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melantik juruukur berlesen untuk menyediakan pelan dan mendapatkan pelan akui daripada JUPEM kalau kita nak tunggu daripada JUPEM mungkin kita akan mengemukakan draf warta untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Dan saya percaya perkara ini akan selesai dalam masa yang terdekat iaitu jeti nelayan di Sekinchan.

Tentang kecurian bahan batuan di tanah rizab kubur yang juga dibangkitkan oleh Sekinchan. YB Sijangkang pagi ini ada memaklumkan bahawa pihak syarikat telah mendapat kelulusan kebenaran daripada JAIS. Walau bagaimanapun, setelah saya menyemak semula didapati walaupun syarikat mendapat kebenaran daripada JAIS, syarikat tidak memohon permit pengalihan bahan batuan daripada Pejabat Tanah

Petaling. Oleh kerana itu, Pejabat Tanah/Daerah Petaling akan mengenakan tindakan ke atas pihak yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara atas sebab pemindahan bahan batuan tanpa kebenaran. PTD Petaling juga mengesyorkan agar penceroboh dikenakan bayaran royalti bagi setiap meter padu tanah yang telah dikorek dan dibawa keluar.

Tentang cadangan YB Bukit Gasing supaya tanah-tanah yang tidak produktif ini dan tidak sesuai dimajukan dijual. Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan tersebut dan akan meminta Pejabat Tanah dan Daerah Petaling untuk mengenal pasti tanah-tanah berkenaan untuk dibuat secara tender terbuka.

YB Tuan Speaker, Saya kira itulah sebahagian besar perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan kali ini. Saya ingin menutup

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker. Minta sikit penjelasan. Saya bangkitkan tanah-tanah yang diberi kepada kerajaan persekutuan untuk tujuan kepentingan awam seperti sekolah yang telah tidak dimajukan dan juga tanah-tanah yang telah diberi kepada kerajaan persekutuan yang telah dijual. Apakah langkah kerajaan untuk isu ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Kota Anggerik. Memang benar banyak tanah-tanah Kerajaan Negeri yang telah kita luluskan kepada kerajaan persekutuan bagi tujuan dan kepentingan awam telah disalahgunakan. Sebahagian besarnya telah dijual dengan harga nilai komersial dengan mendapat pulangan yang begitu besar. Maka, hari ini pentadbiran hari ini telah mengambil keputusan untuk mengenakan syarat nyata kepada tanah-tanah yang diberikan kepada kerajaan persekutuan. Sekiranya kita berikan untuk tujuan sekolah, kita akan nyatakan di dalam itu hanya untuk tujuan sekolah dan tidak boleh dipindah milik bagi tujuan yang lain tanpa kebenaran Kerajaan Negeri. Perkara ini telah pun dilaksanakan kerana kecuaian dan kecurangan kerajaan persekutuan yang telah menyalahgunakan tanah-tanah Kerajaan Negeri bagi tujuan kepentingan awam.

Jadi YB Tuan Speaker,

Seperti yang saya tegaskan baru-baru ini, belanjawan 2016 ini adalah berteraskan kepada ekonomi *maqassid* dan salah satu cabang *maqassid* syariah adalah *hifzul mal* iaitu penjagaan harta. Dan segala hasil mahsul negeri Selangor adalah untuk semua (Selangor untuk semua), bukan untuk segelintir elit sahaja. Mahatma Gandhi pernah berkata (dengan izin) Tuan Speaker "*the world is enough for everyone needs, but not for everyone greed's*". Negeri Selangor ini cukup untuk semua yang memerlukan, tapi tidak cukup bagi orang yang tamak dan haloba dan prinsip keadilan dalam pengagihan ataupun *distributive justice* ini amat penting dalam belanjawan 2016 di mana semua pihak dapat peruntukan ya. Golongan miskin pun kita siapkan Program Bantuan Makanan Asas, golongan penjaja dan peniaga kecil

kita kecualikan bayaran fi lesen perniagaan, kediaman kampung kita kecualikan cukai taksiran. Hari ini (sebentar tadi) kita lanjutkan pengecualian ini kepada Kampung Baru dan Bagan. Golongan OKU dan anak-anak yang memerlukan bantuan khas seperti autisme kita bina tempat terapi. Golongan wanita dan generasi muda mendapat peruntukan yang cukup besar dalam pelbagai program.

Maksudnya, Negeri Selangor ini selamat untuk semua kalau ditadbir oleh kerajaan yang ada pada hari ini. Namun konsep *hifzul mal* ini atau penjagaan harta ini mestilah juga meliputi pengembangan harta. Dan kita perlu mengimbangi pengagihan dengan pertumbuhan kerana tanpa pertumbuhan tidak ada pengagihan. *Without growth they will be no distribution.* Yang kita akan edarkan hanyalah kemiskinan. Kita mahu pertumbuhan yang lestari supaya pertumbuhan ini dapat manfaatkan rakyat kerana negeri Selangor tak dapat derma. Kita hanya kerja kuat. Hasil negeri ini kita belanja dengan baik dan bertanggungjawab.

Jadi, YB Tuan Speaker, Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan untuk menjamin belanjawan 2016 ini dapat dilaksanakan dengan penuh berhemah, bertanggungjawab, telus demi kepentingan rakyat dan dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan mengharapkan belanjawan ini dapat melihat satu kejayaan pada penghujung tahun 2016. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ini ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ‘ya’. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata ‘tidak’. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk Perkhidmatan bagi Tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah, saya rasa kita akan sambung esok. Saya tangguhkan Dewan sehingga esok (hari Khamis), jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan jam 6.25 petang )